Naskhah belum semak

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 22 **Selasa** **3 Disember 2024**

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 (Halaman 34)

AHLI HADIR

1.	Yang Berhormat	Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Tuan Yang di-Pertua]
2.	“	Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua]
3.	“	Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
4.	“	Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]
5.	“	Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6.	“	Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
7.	“	Puan Dr. Hajah Fuziah bint Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
8.	“	Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
9.	“	Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
10.	“	Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
11.	“	Tuan Manolan bin Mohamad
12.	“	Puan Susan Chemerai Anding
13.	“	Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
14.	“	Tuan Robert Lau Hui Yew
15.	“	Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
16.	“	Datin Ros Suryati binti Alang
17.	“	Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa
18.	“	Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
19.	“	Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
20.	“	Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
21.	“	Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
22.	“	Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
23.	“	Dato' Sivaraj a/l Chandran
24.	“	Tuan Mohd Hasbie bin Muda
25.	“	Tuan Abun Sui Anyit
26.	“	Tuan Roderick Wong Siew Lead
27.	“	Puan Noorita binti Sual
28.	“	Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
29.	“	Datuk Nelson W Angang
30.	“	Tuan Pele Peter Tinggom
31.	“	Dato’ Setia Salehuddin bin Saidin
32.	“	Dato’ Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
33.	“	Tuan Che Alias bin Hamid (Terengganu)

AHLI HADIR *(samb/-)*

34.	Yang Berhormat	Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis)
35.	"	Tuan Azahar bin Hassan (Perlis)
36.	"	Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
37.	"	Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
38.	"	Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
39.	"	Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
40.	"	Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
41.	"	Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
42.	"	Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
43.	"	Datuk Lim Pay Hen (Johor)
44.	"	Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor)
45.	"	Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
46.	"	Datuk Noraini binti Idris (Sabah)
47.	"	Datuk Wira Koh Nai Kwong
48.	"	Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
49.	"	Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
50.	"	Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
51.	"	Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
52.	"	Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)
53.		Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
54.		Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)

AHLI TIDAK HADIR

1.	Yang Berhormat	Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
2.	"	Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak)

HADIR BERSAMA

1.	Yang Berhormat	Tuan Loke Siew Fook [Menteri Pengangkutan] (Seremban)
2.	"	Tuan Nga Kor Ming [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Teluk Intan)
3.	"	Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Hassan [Menteri Luar Negeri] (Rembau)
4.	"	Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Santubong)
5.	"	Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai)

HADIR BERSAMA ***(Samb/-)***

6.	Yang Berhormat	Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
7.	“	Dato’ Ramanan Ramakrishnan [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Sungai Buloh)
8.	“	Tuan Wong Kah Who [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
9.	“	Dato Hajah Rubiah binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
10.	“	Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
11.	“	Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Pensiangan)
12.	“	Dato' Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Selasa, 3 Disember 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan YB Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan nombor 1.

1. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah inisiatif kementerian dalam membantu golongan anak muda untuk membeli rumah pertama mereka dengan harga pasaran kini agak tinggi dan membebankan terutamanya kepada golongan anak muda yang baharu memulakan kerjaya mereka dalam bidang masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]: Salam Malaysia MADANI Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon izin untuk menjawab soalan Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu secara bersekali dengan nombor 28 daripada YB Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh bertarikh 19 Disember kerana kedua-duanya melibatkan isu yang sama.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, aspirasi Malaysia MADANI sentiasa meletakkan keutamaan kepada kebajikan rakyat. Dalam aspek perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut memberikan fokus kepada usaha untuk meningkatkan akses golongan muda kepada pemilikan rumah sejajar dengan hasrat kerangkuman agar semua golongan rakyat menerima manfaat daripada inisiatif Kerajaan MADANI.

Dalam hal ini, KPKT komited untuk menyediakan rumah mampu milik tanpa mengetepikan aspek kualiti kemajuan perumahan. Oleh sebab itu, sukacita dimaklumkan

kepada Tuan Yang di-Pertua, setakat pagi ini kadar pemilikan Rumah Keluarga Malaysia sudah mencapai 76.9 peratus. Dengan izin, *it is our dream that every Malaysian will own decent home.*

Kerajaan MADANI maklum bahawa antara cabaran dalam sektor perumahan adalah peningkatan harga hartanah yang dipengaruhi pelbagai faktor antaranya lokasi, kos pembinaan rumah, kos infrastruktur, kos tanah serta kos pematuhan serta keuntungan pemaju. Manakala, cabaran penyediaan lebih banyak rumah mampu milik disumbangkan oleh faktor antaranya kecenderungan pihak pemaju swasta untuk membayar penalti ataupun levi berbanding untuk menyediakan rumah mampu milik.

Bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan telah menetapkan sasaran menyediakan 500 ribu unit rumah mampu milik. Setakat September tahun ini, untuk unit yang telah siap, yang sedang dibina dan termasuk yang telah mendapat kelulusan merancang telah mencapai 89 peratus. Saya yakin menjelang penghujung Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan ini akan menjadi kerajaan pertama untuk mencapai sasaran 500 ribu unit rumah mampu milik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha kerajaan untuk mengawal kenaikan harga rumah agar rakyat termasuk golongan muda dapat memiliki kediaman. KPKT telah menetapkan siling harga rumah mampu milik pada RM300 ribu selaras dengan dasar Perumahan Mampu Milik Negara.

KPKT juga melaksanakan pemetaan harga rumah mampu milik berdasarkan kepada pendapatan median mengikut negeri dan daerah sebagai panduan pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi penetapan harga jualan rumah di satu-satu lokasi. Ia boleh diakses melalui *dashboard* maklumat rumah mampu milik di laman web *Malaysia Urban Observatory* (MUO). Walau bagaimanapun, siling harga rumah mampu milik turut tertakluk kepada ketetapan yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Selain itu, kerajaan telah memperkenalkan Program Perumahan Rakyat (PPR), Sewa untuk Beli *(Rent-to-Own)* bermula pada tahun 2017. PPR *Rent-to-Own* merupakan skim pembiayaan mudah khusus bagi membantu pemilikan rumah oleh golongan berpendapatan rendah yang telah ditawarkan unit PPR, tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi pembangkang atau kewangan.

Skim RTO ini adalah usaha proaktif KPKT untuk menggalakkan pemilikan rumah secara berperingkat kerana ia juga membuka ruang untuk golongan muda yang baharu bekerja untuk memiliki rumah dengan cara menyewa dalam tempoh masa tertentu dan kemudiannya boleh memilih untuk membeli rumah tersebut. Maka menilai kepada maklumat untuk rakyat, pelaksanaan skim *Rent-to-Own* akan diteruskan.

Bagi Program Residensi Rakyat yang akan dilancarkan tahun depan, bagi projek-projek yang akan dilaksanakan. Selain daripada PPR dan PRR, inisiatif penyediaan rumah

mampu milik termasuk juga Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB dan juga program Rumah PR1MA.

Daripada aspek sokongan pembiayaan adalah penting saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, di mana Kerajaan MADANI telah pun menyediakan satu jumlah jaminan yang besar di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dengan jaminan hak pembiayaan sehingga RM500 ribu bagi pembelian rumah pertama untuk rakyat tanpa pendapatan tetap termasuk *gig* ekonomi serta berpendapatan rendah dan sederhana.

Sepanjang pelaksanaan, sukacita saya maklumkan SJKP telah pun meluluskan 65,818 permohonan dan bernilai RM14.975 bilion telah diluluskan. Tahun depan, SJKP akan ditambahkan RM10 bilion lagi, menjadikan jumlah Skim Jaminan Kredit Perumahan berjumlah RM30 bilion. Satu tahap yang tertinggi dalam sejarah.

Selain daripada itu, di mana saya maklumkan kepada Dewan ini, kerajaan sedang melaksanakan *Home Ownership Campaign 2.0.* Siapa yang beli rumah di bawah RM500 ribu rumah pertama akan diberikan pengecualian *stamp duty*, surat cara pindah milik serta perjanjian pembiayaan. Maka, tawaran ini akan berakhir pada tahun depan, 31 Disember 2025. Sama ada dilanjutkan, kita akan bincang nanti.

Ketiga, Projek Rintis Perumahan Inklusif Madani di Johor iaitu perumahan pelbagai saiz bagi memastikan kesesuaian dan keperluan isi rumah pelbagai golongan juga sasaran dipenuhi termasuk di kawasan Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Di Johor Bahru.

Tuan Nga Kor Ming: Yang lain, saya akan jawab nanti kerana mematuhi kepada masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa soalan ini akan diulang lagi masa perbahasan bajet nanti. Jadi Yang Berhormat ada peluang sekali lagi untuk menjawab.

■1010

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan bagi Dato’ Samy Vellu. Dato' Samy Vellu... *[Ketawa]* Dato’ Sri Vell Paari dulu. Tersasul, minta maaflah.

Dato’ Sri Vell Paari a/l Samy Vellu: Terima kasih Yang Amat Berhormat atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, golongan anak muda tidak mempunyai akses kepada skim-skim pembayaran perumahan terutamanya untuk bayaran muka akibat kos-kos hasil dan duti.

Adakah rancangan untuk memperkenalkan sebarang mekanisme bersama dengan Kementerian Kewangan dalam memperkenalkan satu dana khas atau satu skim pembayaran yang tertentu? Adakah juga akan ada sebarang insentif seperti pelepasan *duty stamp* ataupun bantuan bayaran muka untuk mempermudah

golongan anak muda memiliki rumah pertama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Nga Kor Ming: Terima kasih kepada soalan tambahan yang membina Dato' Sri Senator di mana selaras dengan slogan, "*Rumahku Syurgaku*" di mana Kerajaan Madani sedang, bukan masih, sedang melaksanakan. Sebab itu saya katakan tahun depan Skim Jaminan Kredit Perumahan akan ditambahkan RM10 bilion lagi. Maka dengan jaminan yang diberikan oleh kerajaan, golongan muda ataupun pekerja *gig* tidak akan menghadapi masalah untuk mendapat pinjaman dari bank kerana pinjaman itu dijamin oleh kerajaan. Itu jumlahnya kita ada baki lagi RM15 bilion yang sedang bersedia untuk membantu. Itu pertama.

Kedua, tahun depan. Siapa-siapa beli rumah pertama, mereka akan buat pertama kali mendapat pelepasan cukai individu sehingga RM7,000 untuk tiga tahun taksiran berturut-turut ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan, okey. Untuk mereka yang ada tanah sendiri, tetapi nak bina rumah di mana SPNB sedia untuk membantu Rumah Mesra Rakyat.

Ini adalah satu lagi langkah membantu di mana oleh Kerajaan Madani rakyat hanya bayar RM55,000, tapi kos rumah RM75,000. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, setiap rumah dapat angpau besar RM20,000. Mereka yang tidak dapat bayar pun tidak apa. Sebulan bayar RM300. Kita benarkan bayaran ansuran sepanjang 16 tahun. Satu bulan bayar RM300, Astro pun sudah RM178. Itu untuk memiliki rumah sendiri. Tahun ini kita memang melepasi sasaran.

Sukacita saya kongsi di Dewan yang mulia ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, SPNB sepatutnya membina 15,000 buah unit Rumah Mesra Rakyat, tetapi *alhamdulillah* pagi ini kita dah capai. Penghujung RMKe-12 kita akan bina 23,000 unit, 8,000 unit lebih daripada sasaran. Ini adalah semangat perpaduan. Kita bekerja sebagai satu pasukan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Fatmi.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, pertama saya nak ucap terima kasih kepada Menteri. Semalam saya tengok *TikTok* dia, dia telah isytiharkan RM100 juta lebih untuk Kelantan. Dia mengaku dia orang Kelantan. Saya rasa banggalah orang Kelantan bagi orang Kelantan. Bagi banyak lagilah supaya kita boleh hakiskan stigma di kalangan rakyat bahawasanya Kelantan sentiasa dianaktirikan.

Soalan saya *simple* sahaja Datuk Yang di-Pertua. Tadi tidak silap saya, saya dengar Menteri jawab bahawasanya rancangannya, sasarannya 500,000 unit rumah yang akan dibina. Tidak silap saya, saya dengar begitu. Jadi, soalan sayanya adakah kementerian ataupun kerajaan mempunyai statistik yang lengkap berapa jumlah penduduk terutamanya dalam bandar yang masih tidak memiliki rumah dan tidak mampu nak beli dan mengharapkan Rumah Mampu Milik, Projek Rumah Mampu Milik kepada kerajaan. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming: Terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat. Memang saya IC 03, *ore Kelate, kecek Kelate*. Bagaimanapun selaras dengan slogan, *"Tiada yang tertinggal, tiada yang terpinggir",* Kerajaan Madani sentiasa berlaku adil kepada semua negeri tanpa kira kaum, agama ataupun fahaman politik. Kelantan kah, Terengganu kah, Kedah, Perlis kita juga jaga sebagai anak sendiri. Kita sayang kepada anak-anak Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.. *[Tepuk]* Sebab itu dah dua kali dah saya turun ke negeri Kelantan.

Minggu lepas sebelum banjir saya turun dan membawa sentuhan kasih KPKT sebanyak RM156 juta pada Kelantan. Sukacita dimaklumkan projek landskap perbandaran terbesar negara tahun ini terletak di Serambi Mekah, Kota Bharu iaitu RM48 juta telah diperuntukkan untuk Kota Bharu. Kawasan saya pun tidak dapat tapi Kelantan dapat. Ini maksudnya kerajaan ini memang adil, 1,000 adil. Itu pertama.

Kedua, Yang Berhormat bertanya sama ada kerajaan mempunyai statistik. Mestilah ada. Jabatan Perumahan Negara mengikut statistik yang kita ada daripada jumlah bilangan penduduk, 76.9 peratus keluarga, keluarga ya bukan orang. Keluarga Malaysia sudah memiliki rumah. Ada juga- saya yakin dengan skim-skim pada 10 Disember bulan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan Projek Rumah Mampu Milik antara yang terbesar dalam sejarah negara kita melibatkan pelaburan setinggi RM13 bilion.

Ini akan merancakkan lagi penyediaan rumah mampu milik untuk pastikan setiap rakyat ada tempat berteduh selaras dengan prinsip kita, *"no one and no place shall be left behind."* Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. saya jemput Tuan Pele Peter Tinggom.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

Timbalan Yang di-Pertua: YB, Menteri.

2. Tuan Pele Peter Tinggom minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, berapakah peruntukan bagi bekalan elektrik di luar bandar di Sarawak dan berapakah jumlah projek bekalan elektrik luar bandar bagi kawasan Saratok untuk tahun 2025.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih YB Senator atas soalan tadi.

Datuk yang di-Pertua, di bawah *Rolling Plan,* RP5, RMKe-12 sebanyak RM104.7 juta telah diperuntukan bagi projek bekalan elektrik luar bandar Sarawak yang melibatkan 12 projek sambungan dan dua projek baharu yang nilai keseluruhannya adalah RM927,993,932.

Walau bagaimanapun, pada masa ini tiada peruntukan yang melibatkan kawasan Saratok memandangkan tiada projek bekalan elektrik luar bandar sedang berjalan di kawasan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan sekiranya terdapat keperluan projek bekalan elektrik luar bandar di Saratok kepada Unit Perancang Negeri Sarawak untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan negeri untuk pertimbangan pada *Rolling* seterusnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Peter.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya ingin tambah sikit berkenaan apa yang dikata oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohamad Fatmi tadi ya di mana beliau berharap supaya Kelantan jangan dianaktirikan.

So, soalan saya ada berkaitan juga Datuk Yang di-Pertua. Apa pendekatan yang strategik oleh Kerajaan MADANI untuk membekalkan 100 peratus bekalan elektrik 24 jam yang melibatkan 5,500 isi rumah di mana Kerajaan Sarawak memerlukan peruntukan tidak kurang daripada RM1.3 bilion untuk tujuan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Terima kasih atas soalan tambahan. Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam menyediakan bekalan elektrik melalui pelbagai kaedah antaranya kaedah sambungan talian grid dan juga kaedah alternatif bagi membantu mencapai bekalan elektrik selama 24 jam di Sarawak khususnya di kawasan luar bandar.

Sehingga tahun 2024, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak telah mencapai sebanyak 98.4 peratus ya. Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak. Pihak berkuasa elektrik negeri Sarawak bagi mendapat senarai keutamaan projek yang melibatkan kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil.

Kementerian juga sentiasa melibatkan semua pihak yang berkaitan dalam sesi perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan peruntukan dilaksanakan. Melalui kaedah jangka pendek, kementerian merangka beberapa strategi.

■1020

Pertama, penyaluran sumber kewangan melalui projek-projek baharu dan juga menaik taraf projek yang sedia ada; dan kedua, memperluaskan pembekalan elektrik. Kementerian akan terus melaksanakan projek penyambungan talian grid voltan sederhana dan rendah iaitu 33KV, 11KV dan juga 0.415KV serta pembekalan melalui kaedah alternatif seperti sistem solar

hibrid dan solar PV di kawasan yang mempunyai limitasi kepada ketersambungan bekalan elektrik melalui talian grid.

Manakala bagi jangka masa panjang, kementerian telah merangka beberapa strategi: pertama, dari sudut dasar dan perancangan tenaga. Kerajaan Persekutuan melalui kementerian-kementerian bersama agensi berkaitan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak bagi menilai pertumbuhan dan permintaan tenaga serta menyokong pelaburan dan infrstruktur tenaga bagi memenuhi permintaan masa hadapan Sarawak.

Kedua, subsidi dan sokongan kewangan. Melalui kaedah alternatif, Kerajaan Persekutuan sentiasa menyalurkan peruntukan untuk membiayai penggunaan bil bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan di stesen-stesen alternatif di Sarawak.

Dan ketiga, tenaga boleh diperbaharui...

Timbalan Yang di-Pertua: YB panjang lagi YB?

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Ha.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagi YB.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Sikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya cadangkan YB Pele nanti sebut semula dalam perbahasan Bajet nanti.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi peluang YB cakap- jawab lebih lama. YB masa dah pukul 10.21, saya sudah terlebih- dah bagi terlebih masa.

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh YB henti atau jawab bertulis, boleh?

Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang: Okey, boleh. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Tuan Isaiah a/l D Jacob

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 3.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

3. Tuan Isaiah a/l D Jacob minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) jumlah guru Pendidikan Khas sedia ada, jumlah kekurangan guru dalam bidang ini, serta langkah jangka pendek dan jangka panjang oleh Kementerian untuk menangani masalah kekurangan guru Pendidikan Khas; dan

(b) jumlah sekolah di Malaysia yang masih tidak mesra kepada kanak-kanak OKU serta langkah tegas yang akan diambil untuk memastikan peruntukan bagi penambahbaikan dilaksanakan dengan berkesan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan kepada KPM. KPM sentiasa komited memastikan penempatan guru di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara dilaksanakan supaya pengajaran dan pembelajaran di sekolah tidak terjejas.

Jumlah waran perjawatan bagi pendidikan khas pada 15 November 2024 adalah 21,054 orang dengan pengisian seramai 19,637 orang dan peratus pengisian adalah sebanyak 93 peratus.

Bagi tahun 2024 sehingga 15 November 2024 sebanyak 645 orang Guru Pendidikan Khas telah ditempatkan yang mana melibatkan 578 orang di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan 67 orang di Sekolah Pendidikan Khas. Dalam menangani isu kekurangan guru pendidikan khas, KPM melaksanakan beberapa strategi bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru pendidikan khas. Ini termasuk:

(i) pengambilan guru menggunakan kluster mata pelajaran;

(ii) pengambilan guru diperluaskan kepada graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan juga luar negara;

(iii) pelantikan guru secara *Contract of Service* dalam kalangan graduan tidak mempunyai ikhtisas iaitu tidak mempunyai Sarjana Muda Pendidikan dan guru lantikan COS ini akan dipersiapkan dengan ilmu kemahiran dan sikap yang sesuai khususnya berkaitan pendidikan khas melalui program diploma, pasca siswazah pendidikan selama satu tahun di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Melalui strategi jangka masa panjang, KPM melaksanakan pengambilan calon guru bagi Program Pra Perkhidmatan, Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (PISMP) termasuk bidang pengkhususan pendidikan khas mengikut unjuran setiap tahun.

KPM telah menetapkan sasaran 100 peratus sekolah yang mempunyai murid berkeperluan pendidikan khas dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU. Ini berkenaan dengan bahagian dua, soalan, yang mana kemudahan OKU ini merangkumi susur lantai- *ramp,* susur tangan- *handrail,* tandas OKU dan parkir OKU. Sasaran ini adalah- ini adalah sasaran kita pada tahun 2030. 100 peratus sekolah mempunyai kesemua kelengkapan mesra ini pada tahun 2030.

Pada tahun 2024, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM13.6 juta kepada 616 buah sekolah bagi penyediaan kemudahan mesra OKU melalui peruntukan di bawah program pemerkasaan ekuiti pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas, inisiatif Belanjawan tahun 2024. Sehingga 21 November 2024, terdapat 33.7 peratus sekolah atau 2,405 buah daripada jumlah 7,147 buah sekolah yang mempunyai murid berkeperluan pendidikan khas dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU.

Ini bermakna, setakat ini masih terdapat 4,742 buah sekolah yang masih belum dilengkapi dengan empat kemudahan mesra OKU. Rancangan KPM dari bulan November sehingga tahun hadapan- kami mempunyai rancangan untuk melengkapkan lagi 833 buah sekolah dan strategi ini dirangka bagi memastikan jumlah sekolah sasaran 45 peratus sekolah yang mempunyai MBPK dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU pada tahun 2025...

Timbalan Yang di-Pertua: YB, panjang lagi?

Tuan Wong Kah Woh: Ya. Sekian, terima kasih. Siap.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Saya jemputan YB Isaiah.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan yang begitu memuaskan. Berita baik sempena Hari OKU hari ini, saya ucapkan tahniah dan terima kasih pada kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak ada soalan? Oh, tak ada soalan. Ada soalan lain? YB Kesavadas.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Now*, bagaimana kementerian bekerjasama dengan pihak berkepentingan termasuk ibu bapa, kumpulan advokasi dan institusi pendidikan untuk memastikan guru pendidikan khas dilengkapi dengan alat strategi terkini untuk memupuk persekitaran pembelajaran inklusif untuk pelajar. *I won't use the word* 'kurang upaya' sebab *I think the better word would be* 'berkebolehan khas' *especially abled person...*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Berkenaan dengan pemerkasaan ataupun latihan peningkatan profesionalisme guru. Sememangnya sepanjang masa ini pihak KPM bekerjasama dengan rakan-rakan strategik dan juga melalui latihan dalaman KPM untuk memastikan guru-guru kita adalah mempunyai keupayaan dan kemahiran masing-masing untuk melatih dan juga mengendalikan kelas murid berkeperluan pendidikan khas.

Sedikit makluman tambahan di sini, sehingga 30 September 2024, pada tahun ini sahaja sejumlah 37,023 orang guru pendidikan khas termasuk guru bimbingan dan kaunseling telah pun diberikan latihan dan pembangunan profesionalisme berterusan. Ini termasuk berkenaan dengan kemahiran untuk Pengurusan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, Pengurusan Pendidikan Inklusif, Program Literasi dan Numerasi, Program TVET, Program Kepimpinan dan sebaginya.

Pada masa yang sama juga, untuk memastikan anak-anak mempunyai satu kebolehpasaran yang tinggi, yang mana kebolehpasaran anak-anak MBPK kita telah pun mencapai 93 peratus pada tahun ini. Sama ada mereka yang melanjutkan pelajaran ataupun bekerja ataupun mencari kerja selepas mereka keluar dari sekolah, jumlah kebolehpasaran adalah 93 peratus.

Dalam konteks ini, pihak KPM ada bekerjasama dengan syarikat-syarikat seperti *Lotus* atau agensi kerajaan seperti PERKESO untuk memberikan peluang kepada murid-murid MBPK ini dalam menceburi kerjaya masing-masing. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, hari ini saya ada pelawat untuk mendengar jawapan soalan nombor 4.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

4. **Tuan Abun Sui Anyit** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

(a) jumlah permohonan bantuan untuk membaiki Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dimohon pada tahun 2024 mengikut negeri; dan

(b) adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan untuk menambah peruntukan bagi program ini agar manfaat yang lebih luas dapat diberikan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyedari di mana kepelbagaian budaya adalah kelebihan serta keistimewaan dan kekuatan negara kita. Maka, selaras dengan aspirasi Malaysia Madani, Kerajaan MADANI meraikan kepelbagaian serta menghargai sumbangan serta jasa, pengorbanan masyarakat berbilang kaum dalam negara kita dalam usaha untuk membina sebuah negara Malaysia Madani yang makmur, aman dan sentosa.

■1030

Kerajaan MADANI juga sedar bahawa perpaduan dan juga keharmonian masyarakat berbilang kaum adalah dua kunci utama kejayaan negara. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa berusaha untuk memelihara kepentingan semua kaum dan agama, sebagaimana aspirasi Malaysia Madani yang mengutamakan aspek keterangkuman semua pihak dalam memperoleh manfaat daripada sebarang inisiatif kerajaan. Oleh demikian, keperluan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di seluruh negara turut menjadi antara fokus dan juga agenda KPKT.

Sebelum Kerajaan Madani Tuan Yang di-Pertua, RIBI adalah di bawah Kementerian Perpaduan dan mulai tahun lepas, RIBI telah pun dipindah ke KPKT. KPKT telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM24.8 juta kepada 205 RIBI di seluruh negara. Ini kerana tahun lepas, kita baharu ada garis panduan yang baharu. Tahun ini, setelah KPKT menubuhkan *task force.* Menerusi mesyuarat *task force* telah memberikan komitmen peruntukan sebanyak RM49.71 juta kepada 447 RIBI. Tahun lepas, 205. Tahun ini sudah meningkat 447 RIBI.

KPKT tahun ini telah menerima sebanyak 1,074 permohonan RIBI yang belum diproses dengan anggaran nilai permohonan sebanyak RM174 juta. Mengapakah tak proses? Tak cukup duit. Itu sebab itu ada kekangan kewangan. Terkini, bagaimanapun sehingga 2 Disember, KPKT telah berjaya menyalurkan sebanyak RM43 juta kepada 385 RIBI. Selebihnya sedang dalam proses pengumpulan dokumen untuk tujuan pembayaran pada Rumah Ibadat Bukan Islam yang telah pun berjaya.

Kelulusan bagi pertimbangan ini adalah melalui keutamaan kepada RIBI yang memerlukan bantuan segera sama ada dia bumbung mahu runtuh kah, ataupun mereka yang tak pernah dapat mana-mana bantuan.

Maka menjawab soalan, perincian penyaluran kepada RIBI yang berjaya mengikut negeri bagi tahun ini adalah seperti berikut: Perak, 92 dengan jumlah peruntukan RM9.5 juta; Selangor, 65 dengan jumlah peruntukan RM7.15 juta; Johor, 54 dengan jumlah peruntukan RM6.6 juta; dan yang lain, saya akan bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih...

Tuan Nga Kor Ming: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerana patuh pada masa. Sekarang saya jemput soalan tambahan, YB Tuan Abun.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah kriteria-kriteria yang dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan ini? Kalau yang ditolak, apakah sebabnya? Mohon diberikan kalau bolehlah sebab penolakan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Tuan Nga Kor Ming: Ya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan yang baik.

Sebenarnya, kita memang nawaitunya adalah suci untuk kita membantu. Jadi, kita memang nak membantu. Cuma kadang-kadang, dia peruntukan memang tak cukup. Seperti saya katakan tadi, tahun ini kita menerima permohonan lebih hampir RM200 juta, tapi peruntukan ada RM50 juta. Sudah tentunya ada RIBI yang tak mampu untuk kita berikan bantuan.

Oleh sebab itu, KPKT akan kemukakan permohonan kepada MoF supaya diberikan pertimbangan khas. Ini kerana ini adalah penting untuk menjaga keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaum selaras dengan jenama kita, *Malaysia Truly Asia*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Baik, saya teruskan untuk menjemput YB Tuan Nik Abduh untuk mengemukakan soalan.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 5.

5. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, sejauh mana keberkesanan sistem pengawasan makanan import di Malaysia dalam mencegah kemasukan produk makanan yang tercemar atau tidak selamat serta langkah-langkah meningkatkan keterjaminan makanan melalui pengurangan pergantungan terhadap makanan import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berperanan dalam mengawal biosekuriti komoditi agromakanan yang diimport ke Malaysia bagi memastikan ia selamat, ia berkualiti serta bebas daripada penyakit dan perosak. Sistem pengawasan komoditi agromakanan import melibatkan kerjasama pelbagai agensi, penggunaan teknologi dan penguatkuasaan melalui pemeriksaan oleh MAQIS bagi memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam permit import daripada aspek biosekuriti, kualiti dan juga halal.

Dalam hal ini, komoditi agromakanan import hendaklah memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh *competent authority* di bawah kementerian iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Pengambilan sampel dan ujian makmal dilaksanakan secara berkala bagi memastikan komoditi agromakanan import bebas daripada risiko biosekuriti.

Kementerian turut bekerjasama dengan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam memastikan kesemua piawaian keselamatan dan kualiti makanan yang diimport termasuk syarat maksimum *residue limit* dipatuhi supaya bebas daripada bahan tercemar dan selamat untuk dimakan. Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam mengesahkan sijil halal bagi produk import berasaskan haiwan seperti daging lembu, ayam, kambing dan produk tenusu.

Data statistik penguatkuasaan MAQIS tahun 2023 menunjukkan penurunan iaitu daripada 322 pada tahun 2022 kepada 275 bagi kes kompaun pada tahun 2023 dan 70 kes tahan dan rampas pada tahun 2022 turun kepada sembilan kes tahan dan rampas untuk tahun 2023 bagi kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 ataupun Akta 728. Pengurangan kes ini menunjukkan peningkatan kadar pematuhan pengimport terhadap peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran agromakanan negara untuk memenuhi keperluan domestik, kementerian melalui Dasar Agromakanan Negara 2021 hingga ke-2023

dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 telah melaksanakan pelbagai langkah bagi mengurangkan kadar kebergantungan kepada makanan import yang-jawapannya agak panjang lebar dan saya akan bagi secara terperinci, secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis. Saya rasa YB akan bangkitkan semula dalam Perbahasan Bajet nanti.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Ya, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, YB Nik Mohamad Abduh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri yang telah memberikan jawapan yang baik. Kita amat berharap bahawa kerajaan terus mempertingkat sistem pengawasan makanan import agar segala penerobosan terhadap sistem yang berlaku dapat diatasi dengan baik.

Soalan tambahan saya berkaitan dengan beras. Adakah kerajaan telah menemui formula terbaik bagi menyelesaikan masalah kekurangan beras putih tempatan yang ghaib secara mistik? Bagaimanakah kerajaan menangani isu dakwaan bahawa pihak pengeluar telah menukarkan beras tempatan menjadi beras import yang pastinya merupakan suatu jenayah penipuan yang tak dapat kita maafkan? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Tuan Speaker, soalan ini tidak berkaitan sama soalan asal, tetapi secara ringkasnya, kita sedang menjalankan program reformasi industri padi dan beras dan akan maklumkan perkembangannya dalam masa ke semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid: *[Bangun]*

Datuk Lim Pay Hen: *[Bangun]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan, Pengerusi- Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Haji Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya nak sebut ini terkait dengan soalan yang hujung daripada soalan asal iaitu pengurangan pergantungan terhadap makanan import. Beras negara sebelum ini kita disebutkan, kita mengeluarkan 63 persen produk tempatan. Dalam tempoh dua tahun, berapa persen sudah dapat ditingkatkan menjadi pengeluaran beras tempatan?

Timbalan Yang di-Pertua: Tak berkaitan YB.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *[Mencelah]*

Datuk Arthur Joseph Kurup: Tidak berapa jelas soalannya sebenarnya, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Baik. Daripada segi hujung ya. Di hujung soalan Yang Berhormat Tuan Nik Mohamad Abduh menyebut, mohon serta langkah-langkah

meningkatkan keterjaminan makanan melalui pengurangan pergantungan terhadap makanan import. Apa yang paling kritikal sekarang adalah beras.

Dalam tempoh dua tahun ini, daripada jumlah 63 persen beras pengeluaran negara yang sekarang pun dah jadi harga beras import, sebelum ini berapa persen sudah dapat ditingkatkan daripada 63 persen itu kepada dua persen? Dalam usaha kerajaan dalam tempoh dua tahun. Saya rasa jelas.

Timbalan Yang di-Pertua: Fokus pada langkah untuk memastikan beras cukup. Berapa persen tadi YB?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Data sudah sebut 62.7 persen. Saya simpulkan 63 persen. Ertinya kita import 37 persen. Dalam tempoh dua tahun, berapa persen peningkatan pengeluaran beras tempatan? Itu juga mungkin formula kepada mengembalikan harga beras tempatan kepada harga tempatan.

■1040

Datuk Arthur Joseph Kurup: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri boleh pilih untuk tak jawab.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya akan jawab secara ringkas juga.

Kadar sara diri bagi beras ini dia sentiasa turun naik. Kalau kita lihat kebelakangan ini dia ada turun sedikit dan kebanyakannya berpunca kepada bencana alam yang kita telah melalui khususnya dalam beberapa bulan ini, tetapi pada masa yang sama, kita mengambil langkah seperti mewujudkan varieti padi yang lebih rentang penyakit dan lebih sesuai dengan perubahan iklim yang kita sedang menikmati sekarang.

Pada masa yang sama, kita akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kita dapat meningkatkan penghasilan padi dan beras. Melalui usaha seperti mekanisasi, automasi, dan juga menggunakan benih varieti padi yang sah. Itu lah langkah-langkah yang kita sedang ambil. Terima kasih, Tuan Speaker.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan. Soalan tambahan. MRL.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Saya bagi YB Lim, walaupun Yang di-Pertua dah cakap hanya dua saja, tapi saya bagi peluang kepada YB Lim... *[Ketawa]*

Datuk Lim Pay Hen: Okey. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Sepanjang tempoh 2020 hingga September 2024, sejumlah 5,661 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan import telah dianalisis bagi *residue* racun perosak dan sejumlah 165 iaitu 2.97 peratus sampel telah didapati tidak mematuhi MRL.

Jadi, apakah tindakan kementerian ke atas produk-produk import yang tidak mematuhi MRL ini? Adakah kerajaan akan melaksanakan *permanent ban,* dengan izin, ke atas produk tersebut sebagai satu imej tegas agar semua negara pengimport mematuhi standard makanan import yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Satu soalan yang bagus.

Kalau kita melihat di bawah seksyen 11, MAQIS mempunyai kuasa untuk menahan apa-apa barangan makanan yang masuk tanpa permit ataupun yang tidak memenuhi syarat-syarat piawaian. Dalam kes itu, ada tiga senario di mana MAQIS boleh ambil tindakan.

Pertama, sekiranya makanan itu mudah rosak atau berpenyakit, dia boleh dimusnahkan dengan cara dibakar atau ditanam secara selamat.

Kedua, mungkin boleh disyorkan untuk dikembalikan semula kepada negara asal. Dalam senario yang ketiga, sekiranya dia juga barangan makanan dan dia mudah rosak, tetapi mungkin diimport dari tempat yang tidak sah, tetapi masih dalam keadaan yang baik boleh dijadikan makanan haiwan di zoo ataupun ladang ternakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebelum saya meneruskan sesi soal jawab kita, saya ingin memaklumkan bahawa hadir bersama kita di Dewan yang mulia ini adalah delegasi daripada *The Nepalis Federal and Provincial Parliament... [Tepuk]* Diketuai oleh Puan Yang Terutama Bimala Ghimire*, Vice-Chairperson National Assemblies of Nepal*.

Kepada Puan Yang Terutama Bimala Ghimire dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Puan dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. Semoga kehadiran Puan Yang Terutama Bimala Ghimire dan delegasi ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan Malaysia dengan Nepal.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]: Mereka faham kah itu?

Timbalan Yang di-Pertua: *By the way the Foreign Minister, he's also with us. You are very fortunate.*

Sekarang, saya jemput YB Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Soalan saya nombor 6, Tuan Speaker.

6. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, persediaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam meningkatkan penarafan *environmental, social and governance* (ESG) syarikat tempatan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan]: Terima kasih. Selamat sejahtera, salam Malaysia MADANI Datuk Yang di-Pertua.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Seri, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui SME Corp Malaysia telah melaksanakan program PKS

Lestari khusus untuk menggalakkan dan mempercepatkan penerapan *environmental, social governance* (ESG) dalam kalangan perusahaan mikro kecil dan sederhana serta membangunkan ekosistem kelestarian PMKS. Ekosistem kelestarian PMKS ini merangkumi enam komponen asas iaitu:

(i) kesedaran dan pendidikan;
(ii) penilaian ESG oleh PMKS;
(iii) sokongan dasar;
(iv) akses kepada pasaran;
(v) piawaian dan pematuhan; serta
(vi) pembiayaan dan insentif.

Di bawah program ini, satu panduan pantas ESG untuk PMKS atau *ESG Quick Guide for SME,* dengan izin, telah dihasilkan sebagai rujukan asas kepada PMKS untuk memudahkan cara pelaksanaan amalan ESG dan membuat pelaporan. Perkhidmatan penilaian kendiri ESG turut disediakan untuk membantu PMKS menilai tahap penerapan ESG mereka. Melalui penilaian ini, PMKS dapat mengenal pasti jurang dalam pelaksanaan ESG dan membuat penambahbaikan yang bersesuaian. Sejak dilaksanakan pada tahun 2023 sehingga November 2024, sejumlah 4,206 usahawan PMKS telah menyertai seminar dan bengkel berkaitan di bawah program ini.

Selain itu, SME Bank turut melaksanakan Program Skim Insentif Kelestarian ESG yang bertujuan memperkenalkan dan memberi pendedahan kepada PMKS kepada inisiatif kelestarian. Program ini merupakan program pembangunan kapasiti dan intervensi berstruktur dengan penyaluran geran yang dilaksanakan oleh *Center for Entrepreneur Development and Research* (SEDAR) anak syarikat kepada SME Bank. Antara inisiatif-inisiatif yang sedang dan akan dijalankan termasuk adalah bermula daripada tiga fasa:

(i) program pengenalan kepada peserta secara atas talian dengan 1,500 peserta yang telah dilatih;
(ii) program permulaan pembangunan PKS, ESG melalui bengkel dan latihan dengan 233 peserta yang telah dilatih; dan
(iii) adalah pemberian geran Skim Insentif Kelestarian kepada lebih daripada 150 peserta.

Kesemua ini pun telah diperuntukkan dalam bajet dengan izin, 2023 sebanyak RM10 juta untuk pembinaan kapasiti. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Datuk Mujahid.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker. Untuk Bajet 2025, kita ada lebih kurang RM40 bilion peruntukan dan antara fokusnya ialah untuk keterjaminan makanan...

Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya minta duduk dulu sebelum saya habis soalan saya. Menteri kena duduk dulu, sebab saya sedang bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Protokol dalam...

Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan: ...Kena duduk dulu?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: *Yes. Thank you very much.* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Protokol dalam Parlimen, *the person with the floor will speak*. Jadi YB kena sabar dulu. Dah habis YB tanya soalan, baharu YB bangun.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Duduk dengan betul-betul.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya yang kena buat *ruling* itu YB... *[Ketawa]*

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Ya. Saya hanya mengingatkan Tuan Speaker.

Kembali balik kepada soalan saya ialah, apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak kementerian dalam melaksanakan jurang antara kesedaran yang dilaporkan tadi dengan pelaksanaan dari sudut ESG? Terima kasih, Tuan Speaker.

Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan: Izinkan saya jawab YB Senator Datuk Seri sekarang.

Datuk Yang di-Pertua, kalau kita lihat memang banyak program yang sedang dijalankan oleh kementerian contohnya kalau kita lihat ada program GHG, *calculating* untuk *Greenhouse Gas Emissions* adalah satu program yang telah diberikan dana, tetapi atas soalan yang ditanyakan berkaitan keterjaminan makanan itu, cabaran yang utama yang kami hadapi adalah memang kekurangan dari segi geran, tetapi geran juga telah disediakan sebanyak RM100 juta untuk kelestarian alam di mana *financing* ini adalah *working capital* yang juga untuk *transitioning,* untuk *green environment*.

Mereka boleh gunakan dana ini untuk ketiga-tiga. Contohnya kita juga ada *Business Accelerator Programme* (BAP) di mana ada untuk program pembungkusan produk, *machine purchases*, pengurusan sisa- *waste management*, mesin kecekapan tenaga *for energy efficiency,* juga Datuk Yang di-Pertua dan juga kalau kita lihat maklumat tambahan yang akan diberikan saya beri secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Haji Hussin. Soalan Haji Hussin akan timbul selepas ini. Saya tak benarkan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Bebas.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya juga terlibat dalam...

Timbalan Yang di-Pertua: Haji Hussin, saya tak benarkan soalan daripada Haji Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tak bagi dah?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Haji Hussin lepas ini.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Masih ada.

■1050

Timbalan Yang di-Pertua: Ada, ada soalan tambahan lain? Kalau tidak ada saya jemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Sabar Yang Berhormat, soalan nombor 12.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.

7. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) apakah harapan dan objektif yang ingin dicapai oleh Malaysia apabila mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025; dan

(b) apakah peranan yang diharapkan daripada komuniti perniagaan untuk menjadikannya berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]: Terima kasih Datuk Speaker. Berkenaan dengan persiapan ASEAN yang Malaysia akan mempengerusikannya pada tahun depan, persiapan memang kita buat untuk kita menjayakan negara kita menjadi tuan rumah yang berjaya pada tahun depan. Kita mengambil alih dari Laos sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini. Bermula 1 Januari tugas kita akan bermula sehinggalah 31 Disember.

Datuk Yang di-Pertua, persiapan ada dua. Satu persiapan daripada segi logistik, lagi satu persiapan daripada segi substantifnya. Yang boleh orang lihat secara kasarnya ialah logistik ini perlu kita lakukan dengan terbaik. Berjaya ataupun tidaknya Kepengerusian kita banyak bergantung kepada penyelarasan yang baik di peringkat logistik, Datuk Yang di-Pertua. Bermula daripada sampainya tetamu negara kita iaitu pemimpin-pemimpin negara ASEAN dan juga negara-negara sahabat ASEAN- *dialogue partners* kita, daripada negara masing-masing pada kita punya lapangan terbang baik di KLIA, baik di Langkawi, baik di Johor Bahru, baik di Kota Kinabalu ataupun di Kuching, kita punya keberkesanannya, kejayaan kita bergantung kepada logistik ini.

Itu sebabnya kita telah minta supaya kerjasama diadakan dan kerjasama ini kita telah selaraskan di bawah Yang Berbahagia Tan Sri KSN supaya semua agensi dapat digabungkan dan mereka faham tugas masing-masing dan semuanya mesti disusun atur dengan baik. Bagaimana cara kita hendak mengambil orang daripada kapal terbang, bagaimana kita punya *VIP Lounge* kita dan kita belajarlah daripada kita ramai berjalan di luar negara, bagaimana kita menjadi tetamu. Datuk Speaker selalu menjadi tetamu kan? Bagaimana dia mengendalikan kita.

Substantifnya itu memang kita siapkan sebagai tuan rumah, apa kita hendak capai sebagai tuan rumah Pengerusi sebab tiap-tiap Pengerusi ada dia punya tema masing-masing. Makanya Malaysia tahun depan kita telah memilih tema iaitu *"Inclusivity and Sustainability"*- "Keterangkuman dan Kemampanan." ASEAN dah lama Datuk Yang di-Pertua. Kita telah- 57 umur dia, 57 tahun ini dah dewasa dah ya. Tahun 67 ditubuhkan ASEAN, lima buah negara sebagai peneraju ASEAN, negara terasnya.

Mengapakah ASEAN itu ditubuhkan? Kerana pada ketika itu wujudnya kekangan-kekangan, ancaman-ancaman, *the Domino Theory* yang diuar-uarkan. Kita risau maka kita gabungkan lima buah negara dulu sebagai negara teras untuk kita menjamin. Itu sebabnya ASEAN kita punya asas kita ialah negara yang aman, bebas dan berkecuali. Rantau aman, rantau yang bebas, rantau yang berkecuali. Ini kerana kita mengambil kira masalah pada ketika itu, tetapi sekarang Datuk Yang di-Pertua dia punya ancaman ada dua. Satu *is traditional threat and now is non-traditional threats. So,* kita kena ubah suai.

Dan dalam keadaan geopolitik dunia, geoekonomi dunia yang berubah-ubah Datuk Yang di-Pertua, bagi saya *interconnected* antara negara itu dah tidak lagi seperti dulu, tetapi sekarang ini kita dah menjadi sebagai kebergantungan antara satu sama lain. ASEAN mesti berjaya. ASEAN mesti menjadi sebagai suatu rantau yang sentiasa aman, bebas dan berkecuali.

Inilah satu-satunya rantau yang boleh dikatakan yang amat aman, yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang begitu cepat di dunia dan kita menjadi ASEAN pada tahun 2030, kemungkinan ASEAN menjadi sebagai pertumbuhan ekonomi blok yang keempat terbesar di dunia. Ini penting Datuk Yang di-Pertua dan Malaysia kalau kita hendak berjaya kita mesti menjayakan ASEAN sebagai satu blok yang bersama-sama memastikan Rantau ASEAN ini sentiasa sahaja menjadi rantau yang aman, bebas dan berkecuali.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri baharu jawab soalan *part* yang pertama itu. *Part* yang kedua belum jawab lagi.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: *Part* kedua Datuk Yang di-Pertua pasal ekonomi, itu sebabnya saya katakan tadi *in terms of economic values* ataupun *substance,* kita substantifnya. Kita mesti pastikan rantau ASEAN ini berjaya. Kalau- tidak guna Malaysia berjaya, tetapi keliling negara ataupun di sekitar negara kita kacau bilau dan kita tidak boleh lagi duduk berseorangan dalam dunia yang saling bergantung di antara satu sama lain.

Maka, hasrat Malaysia- itu sebabnya kita katakan dalam kita punya tema kita ialah Keterangkuman dan Kemampanan. Kita mesti terangkum sebagai satu negara Blok ASEAN yang besar kerana banyak perkara yang berlaku Datuk Yang di-Pertua, terutamanya negara di- keadaan di rantau ataupun di Laut China Selatan, macam-macam lagi.

Jadi, kita mesti mempunyai sebagai satu benteng negara blok ataupun Rantau Asia Tenggara yang kuat. Kuat ASEAN, Malaysia akan mendapat faedah. Kuat ASEAN negara-negara yang lain dapat faedah. Ekonomi kita akan tumbuh dengan baik. Bagaimanakah kita hendak tumbuh ekonomi kalau rantau kita menjadi kacau bilau? Itu asas kita Datuk Yang di-Pertua dan kita akan menggunakan sebagai asas *soft power diplomacy* di mana kita tidak campur tangan...

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Saya kena hentikan Yang Berhormat pasal dah lebih masa sangat.

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Tidak apa. Terima kasih. Pasal ada yang lagi panjang hendak bercakap itu sebenarnya... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Satu penjelasan ASEAN yang baik di hadapan delegasi dari Nepal kita pagi ini. Terima kasih. Soalan tambahan Tan Sri Low.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, bagaimanakah Malaysia selaku ahli-Kepengerusian ASEAN untuk tahun depan menempatkan ASEAN pada posisi kukuh berdepan dengan pendekatan *President Trump* yang cenderung *transactional* dan mengutamakan keuntungan- menerusi ancaman kenaikan tarif? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan menarik Yang Berhormat Menteri... *[Ketawa]*

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Kita tidak dapat hendak baca apa yang ada dalam kepala otak Trump.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Apa yang kita tahu ialah daripada Trump 1.0 dulu. Bagaimana beliau mengendalikan negara Amerika yang daripada sebuah negara yang mengutamakan keserantauan ataupun *globalization, free trade*, WTO kepada sebuah negara yang *very inward looking- isolaces.* Jadi, ini kita perlu bersedia. Kita kena perlu bersedia dengan seorang pemimpin. Memang negara Amerika jauh daripada kita, tetapi pentadbiran di Amerika itu sebanyak sedikitnya telah akan menentukan corak global ekonomi, corak geopolitik ekonomi dan ia akan memastikan ia sebagai sesuatu yang boleh mendatangkan akibat yang secara tidak langsung- sebagai sesuatu yang boleh mendatangkan akibat yang secara tidak langsung kepada negara kita.

Jika beliau mengatakan dia dah bagi tahu dah, belum lagilah sebagai kerajaan, tetapi semua negara Blok BRICS dia katakan dia akan naikkan tarif. Sekarang ini dia dah kata dah dia akan naikkan 100 peratus tarif daripada negara Mexico, negara Kanada, walaupun negara Kanada *is very closed to* Amerika dengan izin, tetapi beliau katakan dia akan tarifkan.

Jadi, ini merupakan suatu yang perlu kita kaji, kita gunakan *soft power diplomacy* kita, bagaimana cara untuk kita tidak dilihat terlampau condong ke mana-mana pihak. Kita hendak supaya Malaysia- *I want to put Malaysia as a middle state* dengan izin. Kita hendak Malaysia

sentiasa berada- negara di tengah. Kita tidak condong ke kiri, tidak condong ke kanan dan kita mahu pandu ASEAN ini kepada ke arah itu Datuk Yang di-Pertua.

Soalan kepada Tan Sri tadi, berkenaan dengan kita punya perdagangan ekonomi kita, ini akan ada impaknya. Ini akan ada, pastinya ekonomi kita akan terjejas jika kita tidak berhati-hati *navigate*, perkataannya *navigate* kita punya hala tuju *foreign policy* negara kita Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan tambahan

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Kesavadas.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Terima kasih. Untuk kepentingan delegasi Nepal, bolehkah saya tanya dalam bahasa Inggeris ikut Peraturan 7?

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, untuk kali ini saja.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, hari ini saja.

Timbalan Yang di-Pertua: Kali ini, bukan hari ini... *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *How does Malaysia plan to address regional challenges such as economic disparities and the geopolitical tensions while promoting unity and inclusivity during its ASEAN Chairmanship 2025?* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak payah jawab dalam bahasa Inggeris pasal delegasi Nepal ada *translator* nya... *[Ketawa]*

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Oh, *I see.* Ada *translator*. Terima kasih Senator Kesavadas.

■1100

Seperti yang saya sebutkan tadi, kita *navigate* betul-betul. Kita mesti pastikan dalam keadaan geopolitik dan geoekonomi yang tidak menentu dunia, kita mesti pastikan negara kita dan juga rantau Asia Tenggara, ASEAN, kita jadi Pengerusi tahun depan, kita kena urus dengan baik. Kita tidak boleh dilihat terlampau condong ke mana-mana. Kita pastikan ASEAN ini sebuah negara yang berkecuali. ASEAN sebuah perantau blok yang aman, bebas dan berkecuali.

Apa sahaja kita nak lakukan, kita mesti lakukan secara apa yang dipanggil sebagai *the ASEAN centrality,* ASEAN secara bersama. Kepusatan ASEAN itu penting kerana kita tidak boleh berkeseorangan. Terutamanya dalam usaha untuk kita memastikan Laut China Selatan ini aman. Jadi, kita tidak boleh menggunakan *single nation approach. It has to be on ASEAN approach because* kita ataupun negara ASEAN ini semuanya merupakan negara *littoral state.* Negara yang ada kepentingan di Laut China Selatan.

Malaysia tak boleh berseorangan mengatakan, *"Oh, we have this and that"*. Itu tak boleh. Kita mesti kumpulkan selaku satu suara ASEAN untuk selat ataupun Laut China

Selatan. Ini penting kerana negara Laut China Selatan ini merupakan kepentingan bersama kepada negara kita dan juga ASEAN. Terima kasih.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: YB, YB, YB boleh bangkitkan apa-apa hal mengenai Kementerian Luar dalam perbahasan dasar bajet nanti. YB Menteri, saya akan berikan seluas-luasnya peluang untuk nak jawab masa perbahasan dasar bajet nanti. Saya nak pergi ke soalan seterusnya. Sekarang saya jemput YB Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

8. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menyatakan, sejauh manakah pencapaian keseluruhan Dasar Perubahan Iklim Negara 1.0 dalam arus perdana perubahan iklim negara dan bagaimanakah indikator terbaharu yang ditetapkan kementerian bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 yang baru diluncurkan

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Ya. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Dasar Perubahan Iklim Negara (DPIN) 1.0 bertujuan untuk mengarusperdanakan perubahan iklim di dalam dasar pembangunan negara. Manakala di DPIN 2.0 adalah lebih bersifat praktikal bagi melaksanakan peralihan negara ke arah ekonomi rendah karbon. Bagi memastikan keberkesanan DPIN 2.0 ianya telah dirangka supaya lebih bersifat praktikal dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu domestik dan antarabangsa yang terkini.

Pencapaian DPIN 1.0 juga dapat dilihat melalui dasar-dasar lain di peringkat sektoran yang telah mengintegrasikan elemen pembangunan mampan dalam strategi dan pelaksanaan tindakannya seperi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga, Pelan Induk Perindustrian Baharu dan sebagainya. Isu perubahan iklim juga telah diarusperdanakan dalam pelbagai dasar-dasar pembangunan negara yang memberi tumpuan kepada pertumbuhan hijau dan ketahanan iklim seperti rancangan pembangunan negara lima tahun atau RMK serta kerangka Ekonomi MADANI.

Sehubungan dengan itu, DPIN 2.0 telah mengenal pasti inisiatif pemangkin yang dapat melonjak rintangan iklim di negara ini. Antaranya adalah seperti berikut:

(i) penggubalan instrumen perundangan perubahan iklim yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2025;

(ii) pelaksanaan strategik jangka mangsa panjang. Pembangunan rendah karbon *Long-Term Low Emission Development Strategies* (LT-LEDS) dan pelan hala tuju dan tindakan *Nationally Determined Contribution (NDC) Roadmap* yang sedang muktamadkan.

(iii) pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP);

(iv) penggubalan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan(DPKK); dan

(v) pewujudan panel penasihat perubahan iklim.

Keberkesanan DPIN 2.0 memerlukan kerjasama semua pihak dalam bidang kuasa masing-masing. Memandangkan isu perubahan iklim adalah merentas sektor yang merentasi pelbagai lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, indikator DPIN 2.0 adalah tertakluk kepada indikator inisiatif pemangkin ini dan tindakan oleh kementerian lain yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, YB Koh.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas ucapan yang begitu jelas tadi. Soalan tambahan saya ialah apakah garis masa untuk pembentangan dan penguatkuasaan rang undang-undang berhubung perdagangan karbon dan Rang Undang-undang Perubahan Iklim Negara? Terima kasih.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Rang Undang-undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) akan menjadi instrumen utama bagi memastikan pelaksanaan perdagangan karbon dapat dilaksanakan secara efektif. Dalam masa yang sama, kementerian juga sedang melaksanakan kajian Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) secara berperingkat. Dasar ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan mekanisme pasaran karbon pematuhan dan sukarela di Malaysia bagi memudahkan cara pelaksanaan projek karbon oleh pelabur.

Elemen-elemen penting DPKK yang perlu dilaksanakan secara efektif akan turut dimasukkan dalam RUUPIN ini. Untuk RUUPIN, pihak kementerian telah memuat naik kertas rundingan awam atau *consultation paper* untuk mendapatkan sebarang komen dan pandangan mengenai cadangan RUUPIN ini pada 4 Oktober 2024.

Kertas rundingan awam ini mengandungi peruntukan dan penjelasan mengenai perihal yang dicadangkan untuk dimuatkan dalam RUUPIN tersebut dengan mengambil kira proses dalaman dan input-input yang telah dikemukakan, penggubalan RUUPIN ini dijangka dapat dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2025 dan dijangka dapat dibentangkan pada tahun yang sama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kalau tak ada soalan tambahan saya jemput YB Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: *Assalamualaikum.* Soalan saya nombor 9.

9. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta Menteri Pengangkutan menyatakan, langkah kementerian untuk memastikan pengusaha Pusat Lesen Memandu untuk menerima dan memproses permohonan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2/B1 kepada B Penuh (B Full).

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia akan memastikan institut memandu memberi kerjasama penuh dalam pelaksanaan Program Khas Peralihan Lesen Kelas B dengan memastikan setiap calon yang layak dapat menjalani program berkenaan dengan lancar dan jayanya. Setakat 27 November 2024, sejumlah 177 institut memandu daripada 245 institut memandu di seluruh negara telah terlibat dalam menawarkan Program Peralihan LMM Kelas B2 kepada Kelas B.

Dalam tempoh yang sama, sejumlah 5,477 calon telah menduduki program peralihan dengan 4,225 ataupun 77 peratus calon telah lulus dan 1,251 ataupun 23 peratus calon telah terkandas proses ujian. Program ini ditawarkan secara pilihan kepada mana-mana IM yang berminat berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kementerian Pengangkutan dan JPJ akan sentiasa memantau pelaksanaan program ini dan tindakan akan diambil kepada mana-mana IM yang telah memberikan komitmen dalam pelaksanaan program, tetapi gagal untuk menerima dan memproses permohonan daripada orang awam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Halim.

Dato’ Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih bagi pihak *Superbike Association Malaysia* sebab saya Presiden yang mengutarakan tentang kertas cadangan ini. Pada peringkat awal, bila telah dilaksanakan ia ada menjadi sedikit masalah kerana mungkin pihak pelaksana tidak berbincang dengan pihak industri yang ingin mengambil lesen B2 kepada *B Full.*

Persoalan yang telah dijawab tadi ada satu persoalan. Apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya pihak Institut Memandu (IM) ini tidak mengambil ataupun tidak berusaha untuk memastikan bahawa program ini dapat dilaksanakan di tempat Institut Memandu mereka sendiri. Apakah tindakan yang boleh diambil? Terima kasih.

■1110

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya seperti yang saya katakan, kalau mereka telah menyatakan hasrat untuk mengadakan program ini, tetapi tidak menjalankan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan maka tindakan akan diambil oleh pihak JPJ kepada IM ini daripada segi mungkin memberikan amaran sekiranya- tindakan terhadap pelesenan mereka dan sebagainya, tetapi kalau yang pertamanya, kita tidak mewajibkan

semua IM, tetapi IM yang berminat mereka boleh pohon. Jadi kalau mereka tidak mengadakan program itu di institut mereka sendiri maka saya rasa ada tindakan disiplin akan diambil terhadap IM tersebut, tetapi saya tak pasti apakah aduan daripada pihak Yang Berhormat, kalau ada yang mengatakan bahawa mereka daftar di satu IM, tetapi membuat ujian itu di tempat lain.

Mungkin itu, kalau ada maklumat seperti berikut kita akan ambil tindakan terhadap IM tersebut, tetapi saya nak mengatakan bahawa memang daripada segi permulaannya memang ada sedikit masalah pelaksanaan. Seperti biasa juga mana-mana program baru ada sedikit masalah koordinasi dan pelaksanaan, tetapi kita cuba tambah baik kelemahan-kelemahan itu. Setakat ini dalam masa dua bulan lebih dah 5,000 lebih orang telah pun mengambil ujian ini. Saya yakin bahawa ramai lagi yang akan berminat untuk mengambil program ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad Azam bin Hamzah.

10. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah kementerian telah menjalankan penilaian atau kajian khusus terhadap kesan skandal GISB terhadap kesihatan mental kanak-kanak yang terlibat dan apakah hasil daripada kajian tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil berat dalam aspek pemulihan pada kanak-kanak yang kini berada dalam jagaan sementara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selepas diselamatkan melalui Op Global.

Dalam membantu kesejahteraan dan kesihatan mental kanak-kanak ini, proses pemulihan daripada aspek sosial dan psikologi dilaksanakan secara berterusan oleh pelindung dan pegawai psikologi atau kaunselor JKM dalam memastikan mereka menerima intervensi yang komprehensif. Antara bantuan asas psikologi yang telah diberikan ialah *Psychological First Aid* atau PFA yang merupakan satu sistem sokongan psikososial awal dan praktikal yang disediakan dalam situasi krisis seperti dalam kes tersebut.

PFA bukannya sesi kaunseling atau intervensi psikiatri tetapi ia merupakan pendekatan psikologi berasaskan kepada membina harapan positif serta memberi ruang kepada kanak-kanak agar rasa difahami dan didengari. Bantuan asas ini didapati efektif bagi meminimumkan impak psikososial meliputi kesan fizikal, sosial dan emosi kepada individu yang mengalaminya sebelum kaunseling dapat dilaksanakan. PFA memfokuskan kepada lima elemen asas bagi perubahan klien iaitu:

(i) keselamatan;
(ii) ketenangan;
(iii) keterhubungan;
(iv) efikasi kendiri; dan
(v) pengharapan.

Tuan Yang di-Pertua selain PFA, saringan psikometrik juga telah dijalankan ke atas kanak-kanak ini bagi tujuan mengenal pasti bentuk intervensi yang bersesuaian dan diperlukan oleh mereka. Antara ujian psikometrik yang dijalankan adalah;

(vi) Penilaian Kesejahteraan Psikologi Ryff untuk menilai tahap kesejahteraan psikologi kanak-kanak;
(vii) *Mini Mental State Examination* (MMSE) untuk mengenal pasti tahap kecelaruan kognitif; dan
senarai semak simptom trauma untuk mengenal pasti sistem trauma yang dialami oleh kanak-kanak.

JKM turut telah melaksanakan saringan dan *profiling* awal kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global. Antaranya meliputi penilaian kognitif untuk mengenal pasti sekiranya mereka mempunyai kecelaruan kognitif. Penilaian dan saringan berterusan dijalankan bagi mengenal pasti tahap kecelaruan tersebut dengan lebih terperinci serta menentukan langkah-langkah intervensi yang bersesuaian dan lebih berfokus.

Untuk makluman bagi kanak-kanak yang memerlukan rawatan susulan, mereka dirujuk kepada Pegawai Psikologi Klinikal di Kementerian Kesihatan Malaysia untuk penilaian dan rawatan lanjut. Contohnya JKM telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang dianggotai oleh Pakar Pediatrik, Pakar Perubatan Keluarga, Kaunselor, Ahli Psikologi Klinikal dan Pakar Psikiatri dalam Program Pemulihan Komprehensif Kesihatan bagi kanak-kanak yang berada di tempat-tempat selamat di negeri Selangor.

Secara keseluruhannya, Pegawai Psikologi akan terus membantu proses pemulihan emosi dan *psychological* kanak-kanak ini dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan psikologi dan kaunseling mengikut keperluan melalui pendekatan *whole of government approach.* Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Ahmad Azam.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri telah menerangkan langkah-langkah yang diambil terutamanya dalam mengenal pasti masalah terutamanya daripada psikologi yang dihadapi oleh kanak-kanak berkenaan, tetapi soalan saya, apakah langkah-langkah pemulihan yang telah diambil setelah mengetahui status psikologi mereka yang mungkin- adakah keluarga mereka

dilibatkan dan apakah program jangka pendek dan juga jangka panjang yang diambil untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi?

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dalam hal ini kesemua kanak-kanak telah dikeluarkan perintah jagaan sementara untuk mahkamah kepada JKM telah dan sedang diberi perlindungan dan penjagaan sewajarnya oleh JKM pada masa ini. Walaupun demikian, walaupun berdepan dengan cabaran besar terutamanya untuk menyediakan tempat dan jagaan kepada bilangan kanak-kanak yang sangat ramai. Dalam masa yang singkat JKM telah berusaha sedaya upaya menjalankan tanggungjawab dengan penuh profesional selaras dengan keperluan dan hak-hak kanak-kanak.

Walau bagaimanapun bagi kami di KPWKM, matlamat akhir atau dengan izin, *our end goal* bagi penempatan dan penjagaan kanak-kanak terlibat adalah kembali ke pangkuan keluarga. Namun sebelum ia boleh direalisasikan pelbagai perkara perlu dinilai dan dipertimbangkan. Ini semua bukanlah untuk menidakkan hak mana-mana pihak tetapi ia adalah demi kepentingan terbaik untuk kanak-kanak itu dan dengan izin, *for the best interest of the child.*

Dalam hal ini adalah dimaklumkan setakat hari ini ada 420 orang kanak-kanak telah dikembalikan termasuk empat orang telah diserahkan kepada orang yang layak dan sesuai. Tadi bertanya mengenai program-program, memang banyak program yang kita lakukan terutama sekali intervensi. Intervensi-intervensi kita secara totalnya kita melakukan sebanyak 10,863 intervensi secara menyeluruh. Sebenarnya ada detil-nya, demi masa saya terpaksa menghormati masa. Namun saya boleh beri kepada Yang Berhormat ya. Okey, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Soalan tambahan. Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu, dua soalan ya Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan tindakan pemulihan secara komprehensif dengan mengambil pendekatan *Psychology First Aid*, bantuan asas terhadap emosi dan juga mental kanak-kanak ini.

Soalan saya, berapakah tempoh masa yang perlu diambil bagi memastikan mental kanak-kanak ini dapat dipulihkan? Sebab kita tahu di Selangor khususnya ya, begitu ramai kanak-kanak yang telah diselamatkan, tapi jangan kita lupa juga ketika serbuan terhadap GISBH berlaku sebenarnya ramai- lebih daripada 600 orang ataupun lebih daripada 1,000 kanak-kanak sebenarnya terjejas.

Jadi kalau sekiranya tempoh masa tiga bulan atau enam bulan diambil untuk memulihkan, saya tak pasti ia boleh memulihkan kanak-kanak tersebut. Apatah lagi sekarang ini kita ada kanak-kanak itu di bawah jagaan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi bagaimana selepas itu apabila diserahkan kembali kepada ibu bapa ataupun mereka yang

menjaga ataupun diberikan kepada pihak Jabatan Agama Islam Negeri-negeri untuk mengambil alih, untuk memastikan bahawa emosi, fizikal, mental kanak-kanak ini dapat dipulihkan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi mengatakan dalam lebih 600 ataupun 1,000. Sebenarnya apabila mula-mula operasi itu dimulakan dia ada dalam 600 lebih, tetapi setelah di temu bual dan juga di *enquire* ataupun ada *investigation,* dengan izin ya. Mereka telah didapati, ada di antara mereka sudah mencapai umur 18 tahun maka perlu dikembalikan.

Jadi secara menyeluruhnya kita ada 560 sahaja. Seperti yang saya nyatakan tadi 420 termasuk empat orang yang telah dihantar kepada- diserah kepada orang yang layak dan sesuai. Jadi tinggal sekarang ini adalah 140.

Daripada segi intervensi untuk- yang kita lakukan adalah lebih kepada kita punya kaunselor. Kaunselor kita bukan klinikal punya, bukan *medical* punya kaunselor. Kaunselor kita lebih kepada membantu untuk psikologi ya, yang mana mereka melaksanakan saringan dan intervensi secara awal.

Lepas itu bagi yang memerlukan rawatan susulan lanjut, kita akan rujuk mereka ke Kementerian Kesihatan. Sebenarnya ada beberapa peratus di antara mereka mengikut Penilaian Kesejahteraan Psikologi Ryff iaitu tinjauan *straightforward* dan ringkas menilai komponen psikologi kesejahteraan.

■1120

Jadi daripada segi peratusannya, penilaian kognitif awal kanak-kanak telah dilakukan oleh JKM ke atas 385 orang kanak-kanak yang berumur lapan tahun dan ke atas. Daripada jumlah itu, lebih kurang 71 iaitu 277, minta izin ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Jumlah 277 orang daripada mereka tidak menunjukkan kecelaruan kognitif, 78 orang menunjukkan mengalami masalah kecelaruan kognitif yang sederhana dan 30 orang lagi mengalami kecelaruan kognitif yang teruk. Jadi, itu setakat yang kita lakukan.

Dari- Kementerian Kesihatan di Selangor juga membantu, tetapi sebab kita punya bidang berbeza. Mereka lebih kepada kesihatan. Itu *medical* punya ya. Jadi, saya harap saya menjawab persoalan itu, Yang Berhormat. Kalau tak cukup, nak tanya lagi, boleh saya bagikan...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Tempoh masa yang diperlukan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Oh, *sorry, sorry.* Tempoh masanya Yang Berhormat, yang mengikut kita, kita pada mulanya, kita hanya boleh menyimpan selama dua bulan. Itu dengan izin mahkamah, ya. Kita sebelum menahan mereka ataupun melindung mereka, perkataan dia lebih "melindung", bukan "menahan".

Kita melindung mengikut *consent* dari mahkamah, dengan izin, dua bulan. Selepas itu, kita pohon lagi. Sehingga kalau mereka sampai- selepas itu, tiga bulan. Selepas itu, kita pohon sama ada kita kembalikan kepada keluarga dia sendiri ataupun kalau nak dihantar kepada orang yang layak dan sesuai, mengikut keputusan mahkamah juga maka ia boleh hanya dalam tiga tahun, kalau tak silap, tetapi dalam hal ini, sebelum kita mengembalikan kepada keluarganya, kita telah mendapatkan keputusan di mahkamah. Sebab itu ia mengambil tempoh lama sedikit.

Mungkin ada yang bertanya kenapa yang lain itu masih ada lagi. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang menjadi ibu bapa ini, yang tidak berani datang awal kepada kita. Jadi, ia mengambil tempoh kerana mereka takut mereka perlu kalau ada- sebab *Lawyer* juga nak mengambil, nak mendapat rezeki juga daripada mereka ini, tetapi mereka tak mampu. Jadi, tak berani datang ke hadapan.

Selepas itu kedua, mereka juga tidak mahu datang ke hadapan. Takut ditangkap. Memang ada pun dalam 11 orang yang- ada kelompok 11 orang itu, ada salah seorangnya ditangkap. Jadi, mereka tak berani datang tetapi selepas itu bila kita mengatakan- sampai hari ini pun saya nak menyeru kepada mereka yang kita hubungi, yang tak berani menjawab ataupun respons kepada kita, datanglah kepada kita.

Kita tak mengambil tindakan, yang orang kata tidak bertindak untuk mengambil tindakan kepada mereka melainkan mereka sudah ada tindakan daripada pihak polis. Jadi, saya ingin tegaskan bahawa mereka boleh terus menghubungi pihak JKM tanpa menggunakan sebarang perantaraan, termasuklah tidak perlu menggunakan khidmat peguam. Jadi sebab itu, kita tunggu lagi yang 140 yang tinggal ini supaya mereka dapat dikembalikan. Kami menunggu juga. Kesian juga kanak-kanak itu. Kalau itu sahaja, cukup ya.

Saya nak membuat pengumuman sikitlah, Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Hari ini spesial. Tuan Yang di-Pertua, sebelum akhiri maklum balas saya pada hari ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari OKU Sedunia kepada semua insan... *[Tepuk]* Saya memetik kepada apa yang selalu disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Isaiah iaitu, *“Insan istimewa di Malaysia dan juga di seluruh dunia”.*

KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan OKU juga meraikan sambutan Hari OKU pada hari ini bertemakan “Memperkasa Kepimpinan OKU Demi Inklusiviti Mampan”. Semoga kesejahteraan golongan OKU di Malaysia akan terus terpelihara dan kami di KPWKM akan terus berusaha untuk bersama semua pihak dalam memastikan hak OKU di Malaysia terus dipertahankan.

Sama-samalah kita pakai baju batik hari ini. Batik Malaysia hari ini. Sama-sama. Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Terima kasih, YB Menteri. Sekarang, saya jemput Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua kerana mengizinkan soalan saya kali ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab itu saya tak benarkan pencelahan tadi... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan saya nombor 11.

11. Tuan Haji Hussin bin Ismail minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, tahap kesediaan kementerian untuk memperbanyakkan program Tahfiz Al-Quran sebagai salah satu modul pemulihan warga banduan di dalam penjara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia amat menitikberatkan program pemulihan terhadap banduan di penjara. Antara program pemulihan yang diberikan adalah melalui program pendidikan agama yang merupakan salah satu elemen penting dalam pembentukan banduan yang mampan daripada aspek kerohanian.

Pendidikan agama yang dilaksanakan kepada banduan adalah berdasarkan peraturan 147 pendidikan agama di bawah Peraturan-peraturan Penjara 2000. Peraturan tersebut menyatakan sebagaimana berikut.

"Pegawai yang menjaga hendaklah membuat perkiraan untuk mengadakan pendidikan agama atau moral bagi banduan di bawah jagaannya oleh orang yang berikut:

(a) pegawai penjara yang berkelayakan menjadi guru agama;

(b) berkenaan dengan banduan yang beragama Islam, mana-mana orang yang diberikan tauliah di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pentadbiran agama Islam; dan,

(c) berkenaan dengan banduan yang bukan beragama Islam, seseorang yang dinamakan oleh mana-mana persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya".

Modul *Halaqah* dijadikan asas pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi akidah, fikah, akhlak, hadis dan Al-Quran. Pembelajaran Al-Quran dalam Modul *Halaqah* telah dikembangkan melalui Program 3T iaitu *Talaqqi*, yakni pembelajaran Al-Quran di peringkat asas menggunakan kaedah *Iqra'*. Tadarus, yakni melancarkan pembacaan Al-Quran serta mampu mengenali hukum-hukum tajwid dan Tahfiz, yakni menghafal ayat-ayat lazim, surah-surah pilihan dan semua juzuk dalam Al-Quran. Program ini dilaksanakan di seluruh institusi penjara seluruh negara, Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemulihan kepada banduan berasaskan pendekatan agama adalah selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan

oleh Jabatan Penjara Malaysia agar setiap banduan beragama Islam menguasai asas Fardu Ain dan membaca Al-Quran.

Program Tahfiz diwujudkan untuk meningkatkan tahap pembacaan dan kefahaman banduan terhadap Al-Quran serta secara tidak langsung diharap dapat mengubah tingkah laku banduan berlandaskan kehendak dan tuntutan agama Islam. Bagi pelaksanaan Program Tahfiz, Jabatan Penjara Malaysia telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam serta Jabatan Agama Islam Negeri sejak tahun 2013 lagi. Yang Berhormat, dengan penubuhan Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah di Penjara Kluang. Kita ada sehingga kini, Jabatan Penjara telah menubuhkan Sekolah Tahfiz Baitul Hikmah di Penjara Penor, Pahang, Kelas Tahfiz Khairul Ummah di Penjara Kajang, Selangor dan Sekolah Tahfiz Al-Furqan di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Soalan tambahan, Tuan Haji Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang saya fikir *clear,* tetapi saya nak minta sikit tambahan pandangan.

Menurut tinjauan saya ke-satu, dua tahfiz di penjara ini, info yang saya terima 89,000 sekarang ini lebih kurang banduan dan daripada 89,000 itu, majoritinya Muslim. Empat buah negeri, empat penjara yang sekarang ini menjalankan Program Tahfiz di penjara ini, hasilnya sangat baik. Malahan, sebahagian besar itu dah hafiz pun dan keluar menjadi imam.

Saya cuma nak minta sikit tambahan maklumat. Dalam peruntukan RM150 juta dalam Belanjawan 2025 yang diperuntukkan kepada JAKIM, ada tak ruang untuk membolehkan tahfiz penjara juga mendapat ruang ini untuk persiapan prasarananya, ubah suaian dan lain-lain ataupun mungkin KDN mempunyai peruntukan yang lain? Pohon penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Yang Berhormat, memang kita sedar bahawa pendidikan tahfiz di penjara, kita bertujuan untuk melahirkan modal insan, penghafal Al-Quran yang dapat memulihkan diri melalui terapi Al-Quran ini. Tentunya menjadikan Al-Quran sebagai panduan, seterusnya boleh bergerak dan mengembangkan pembangunan ummah yang berkualiti.

Kalau ikut rekod kita Yang Berhormat, 70 tahfiz telah bebas, 30 di Johor dan 20 di Penor. Memang kita dapat lihat perubahan tingkah laku.

Program yang kita laksanakan ini memang dengan kerjasama JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Cadangan Yang Berhormat untuk melaksanakan kerjasama itu sangat baik dan kita boleh untuk berbincang dengan lebih lanjut mengenai perkara-perkara berkenaan. Namun, ketika ini, kita memang menggunakan bajet KDN sendiri.

Sebenarnya, daripada segi hala tuju kita, kita memang dapat melihat kesan perubahan yang berlaku.

■1130

Kita harap prospek yang mengikut tahfiz ini boleh menyumbang kepada negara dengan kekuatan diri mereka sendiri untuk berdikari selepas ini dan tentunya boleh membantu komuniti dan mengembangkan dengan kerjaya membuka kelas dan sebagainya. Sebab itu perancangan kita, Yang Berhormat sebagai tambahan, Speaker bagi, kan? Tambah sikit. Sebenarnya kita dah ada tapi kita ada perancangan lagi, cadangan pada tahun 2025 kita nak buka di Penjara Marang. Kita nak buka di Seberang Perai, Penjara Pusat Kota Kinabalu dan Pusat Koreksional di Labuan. Ini kita buka berasas kepada kesan dan keyakinan kita bahawa program ini dapat untuk meningkat dan mengubah sikap banduan, prospek kita di penjara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan Menteri lepas ini akan membentangkan RUU dan akan menjelaskan dengan panjang lebar...

Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Nak tanya soalan tambahan juga?

Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad: Tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah... *[Ketawa]*

Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan berkaitan dengan modul pemulihan banduan dalam penjara ini yang mana soalan awal tadi telah kemukakan berkaitan dengan banduan beragama Islam. Boleh kah ataupun izinkan saya untuk bertanya berkaitan dengan pemulihan untuk warga yang bukan Islam. Adakah mereka juga diberi peluang untuk menjalani agama masing-masing daripada pihak penjara sendiri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang baik. YB Menteri.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Saya sebutkan tadi memang dalam Peraturan-peraturan Penjara 2000 ini, memang banduan yang bukan beragama Islam juga akan mendalami program-program yang sesuai dengan agama mereka. Kalau kita lihat modul di bawah Pembangunan Insan di penjara kita, ada enam jam sehari. Satu daripada program *Halaqah* PPI ini. Kemudian, kita ada Terapi Komuniti. Kemudian kita ada- maksudnya ialah kita memang ada program yang khusus kepada orang Islam dan juga kepada yang bukan Islam.

Kita yakin bahawa program-program berbentuk pembangunan modal insan ini memang berkesan untuk mengubah kerana kita pun ada bukti dan dalil yang menunjukkan perubahan sikap berlaku bila mereka mendalami proses-proses berkaitan sebagaimana Yang Berhormat maksudkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan yang terakhir kita pada hari ini. Saya jemput Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 12.

12. Tuan Amir bin Md. Ghazali minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, bagaimanakah kementerian menjalankan penilaian terhadap program-program pembangunan yang dilaksanakan di desa. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan keberkesanan program dan menyelesaikan isu-isu yang timbul semasa pelaksanaannya?

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melaksanakan penilaian terhadap program dan projek yang dilaksanakan melalui Kajian Penilaian *Outcome* bagi projek dan pembangunan yang telah berstatus siap untuk mengukur prestasi dan pencapaian projek pembangunan yang telah dilaksanakan. Pelaksanaan kajian ini diselaraskan dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 iaitu Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *outcome*.

Pengukuran pencapaian *outcome* ini dijadikan sebagai satu piawaian bagi mengenal pasti kekurangan dan kelemahan pelaksanaan projek ataupun program pembangunan di KKDW, seterusnya kita dapat melihat keberkesanan pelaksanaan projek berkenaan.

Seterusnya, bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul semasa pelaksanaan projek program pembangunan, KKDW mempunyai platform tertentu khasnya Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian dan juga Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian yang ditubuhkan sebagai mekanisme penyelarasan utama, mengenal pasti dan menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program dan projek kementerian.

Di samping itu, KKDW juga mempunyai pejabat di setiap negeri yang mana diberi peranan untuk memantau setiap program dan projek yang dilaksanakan dan mengadakan lawatan pemantauan bersama-sama dengan agensi yang berkaitan bagi memastikan isu dan permasalahan dapat diselesaikan dengan kadar segera. Terima kasih Datuk Seri.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Soalan tambahan.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: Baik soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya tentang apakah cabaran dan halangan salah satu perkara yang telah diwujudkan di dalam KKDW iaitu Satu Industri Satu Kampung? Saya melihat perkara ini daripada 2003, Satu Kampung Satu Industri selepas itu bergerak kepada Satu Kampung, Satu Produk. Kalau kita lihat di Thailand, *One Tambon, One Product*. Dia nampak jelas dan berkesan di dalam arena *market* di Thailand, tapi kita Satu Kampung Satu Produk, apakah halangan dan cabaran

yang di dalam kementerian apabila kita melihat tiada ada kesan di kalangan industri-industri di kawasan kampung? Terima kasih.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat program, Satu Produk Satu Kampung bukan merupakan program di bawah KKDW tetapi di bawah Kementerian Keusahawanan (KUSKOP). Banyak dilaksanakan di peringkat kampung melalui program-program pembangunan kampung di kawasan luar bandar. Kita *just* orang kata bukan program utama kita, tetapi kita *support* program KUSKOP yang mana penyeliaan, pemantauan dia, keberkesanannya diselia oleh KUSKOP sendiri. Kita sebagai agensi *as* membantu dari sudut pengurusan tadbir di peringkat kampung sahaja. Terima kasih, Datuk Seri.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat selesailah Sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.37 pg.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri, dipersilakan YB Menteri nak berapa banyak masa, YB Menteri?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: Datuk, saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Habiskan kesemuanya.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Penting untuk masuk dalam *Hansard,* Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik YB. Silakan.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 telah dibentangkan dan diluluskan dengan sokongan majoriti lebih dua pertiga Ahli Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2024. Diharapkan Rang Undang-

undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini juga akan mendapat sokongan yang padu daripada Ahli Dewan Negara kerana pindaan yang dilakukan ini selari dengan cabaran dan realiti semasa dalam mewujudkan keseimbangan antara keselamatan dan kedaulatan undang-undang serta sikap perikemanusiaan yang patut diberikan kepada golongan wanita dan kanak-kanak.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Selain memperkukuhkan hak rakyat serta memastikan ketelusan dan keadilan dalam proses pemberian kewarganegaraan, dalam hubungan ini saya mohon izin untuk memberikan latar belakang tentang pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai kewarganegaraan ini. Ini merupakan reaksi kerajaan terhadap satu kes mahkamah, Suriani Kempe yang mewakili kumpulan kaum ibu yang pasangan mereka adalah warganegara asing dan melahirkan anak di luar negara.

Mengikut Perlembagaan sekarang anak itu akan mengikut kewarganegaraan bapa. Suriani membawa kes ini ke mahkamah berdasarkan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa lelaki dan wanita itu adalah sama. Jadi, keputusan Mahkamah Tinggi telah memihak kepada Suriani Kempe. Ini bermaksud anak yang lahir di luar negara yang bapanya warganegara asing juga boleh menjadi warganegara Malaysia. Namun kerajaan telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut dan berpihak kepada kerajaan. Hakim Mahkamah Rayuan bicara mengatakan, *"Bapa adalah bapa, ibu adalah ibu"*. Jadi kerajaan sedia faham bahawa satu rang undang-undang itu bukan statik dan ia bersifat dinamik.

Rentetan daripada kes mahkamah tersebut, satu Kertas Cadangan telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri supaya keputusan dasar dapat dibuat bagi maksud meminda Perlembagaan.

■1140

Maka, satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah ditubuhkan. Sebelum proses selanjutnya dilakukan maka Jemaah Menteri perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja menurut Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan dan juga mendapat persetujuan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak menurut Perkara 161E(2)(a) Perlembagaan Persekutuan. Jadi, proses berkenaan telah kita laksanakan. Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan cadangan ini semasa pembentangan perkara dibuat turut menyarankan supaya satu kajian secara komprehensif perlu dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia adalah anugerah tertinggi yang diperuntukkan dengan jelas oleh undang-undang tertinggi Malaysia

iaitu Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan tidak memberi kewarganegaraan sewenang-wenangnya walaupun pada masa ini KDN lebih bersifat terbuka membantu sesiapa sahaja yang ingin mohon taraf kewarganegaraan dengan syarat ia mematuhi peruntukan perundangan yang berkuat kuasa. Oleh itu, Majlis Raja-Raja menzahirkan supaya satu elemen kawalan dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan kewarganegaraan.

Jawatankuasa Teknikal kemudiannya telah membuat kajian yang merangkumi perbandingan perundangan dengan negara-negara luar. Sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan seperti NGO, ahli-ahli akademik dan Ahli-ahli Parlimen. Untuk satu-satu pindaan ke atas Perlembagaan dibuat, kerajaan harus melihat undang-undang sedia ada dan negara kita mempunyai sebanyak 861 akta. Rukun pembentangan juga kita ikuti dalam memastikan rang undang-undang ini mematuhi prosedur yang ditetapkan iaitu pembentangan kepada Majlis Raja-Raja, Jemaah Menteri, Kerajaan Sabah dan Sarawak serta sekalian Ahli Parlimen juga telah dilengkapkan.

Pindaan Perlembagaan ini juga akan melibatkan pindaan berbangkit kepada beberapa akta yang berkaitan yang harus dibaca bersama dengan peruntukan mengenai permohonan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan iaitu sebanyak 14 perundangan yang melibatkan peruntukan berkaitan kelahiran, perkahwinan, ordinan dan sebagainya. Kita juga melihat amalan baik yang dilaksanakan oleh beberapa buah negara lain.

Alhamdulillah, proses ini telah kita selesaikan dan kemudiannya kita angkat kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang ke-265 pada 21 dan 22 Februari 2024. Mesyuarat ini telah bersetuju menimbang dan memperkenankan cadangan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 dengan memberikan perkenan dengan penzahiran agar pemberian taraf kewarganegaraan perlu diperketat.

Majlis Raja-Raja yang ke-266 pada 17 dan 18 Julai 2024 telah memperkenankan cadangan pindaan keseluruhan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan berhubung perkara kewarganegaraan. Persetujuan ini perlu mengambil kira pandangan SUHAKAM yang telah disepakati supaya peraturan berkenaan tatacara dan prosedur kewarganegaraan pindaan Perlembagaan ini diwujudkan secara berkanun oleh pihak kerajaan dalam memastikan ia dapat dilaksanakan dengan jelas dan komprehensif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah pindaan ini dibuat dengan tujuan menambah baik kaedah pemberian kewarganegaraan bukan penafian hak kemanusiaan. Ini kerana terdapat keperluan ia dibuat secara lebih berhati-hati kerana cabaran keadaan keselamatan negara harus menjadi keutamaan kepada agenda nasional iaitu memelihara rakyat dan negara daripada sebarang ancaman keselamatan luar yang sekiranya tidak ditadbir urus secara ketat boleh melumpuhkan sistem pentadbiran negara ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sejak 21 Disember 2022 sehingga 27 November 2024, Menteri Dalam Negeri telah memberi keputusan sebanyak

32,408 permohonan kewarganegaraan di bawah pelbagai perkara yang mana 19,567 adalah bagi Perkara 15A iaitu kes-kes yang banyak diterima dalam kategori anak tak sah taraf, anak angkat dan anak jagaan. Seperti yang dijelaskan oleh Menteri Dalam Negeri dalam sesi penggulungan di Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2024 lalu, KDN komited menyelesaikan semua permohonan yang tertunggak dalam tempoh 12 bulan sehingga Oktober 2025. Ini adalah bagi membolehkan tiada lagi baki kes permohonan tertunggak dibiarkan tertangguh bertahun-tahun.

Usaha ini akan diteruskan dari semasa ke semasa. Jaminan kerajaan, permohonan kewarganegaraan akan diselesaikan dalam tempoh masa satu tahun melalui dua SOP iaitu SOP Perkara 15A dan Perkara 19. Perkara ini bagi memastikan tidak ada mana-mana individu di Malaysia yang memohon taraf kewarganegaraan akan dinafikan hak kerakyatan mereka sekiranya mereka didapati benar-benar layak oleh kerajaan. Rang undang-undang pindaan 2024 ini menjurus kepada tujuh pindaan, tiga pewujudan baharu dan tiga pemansuhan peruntukan yang tidak lagi relevan bagi memenuhi keperluan semasa dalam menentukan keselamatan dan kedaulatan negara selain memastikan kesejahteraan dan keharmonian negara terpelihara.

Pindaan Perlembagaan yang agak besar ke atas Bahagian III kewarganegaraan ini dilaksanakan kali terakhir ialah pada 9 Ogos 1965 iaitu apabila Singapura meninggalkan Persekutuan Malaysia. Secara keseluruhan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini mengandungi 12 fasal di dalamnya. Fasal-fasal pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 rang undang-undang ini memperuntukkan tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan akta yang dicadangkan.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Fasal 1, Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut.

Pertama, mengenakan syarat tambahan untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu kepada mana-mana perempuan bersuami bertaraf warganegara yang membuat permohonan kewarganegaraan melalui pendaftaran.

Kedua, meminda Fasal 2, Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan had umur untuk memohon kewarganegaraan melalui pendaftaran daripada umur 21 tahun kepada 18 tahun supaya selaras dengan umur mengundi di Malaysia dan takrif kanak-kanak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-kanak 2011, Akta 611 dan umur dewasa sebagaimana diperuntukkan dalam Akta Umur Dewasa 1971, Akta 21.

Berbangkit daripada itu, pindaan dibuat kepada peruntukan lain dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan iaitu Fasal 3, 6, 7, 9 dan 11 rang undang-undang ini dan ketiga, memotong Fasal 3, Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan ini tidak lagi terpakai pada masa ini.

Fasal 4 rang undang-undang ini bertujuan untuk memotong Perkara 16A Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan ini tidak lagi terpakai pada masa ini.

Fasal 5 rang undang-undang ini pula bertujuan untuk memasukkan Fasal baharu (1A) ke dalam Perkara 18 Perlembagaan Persekutuan untuk menghendaki mana-mana orang di bawah umur 18 tahun yang memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran untuk mengangkat sumpah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama selepas mencapai umur 18 tahun. Jika dia gagal untuk mengangkat sumpah dalam tempoh 48 bulan selepas mencapai umur 18 tahun, dia akan terhenti menjadi warganegara. Kaedah mengangkat sumpah ini adalah bagi mengekang pemilikan dwi kewarganegaraan bagi individu-individu yang lahir di luar negara sama ada melalui kuat kuasa undang-undang atau pendaftaran oleh ibu atau bapa bertaraf warganegara Malaysia.

Ini kerana Malaysia tidak mengiktiraf dwi warganegara dan tidak membenarkan pegangan satu- dan hanya membenarkan pegangan satu kewarganegaraan sahaja.

Fasal 7 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan dengan memperuntukkan keadaan tambahan bagi Kerajaan Persekutuan untuk menahan pendaftaran akuan pelepasan kewarganegaraan mana-mana orang jika pelepasan itu memudaratkan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian dalam Persekutuan, ketenteraman awam dan kepentingan awam.

■1150

Fasal 8 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Fasal 2, Perkara 26 Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan warga asing yang bersuami yang mendapat kewarganegaraan menurut Fasal 1, Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan jika perkahwinan yang disebabkan olehnya perempuan itu didaftarkan telah dibubarkan dalam tempoh dua tahun mulai dari tarikh perempuan itu mendapat kewarganegaraan, sebagai menggantikan tempoh dua tahun mulai tarikh perkahwinan itu.

Fasal 10 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Perlembagaan Persekutuan yang berhubung dengan sumpah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual supaya selaras dengan pindaan yang dibuat dalam Fasal 5 dan 11 rang undang-undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 11 rang undang-undang ini pula bertujuan untuk meminda perkara seperti berikut. Satu, Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan dengan meminda perenggan (a) seksyen 1 untuk memperuntukkan bahawa hanya kanak-kanak yang lahir dalam Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya seorang warganegara pada masa kelahiran kanak-kanak itu layak mendapat kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang.

Dengan pindaan yang dicadangkan ini, seseorang kanak-kanak yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu bermastautin secara tetap di Persekutuan tidak lagi layak untuk mendapat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang. Peruntukan asal berkenaan pemastautin tetap telah dinyatakan dalam Penyata Rasmi Dewan Negara Bilangan III, nombor 6 bertarikh 2 Februari 1962 yang menyatakan bahawa pemastautin tetap pada masa berkenaan adalah khusus kepada rakyat Singapura.

Kementerian Dalam Negeri ingin menjelaskan bahawa terdapat dua kategori pemastautin tetap di negara ini. Kategori pertama adalah mereka yang diberi MyPR mempunyai permit masuk dan memiliki dokumen perjalanan negara asing iaitu merujuk kepada warganegara asing sepenuhnya.

Manakala kategori kedua ialah pemegang status pemastautin tetap atau MyPR yang mempunyai permit masuk atau dokumen perjalanan negara asing. Kategori kedua ini merujuk kepada dasar pada masa tersebut pemberian kad pengenalan merah kepada anak-anak angkat. Individu yang lahir sebelum merdeka dan individu yang berada di sini sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia. Dalam hal ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, anak-anak kepada penduduk tetap yang lahir di Malaysia memiliki kewarganegaraan mengikut ibu bapa mereka.

Sudah menjadi tanggungjawab atau kewajipan mereka untuk mendaftar kelahiran anak-anak mereka yang berlaku di Persekutuan kepada kerajaan. Selepas mendapat sijil kelahiran, menjadi tanggungjawab mereka untuk berurusan dengan kerajaan mereka sendiri dan mendaftarkan kewarganegaraan anak-anak mereka mengikut negara asal.

Anak-anak PR bukanlah mereka yang layak bernegara atau *stateless* kerana mereka memiliki kewarganegaraan mengikut ibu atau bapanya. Pemberian PR tidak melucutkan taraf kewarganegaraan asing mereka. Jadi, tidak berbangkit isu anak-anak kepada penduduk tetap akan menjadi orang tanpa negara.

Pendaftaran kelahiran selepas pindaan tidak melayakkan anak-anak mereka mendapat Warganegara Malaysia secara kuat kuasa undang-undang. Anak-anak ini akan diberi taraf pemastautin tetap sama seperti ibu bapa mereka. Kanak-kanak ini juga boleh memohon taraf kewarganegaraan secara pendaftaran atau naturalisasi.

Kedua, meminda Bahagian II Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan hak yang sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan yang ibu bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara untuk memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang.

Sebelum pindaan ini, kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan hanya boleh memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang jika bapanya pada masa kelahiran itu seorang warganegara.

Ketiga, pindaan kepada perenggan (b) seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan, kelahiran kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan hendaklah didaftarkan, dalam masa satu tahun selepas kelahiran itu berlaku atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan, di suatu Konsulat Persekutuan atau dengan Kerajaan Persekutuan. Kehendak bagi pendaftaran adalah selaras dengan Perenggan (c) Seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan.

Empat, fasal ini juga bertujuan memotong sebutan pada Brunei di bawah Perenggan (c) Seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan supaya selaras dengan kehendak pendaftaran kelahiran kanak-kanak di luar Persekutuan di suatu Konsulat Persekutuan.

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan dengan memotong Perenggan (d) Seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan itu tidak lagi relevan pada masa ini.

Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 3 ke dalam Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menghendaki mana-mana orang yang di bawah umur lapan belas tahun yang telah memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang menurut perenggan (b) atau (c) seksyen 1 Bahagian II Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk mengangkat sumpah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama selepas mencapai umur lapan belas tahun. Jika dia gagal untuk mengangkat sumpah dalam tempoh yang dinyatakan, dia terhenti menjadi warganegara.

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah lahir di tempat itu dan ibunya ialah seorang warganegara.

Fasal 12 rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian dan pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil dan berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ada 33 orang ahli yang hendak berbahas, maka ditetapkan 10 minit seorang tetapi tak ada makan tengah harilah, *no lunch break for you all* ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 perenggan 5, saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditempohkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 seperti yang tertera di nombor satu senarai *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 4 Disember 2024.

Dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob.

11.59 pg.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Yang di-Pertua atas memberi ruang untuk saya berbahas isu kewarganegaraan.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri untuk membawa satu usul di mana membuat pembaharuan ataupun *revised* dalam- dengan izin, *revised* dalam akta. Sempena hari ini Hari OKU, *so,* saya ingin hendak bangkitkan isu anak-anak OKU yang melibatkan dalam kewarganegaraan ini.

Di mana saya mendapati daripada hasil kelewatan ataupun dasar-dasar atau pun proses dia terlampau banyak, di mana ramai anak-anak OKU yang dilahirkan sebagai OKU ini mereka mendapati keadaan yang begitu tidak dapat peruntukan-peruntukan yang sepatutnya mereka menerima seperti memohon Kad OKU terjejas.

■1200

Apabila mereka hendak pergi ke hospital, mereka terjejas juga terdapat khidmat-khidmat OKU. *So*, adakah kerajaan ada mekanisme yang lebih untuk golongan OKU ini? *So*, saya harap kerajaan akan memantau, memberi satu pendekatan untuk mengatasi masalah kewarganegaraan kepada golongan OKU khususnya anak-anak OKU untuk mereka menikmati sebab ini bukan- OKU ini bukan diminta jadi OKU, tetapi dilahirkan seperti OKU. Maka mereka tersangkut dengan keadaan sistem yang ada dalam negara kita ini.

Ini juga melibatkan pelajar OKU yang belajar tidak dapat melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah kerajaan. *So*, saya minta mohon kepada kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan ataupun apakah tindakan-tindakan yang boleh bantu mengatasi masalah OKU yang terlibat dalam ini.

Saya *more focus* pada kepentingan OKU. *So*, saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Saya bersempena Hari OKU ini, saya juga ingin membaca dan mengucapkan kepada semua golongan OKU di luar. Sempena Hari OKU, saya mengucapkan selamat menyambut Hari OKU Sedunia dengan ucapan...

Berbunga mekar di laman desa,
Harum semerbak si bunga seri;
Hari OKU kita bersama,
Menghargai insan penuh inspirasi.

Dengan pantun ini saya harap kerajaan akan memberi jawapan, berita yang baik kepada golongan OKU sempena Hari OKU Sedunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

12.02 tgh.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Dato' Seri Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan yang penting dalam pindaan Perlembagaan. Hari ini saya ingin menyentuh isu yang menjadi asas kepada jati diri negara kita iaitu soal kewarganegaraan. Perlembagaan Persekutuan adalah piagam tertinggi negara yang menentukan hak dan tanggungjawab Warganegara Malaysia. Namun, kita harus mengakui bahawa terdapat beberapa peruntukan mengenai kewarganegaraan yang sudah tidak selari dengan tuntutan semasa.

Dato' Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya ingin menekan kepada keadilan bagi anak-anak yang lahir di luar negara. Saya berterima kasih kepada Kerajaan MADANI kerana bersedia meminda Perlembagaan Persekutuan pada masa ini yang hanya menetapkan kewarganegaraan terhad melalui bapa. Ini pernah menimbulkan ketidakadilan kepada anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu Warganegara Malaysia. Anak-anak ini walaupun berdarah Malaysia sering menghadapi kesukaran dalam mendapatkan hak sebagai rakyat. Kini dengan pemindaan ini yang memperuntukkan hak yang sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan, tidak kira ibu atau bapa, setiap anak kita adalah anak Malaysia. Tahniah kepada KDN yang mengusulkan pindaan ini.

Dalam nada yang sama, saya juga ingin bertanya tentang isu anak luar nikah warganegara lelaki Malaysia. Jika ibu seorang warga asing *stateless* atau yang tidak berdokumen, mengapa anak-anak tersebut tidak layak diberikan status warganegara sedangkan sebaliknya jika ibu anak luar nikah adalah Warganegara Malaysia dan bapa mereka adalah seorang warga asing *stateless* atau tidak berdokumen, anak-anak tersebut boleh diberikan status warganegara secara automatik. Keadaan ini dikenal pasti oleh sebuah

NGO dengan izin, *Development of Human Resources for Rural Areas* (DHRRA) Malaysia sebagai satu punca berlakunya peningkatan kes-kes *stateless* yang sering mengalami pelbagai bentuk pengabaian khususnya dalam hak mereka untuk mendapatkan pendidikan.

Saya juga telah memahami bahawa hanya terdapat dua buah negara di dunia yang mengamalkan diskriminasi terhadap kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah iaitu Malaysia dan Barbados. Nampaknya banyak negara sahabat kita termasuk negara sekular dan negara Islam lain telah menemui cara untuk melindungi kanak-kanak sambil memberi keutamaan kepada institut perkahwinan. Semasa saya melakukan penyelidikan untuk perbahasan RUU ini, saya telah membaca laporan dengan izin, *"Stories from the Field: Overcoming Access to Justice Barriers through Grassroots Communities' Participation and Collective Action."* yang diterbitkan oleh DHRRA Malaysia.

Saya cukup terkesan apabila menyedari bahawa akses kepada pendidikan merupakan satu cabaran yang besar bagi kanak-kanak tanpa kerakyatan di Malaysia. Bayaran levi sebanyak RM120 untuk sekolah rendah dan RM240 untuk sekolah menengah masing-masing akan dikenakan ke atas kanak-kanak tanpa kerakyatan yang dilahirkan oleh ibu bapa Malaysia untuk mendaftar ke sekolah kerajaan. Mereka juga terpaksa menanggung semua perbelanjaan sekolah lain termasuk pembelian buku teks. Bukti permohonan kewarganegaraan yang belum selesai di Jabatan Pendaftaran Negara diperlukan untuk pendaftaran tersebut.

Kebanyakan institut pengajian tinggi di Malaysia tidak menerima pelajar tanpa kerakyatan dan tidak berdokumen. Ini menutup pintu kepada anak-anak yang terjejas untuk mengejar pendidikan tinggi dan masa depan yang lebih terjamin. Saya mencadangkan agar Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Tinggi menetapkan satu SOP-*Standard Operating Procedure* yang mewajibkan institut pengajian awam dan swasta memberikan akses pendidikan kepada anak-anak tanpa kewarganegaraan sama ada anak kandung atau anak angkat pada kadar rakyat Malaysia. Inisiatif ini akan memberi manfaat pada Malaysia dalam jangka masa panjang kerana kanak-kanak ini berpeluang untuk menyumbang secara bermakna kepada negara kita Malaysia.

Dalam ucapan penggulungan Menteri Dalam Negeri di Dewan Rakyat baru-baru ini pada 17 Oktober 2024, Menteri telah menyebut bahawa terdapat 40,000 pemegang *PR local born* dan daripada angka tersebut hanya 10,000 telah membuat permohonan kewarganegaraan. Adakah Kementerian Dalam Negeri tahu apakah faktor-faktor yang menghalang 75 peratus pemegang PR yang *local born* daripada membuat permohonan kewarganegaraan? Apa strategi kementerian untuk menangani fenomena ini supaya kita dapat menoktahkan *generational statelessness,* dengan izin?

Saya mohon agar kerajaan komited untuk menyediakan data terperinci mengenai isu kewarganegaraan dan *statelessness* khususnya pemegang *PR local born* kepada saya

menjelang Mesyuarat Pertama Parlimen 2025. Data itu harus merangkumi bilangan individu tanpa kerakyatan yang diberikan status Penduduk Tetap (PR), pemegang PR yang dibenarkan dan tidak layak mengemukakan permohonan kewarganegaraan, kadar pemprosesan permohonan di bawah Perkara 15A termasuk mereka yang berumur 18 tahun ke atas. Data ini juga perlu meliputi merit tentang individu tanpa kerakyatan, jumlah permohonan tertunggak serta perincian etnik dan demografi mengikut wilayah.

Isu kewarganegaraan bukan sekadar soal dokumen rasmi, tetapi soal jati diri dan hak asasi setiap individu. Pindaan ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada individu yang terkesan, tetapi juga mengukuhkan semangat perpaduan nasional dan integriti sistem perundangan kita.

■1210

Marilah kita bersama-sama meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dan memastikan masa depan yang lebih cerah bagi setiap rakyat Malaysia. Saya menyokong pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi maksud kewarganegaraan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: YB Senator Dato' Kesavadas. Tak ada hadir, kan?

Beberapa Ahli: Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat. Okey. YB Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

12.10 tgh.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Salam sejahtera. Salam hormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024. Pindaan ini menyentuh isu kewarganegaraan, satu isu yang sangat penting bukan sahaja daripada segi undang-undang, tetapi juga dari sudut kemanusiaan dan masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang kewarganegaraan, ia bukan sekadar dokumen atau status. Ia melibatkan identiti seseorang, peluang mereka untuk menyumbang kepada negara dan masa depan mereka serta keluarga mereka di negara ini. Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya usaha kerajaan untuk memperbaiki undang-undang ini termasuklah langkah menurunkan had umur permohonan kewarganegaraan kepada 18 tahun dan memperkenalkan syarat angkat sumpah untuk pemohon dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini mempunyai lima pindaan, empat perkara baharu dan empat pemansuhan, kalau tak silap saya. Saya ucapkan tahniah kepada KDN atas inisiatif untuk memperkasakan RUU melibatkan kewarganegaraan yang telah melalui dua jawatankuasa yang penting.

Namun, pindaan ini juga membawa pelbagai cabaran. Kita tidak boleh melupakan golongan yang selama ini hidup dalam ketidakpastian terutamanya yang lahir di Malaysia, tetapi tidak memiliki kewarganegaraan. Contohnya, menurut kenyataan YB Menteri di

Parlimen pada 17 Oktober 2024, beliau telah mengatakan ada lebih 40,000 individu dengan status Pemastautin Tetap (PR) di Malaysia, tetapi hanya 10,000 daripada mereka yang memohon menjadi warganegara. Soalan saya, mengapakah baki 30,000 ini belum memohon? Adakah mereka ini tidak tahu prosesnya atau adakah prosedur itu terlalu rumit?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu melihat perkara ini dengan lebih teliti. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara kepada pihak kementerian.

Pertamanya, sediakan satu saluran komunikasi yang lebih mudah difahami dan mesra rakyat. Banyak pihak mungkin tidak faham prosedur memohon PR atau kewarganegaraan. Kita perlu jelaskan dengan cara yang lebih mudah untuk mereka memahami proses tersebut.

Keduanya, adakah inisiatif untuk menghubungi mereka yang belum memohon kewarganegaraan? Ini cadangan saya. Kita tidak hanya boleh menunggu mereka datang kepada kita. Mungkin kerajaan boleh mengambil inisiatif untuk mendekati mereka, memberi penjelasan dan membantu mereka.

Ketiga, jangan biarkan undang-undang ini menambah jumlah individu tanpa kewarganegaraan. Kita perlu pastikan semua pindaan ini mewujudkan lebih ramai yang terpinggir daripada segi undang-undang.

Keempat, sediakan mekanisme khas untuk anak-anak pasangan PR yang tidak mendapat kewarganegaraan secara automatik. Proses ini mesti telus, cepat dan tidak membebankan keluarga.

Kelima, pastikan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar juga tidak terabai. Mereka juga berhak untuk mendapat maklumat dan bantuan yang sama seperti rakyat di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya juga ingin menyeru kerajaan untuk menunjukkan komitmen kepada ketelusan dan akauntabiliti dengan menyediakan laporan terperinci berkaitan isu ini kepada Parlimen pada sesi Dewan pertama yang menjelang 2025 yang akan datang. Laporan ini perlu mengandungi jumlah individu tanpa kewarganegaraan yang telah diberikan status PR dan yang telah diberi peluang memohon kewarganegaraan.

Kedua, kadar pemprosesan untuk permohonan kewarganegaraan mengikut Artikel 15A khususnya mereka yang tanpa kewarganegaraan dan mereka yang berusia lebih 18 tahun dan kadar pemprosesan untuk pemohon di bawah Artikel 19 dengan pecahan kategori pemohon. Data ini mesti meliputi statistik individu tanpa kewarganegaraan, jumlah permohonan yang masih tertunggak serta pecahan demografi mengikut wilayah. Ini penting untuk memastikan tiada golongan yang terabai supaya isu ini dapat diselesaikan dengan cekap, efektif dan holistik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai kenyataan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir yang berkata seramai 3,407 Pemastautin Tetap (PR) dari masyarakat India yang layak diberi kewarganegaraan pada Ogos

2018. Apakah status pemohon-pemohon tersebut? Adakah kesemua 3,407 pemohon yang dilahirkan di Malaysia sebelum merdeka yang memenuhi syarat-syarat untuk membuat permohonan kewarganegaraan sudah diberi status kewarganegaraan? Adakah di kalangan mereka yang tidak layak atau gagal memenuhi syarat atas permohonan kewarganegaraan?

Saya harap YB Menteri dapat menjernihkan isu ini dengan memberi penerangan mengenai status 3,407 pemohon yang telah ditapis dan hampir diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional semasa Dato' Sri Najib di bawah inisiatif kebangsaan MyDaftar di bawah *Malaysian-Indian Blueprint.*

Di sini saya ingin mengutarakan sokongan saya sepenuhnya kepada keperluan untuk menguasai Bahasa Melayu sebagai syarat permohonan PR atau kewarganegaraan. Jika mahu menjadi Warganegara Malaysia, mereka mesti memahami dan boleh bertutur asas dalam Bahasa Melayu, bahasa rasmi kita, tetapi saya menyeru kepada pihak Menteri KDN supaya fleksibel sikit daripada aspek kefasihan berbahasa Melayu ini. Saya yakin, rakyat yang dilahirkan di Malaysia khususnya sebelum dan selepas merdeka boleh bertutur Bahasa Melayu, tetapi mungkin mereka tidak mahir atau fasih seperti misalnya Yang Berhormat Dr. Lingesh. Maka, mohon pihak JPN... *[Ketawa]* Senyum Doktor.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dia warganegara.

Dato’ Sivaraj a/l Chandran: Warganegara. Menggunakan budi bicara dan fleksibiliti dalam kriteria ini khususnya bagi yang dilahirkan atau bermastautin berpuluhan tahun di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa rang udang-undang ini mampu membawa perubahan positif jika kita melaksanakannya dengan betul. Sebagai sebuah negara yang maju, kita perlu memastikan setiap individu yang lahir di negara ini mempunyai hak dan peluang yang adil untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat kita.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 dan berharap ia akan memberi impak yang positif kepada golongan yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato’ Setia Salehuddin Saidin.

12.17 tgh.

Dato’ Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Speaker tak pernah penat,
Sentiasa tekun mendengar bicara;
Isu warganegara, isu yang hangat,
Harapan saya Tuan Speaker, bagilah saya lebih sikit masa... [Ketawa]

Baik. Terima kasih Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit saja. Mesti adil kepada semua. 10 minit.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Terima kasih Tuan Speaker. Pindaan Perlembagaan Persekutuan khususnya Bahagian III berkaitan dengan kewarganegaraan adalah bertepatan dan merupakan satu usaha yang perlu dihargai, lantaran rungutan rakyat berkaitan pelbagai isu melibatkan kerakyatan ini telah lama diluahkan oleh rakyat di luar sana. Malah, saya sendiri telah menerima pelbagai e-mel dan juga pesanan daripada rakyat di luar sana yang terkesan secara langsung dengan pindaan yang dicadangkan ini.

Beberapa isu penting telah disuarakan seperti kesaksamaan gender antara lelaki dan perempuan sebagaimana peruntukan Artikel 8, keperluan penguasaan Bahasa Melayu, penurunan had umur daripada 21 tahun kepada 18 tahun, anak-anak yang beribubapakan pemegang PR tidak lagi mendapat status kewarganegaraan secara automatik, pindaan tidak secara *retrospective effect,* tetapi secara *prospective effect* iaitu tiada kesan ke belakang, tetapi kesan ke hadapan dan beberapa isu lain lagi yang akan kita bincangkan.

Baik. Tuan Speaker, izinkan saya menerus kepada beberapa isu yang ingin saya tekankan pada pagi ini dan ingin mendapatkan sedikit pandangan, penjelasan dan penambahbaikan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri ya.

Pertamanya, berkaitan dengan isu *retrospective effect*, kesan ke belakang. YB Menteri pernah menyatakan bahawa semua pindaan yang dicadangkan ini tiada kesan ke belakang. Tiada *retrospective effect*. Baik. Apa yang akan berlaku selepas pindaan kepada Jadual Kedua, *Part II*- Bahagian II butiran (1)(b) dan berkaitan dengan Artikel 14(1)(b) adalah seperti mana seorang anak yang lahir di luar negara daripada pasangan suami isteri salah seorangnya Warganegara Malaysia, akan secara automatik atau *by operation of law* menjadi Warganegara Malaysia.

■1220

Now, pindaan ini amat dialu-alukan oleh rakyat Malaysia khususnya kaum wanita dan para pejuang hak wanita khususnya. Namun, apabila tiada kesan ke belakang bermakna ianya akan memberi kesan kepada mereka yang masuk ke dalam kategori ini sebelum pindaan. Pemohon yang masuk di bawah kategori ini sebelum pindaan akan terus terpaksa melalui proses pendaftaran di bawah Artikel 15 kepada Perlembagaan Persekutuan yang pastinya akan mengambil masa bertahun-tahun untuk diluluskan seperti mana kedudukan sekarang yang mana ianya bukan dibuat secara automatik.

Saya sedar bahawa pihak Yang Berhormat Menteri selalu mengingatkan bahawa dengan adanya pindaan ini, kerajaan akan mengemukakan ataupun mengeluarkan SOP untuk tujuan pemprosesan setiap permohonan dan akan di-*limit*-kan kepada satu tahun. Jadi, untuk menangani masalah kelewatan- saya akan sentuh tentang isu ini sebentar nanti, apabila kita berbicara tentang masalah SOP ini.

Persoalannya sekarang ialah, adakah adil kepada anak-anak kategori ini yang dilahirkan sebelum pindaan dibuat? Mereka dinafikan hak untuk menjadi warganegara hanya semata-mata mereka dilahirkan sebelum tarikh pindaan dibuat. Soalan saya, tidakkah boleh kerajaan memberikan kesan ke belakang *retrospective effect* hanya untuk pindaan kepada Jadual Kedua, Bahagian 2 ini saja iaitu yang *relate* yang berkait dengan Artikel 14. Bermakna dia bagi proses mereka yang kedua ibu bapanya salah seorangnya adalah warganegara bukan Malaysia, anak lahir dekat luar Malaysia, kita bagi *exemption* untuk *retrospective effect* kepada mereka yang sebelumnya lahir sebelum pindaan dilakukan.

Now, saya percaya kalau sekiranya ini diambil kira kita tidak akan mendiskriminasikan golongan ini. Sebab kita tahu punca kepada pindaan undang-undang ini adalah berkaitan daripada kes Suriani di Mahkamah Persekutuan dan berikutan daripada kes tersebut cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan telah dilahirkan.

Kalau sekiranya kita gagal untuk mengambil kira kesan ke belakang ataupun mereka yang lahir sebelum pindaan dibuat, bermakna tujuan kerajaan tidak dapat dicapai secara sepenuhnya kerana sebahagian sahaja yang diambil kira tetapi mereka yang lahir sebelum contohnya tahun 2024, mereka tidak akan dipertimbangkan untuk mendapat kerakyatan secara automatik.

Kalau sekiranya ada kekangan yang berkaitan dengan kita lalukan secara *retrospective effect,* pihak kami memohon pihak kementerian memberi penjelasan apakah kekangan yang boleh dihasilkan akibat daripada kesan ke belakang ini? Kalau sekiranya ada kekangan-kekangan yang tersebut yang tidak mewajarkan *retrospective effect* diambil kira, maka perlulah diperjelaskan kepada rakyat agar rakyat faham apa tujuan kenapa tidak dilakukan secara kesan ke belakang.

Seterusnya, berkaitan dengan pembatalan kewarganegaraan isteri warga asing. Jika bercerai dalam tempoh dua tahun daripada tarikh kewarganegaraan diperoleh. Dulu tidak ada peruntukan sebegini. *Now,* dah ada peruntukan mengehadkan bahawa dalam tempoh dua tahun selepas isteri tadi mendapat hak kerakyatan, dia tak boleh bercerai. *Now,* kesan kepada pindaan ini adalah akan ada kes yang mana para isteri yang di*abused* atau didera ketika dalam perkahwinan, akan merasa takut untuk memohon penceraian dan akan terus kekal dalam perkahwinan mengakibatkan mereka hidup dalam penderitaan dan tekanan hidup.

Kemungkinan undang-undang ini akan disalahgunakan oleh pasangan suami warganegara Malaysia untuk mengancam isteri dengan ugutan, "*Kalau kau cerai, kau minta cerai kau akan hilang kerakyatan.*" Jadi, adakah ini merupakan matlamat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan? Barang perlu diingat bahawa dua tahun untuk seseorang itu berhadapan dengan deraan adalah merupakan satu tempoh masa yang begitu lama.

Well, saya sedar taklimat daripada pihak Timbalan KSU, tiga hari lepas yang menyatakan tidak perlu risau seseorang isteri tersebut akan hilang kerakyatan kalau

sekiranya bercerai dalam tempoh dua tahun selepas menerima kerakyatan, disebabkan tidak semudah itu kerakyatan akan hilang, disebabkan ada dasar kerajaan yang menyatakan sekiranya seseorang itu tiada kerakyatan mana-mana negara lain, maka ianya tidak akan terus dinafikan hak mereka untuk terus memperoleh kerakyatan negara ini. Kerajaan tidak akan melucutkan kerakyatan beliau sewenang-wenangnya.

Soalnya sekarang, bagi isteri warga asing mereka tidak akan tahu tentang polisi kerajaan ini. Apa yang mereka tahu, kalau mereka bercerai dalam tempoh dua tahun setelah mendapat kerakyatan mereka akan hilang kerakyatan dan oleh itu akan terus *suffer in silence,* dengan izin.

Persoalannya, bagi mereka yang mendapat kerakyatan Malaysia, mereka pastinya telah *give up* ataupun akan *give up* status kerakyatan negara asal mereka, sebab mereka nak dapat status Warganegara Malaysia. Oleh itu, polisi yang kata mereka tiada kerakyatan negara lain, maka, kerakyatan Malaysia tidak akan ditarik balik, *that doesn't make sense. It doesn't make sense. Because on hand you,* kata kalau mereka bercerai dalam tempoh dua tahun selepas mendapat kerakyatan dan ada aduan, kerajaan boleh melucutkan hak kerakyatan mereka, tapi *on the other hand* kerajaan mengatakan bahawa, "*Oh, kita tidak akan lucutkan kalau mereka tidak ada kerakyatan...*" tetapi bila mereka *apply* untuk mendapat kerakyatan mereka dah sebenarnya *give up* kerakyatan negara lain ataupun negara asal mereka.

Jadi, peruntukan yang ini adalah peruntukan yang bagi saya tidak ada kesannya kepada mereka yang termasuk di bawah kategori ini. Jika kerajaan menyatakan ada satu, dua *isolated cases* yang mereka hendak tangani dengan wujudnya peruntukan pindaan ini, maka kenapa tidak satu, dua *isolated cases,* ini diambil kira bukan melalui proses pindaan kepada undang-undang, tetapi di *deal* secara pentadbiran. Sebab selalunya kita mengambil kira pendekatan majoriti akan terkesan maka kita pinda undang-undang, tetapi di sini *isolated cases* yang kita ambil kira untuk kita pinda undang-undang. Jadi, saya mohon pihak kementerian dapat memberikan penjelasan dan mungkin boleh dipertimbangkan untuk tidak meminda peruntukan yang berkaitan dengan Perkara 26 itu tadi.

Seterusnya, isu berkaitan dengan SOP dengan izin Tuan Speaker, saya tambah sikit lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit saja.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: Isu berkaitan dengan SOP. SOP bukanlah satu undang-undang. Ia adalah merupakan satu prosedur pentadbiran. *Now, nevertheless* kita *appreciate* apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa dia mengambil berat tentang isu ini dan akan bagi *assurance* SOP akan dikeluarkan semua proses dalam tempoh setahun sahaja, tetapi perlu diingat andai kata SOP ini tidak

dipatuhi oleh jentera kerajaan, pentadbiran kerajaan, adakah apa remedi kepada mereka yang buat permohonan? Tidak ada remedi.

Sedangkan kalau sekiranya kita jadikan SOP ini sebagai sebahagian daripada undang-undang dengan pindaan kepada akta-akta yang berkaitan, pastinya kalau sekiranya satu tahun tidak dipenuhi akan ada keputusan pihak-pihak kerajaan sama ada meluluskan atau tidak meluluskan sesuatu permohonan. Jadi, tidak perlu menunggu tujuh hingga lapan tahun oleh pemohon-pemohon yang terjejas ini.

Seterusnya, Tuan Speaker...

Tuan Yang di-Pertua: *Last point* lah.

Dato' Setia Salehuddin Saidin: *Last point, yes.* Saya ada empat, lima *points,* tetapi kita serahkan kepada yang lain untuk berhujah. Satu lagi *last point,* yang saya ingin jelaskan tentang isu penurunan had umur.

Now, rasional diberikan isu penurunan had umur adalah kerana nak bagi sama dengan undang-undang berkaitan dengan umur kanak-kanak iaitu bawah umur 18 tahun dan juga hak mengundi yang telah diturunkan kepada 18 tahun.

■1230

Now, persoalan saya apa kaitannya kedua-dua ini dengan isu berkaitan dengan status nak buat permohonan untuk mendapat kerakyatan? Kalau sekiranya tidak ada kesan sampingan daripada permohonan yang kita kekalkan 21 tahun, kenapakah perlu kita turunkan? Sebab bila kita turunkan kadar umur 21 ke-18 tahun, kita mengurangkan tempoh tiga tahun untuk pemohon membuat permohonan dan tiga tahun itu adalah satu tempoh masa yang agak panjang.

Jadi, kalau kita boleh selaraskan, kalau kita nak selaraskan disebabkan umur pengundi 18 tahun, ia sebenarnya tidak ada kena mengena dengan permohonan untuk mendapatkan status kewarganegaraan. Demikian soalan yang saya ingin jelaskan.

Untuk itu Tuan Speaker, saya mohon cadangan pindaan ini disokong tetapi perlulah diberi penjelasan dahulu dan cadangan-cadangan saya untuk pembaikan dapat dipertimbangkan oleh pihak Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

12.31 tgh.

Tuan Pele Peter Tinggom: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini adalah sangat penting kerana melibatkan kewarganegaraan berkaitan dengan hak yang diberikan kepada ibu bapa status warganegara anak-anak kepada pemastautin tetap, had umur dan anak yang dilahirkan di luar negara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Madani telah mengambil pendekatan secara pindaan Perlembagaan dengan berani untuk meminda Perlembagaan Persekutuan di bawah rang undang-undang ini untuk memastikan suara rakyat, suara *civil society,* suara NGO dan suara daripada mereka yang secara langsung menghadapi masalah kewarganegaraan sehingga jalan penyelesaian terpaksa dimuktamadkan melalui pindaan ini.

Pindaan Perlembagaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Madani ini sangat penting untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan kewarganegaraan dan sangat tepat sekali. Walaupun agak lama untuk kita tunggu, ia dibentangkan kerana rang undang-undang ini akan melibatkan pindaan kepada lima perkara dengan izin, *five Articles in the Federal Constitution* dan empat peruntukan yang baharu di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga pemansuhan kepada peruntukan-peruntukan yang tidak relevan lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan pindaan kepada Perkara 15(1) Perlembagaan, kita harap dapat menyelesaikan isu di mana mereka yang terlibat perlu ada pengetahuan Bahasa Melayu bagi isteri kepada warganegara. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, walaupun demikian saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah peruntukan yang sama bagi suami kepada warganegara? Persoalan yang sama juga saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan berkaitan dengan pindaan kepada Perkara 26(2) berkaitan pelucutan kewarganegaraan di mana rang undang-undang ini juga hanya memperuntukkan kepada isteri kepada warganegara sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah keperluan mengangkat sumpah bagi mereka yang di bawah umur 18 tahun seperti di dalam pindaan kepada Perkara 18 dan di dalam Bahagian II di bawah Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan kepada Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan iaitu peruntukan kecualian yang akan dilaksanakan secara *prospective*. Saya rasa harus dipandang dari sudut retrospektif seperti yang telah dibahaskan oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Setia Salehuddin bin Saidin tadi di mana ini akan melibatkan ramai mereka yang telah melalui masalah yang sama yang boleh- untuk mereka tidak akan mendapat hak yang sama dengan mereka setelah undang-undang ini dikuatkuasakan.

Seperti yang kita yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, walaupun ia dilaksanakan secara *prospective*, proses-proses permohonan secara pendaftaran dan naturalisasi telah dan akan dipercepatkan, ditempohkan dalam masa pendek dan dipermudahkan komitmen untuk memastikan ini dilaksanakan seperti yang diperjelaskan amatlah dialu-alukan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Madani supaya satu peraturan, kaedah dan SOP pelaksanaan yang komprehensif dikeluarkan. Saya cadangkan peraturan dan kaedah dan SOP pelaksanaan tersebut dibentangkan di Dewan yang mulia ini supaya rakyat berpuas hati dengan komitmen Kerajaan MADANI bagi mempercepatkan dan mempermudah proses pelaksanaan ini tidak kira secara kuat kuasa undang-undang, pendaftaran atau naturalisasi.

Kita tidak mahu setiap kali kerajaan bertukar, Menteri bertukar, KSU bertukar, peraturan dan kaedah dan SOP pelaksanaan untuk mempercepatkan dan mempermudah proses pelaksanaan ini tidak kira secara kuat kuasa undang-undang, pendaftaran atau naturalisasi juga bertukar dengan sewenang-wenangnya tanpa persetujuan atau pengetahuan rakyat Malaysia yang kita kasihi.

Saya rasa dengan ini, saya mohon menyokong pindaan ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

12.37 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya juga ingin turut bersama berbahas menyumbangkan buah fikiran kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 yang penting ini.

Kita ucap syabas kepada Kementerian Dalam Negeri kerana sedia mengambil tanggungjawab menyelesaikan beberapa isu yang melibatkan kepentingan negara, maruah negara dan juga kepentingan orang ramai tidak kira sama ada mereka berada dalam negara kita mahupun berada di luar.

Setahun atau dua tahun yang lepas kita berhadapan dengan kes yang disebut sebagai contoh di mahkamah ya, kes Suriani. Parti-parti politik termasuk parti kami juga mengambil isu ini sebagai satu isu yang penting dan telah membawa satu usul di dalam- usul tergempar di dalam salah satu konvensyen kita dan meluluskan cadangan supaya apa yang kita pinda hari ini dilaksanakan. Kesannya kita nampak KDN dan kerajaan mengambil inisiatif ini kerana kita rasa layaklah kita memberikan satu pengiktirafan kepada kaum wanita setaraf dengan laki-laki dalam konteks ini... *[Tepuk]* Dalam konteks lain kita dah menerima ya, duduk di Dewan sama, di sekolah sama, universiti sama, malah di sekolah guru-guru lebih ramai wanita daripada lelaki yang didik anak-anak kita. Jadi, dalam bab ini apabila kerajaan bersedia mendengar keluhan oleh kaum wanita ini ia merupakan satu langkah yang positif.

Jadi, kita harap kes-kes yang sudah, yang akan datang ini dipermudahkan seperti yang dipinda dalam Perlembagaan, tidak ada masalah yang lahir atau bawah 18 tahun pada waktu undang-undang ini dipinda, tetapi yang menjadi persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi ialah sama ada pelaksanaan rang undang-undang ini boleh dikebelakangkan, kesannya dikebelakangkan, *retrospective effect*.

Kerana apa Dato' Yang di-Pertua, yang membawa kes ini, ini kes-kes yang lama-lamalah. Anak yang sudah besar ya sehingga kerajaan membuka mata. Tiba-tiba mereka yang *concerned* ini, yang bekerja kuat ini anak mereka pula menghadapi masalah sedangkan *the award should be given to them* atas usaha tanpa rasa jemu berhadapan dengan pelbagai risiko mungkin termasuk kos ke mahkamah, tapi bila kerajaan menerima, lulus, anak-anak mereka yang telah memohon begitu lama sebelum ini, sebelum tarikh pelaksanaan ini mereka terlepas peluang.

■1240

Jadi, saya bersama-sama dengan rakan-rakan lain untuk meminta dipertimbangkan. Kalaupun tidak dapat dipinda perkataan ayatnya, tetapi secara pentadbiran kita boleh buat pengecualian-pengecualian kes-kes khas contohnya yang boleh dipertimbangkan supaya kita tidak tertinggal ataupun mereka yang telah memohon yang begitu lama kerakyatan ini terpaksa mengulang permohonan dan menunggu bertahun-tahun lagi dalam keadaan begitu.

Tawarlah rasa perasaan dan kekecewaan itu juga akan menjadi *detrimental* kepada dia sebagai salah seorang rakyat kita. Jadi, diharapkan dipertimbangkan pelaksanaannya secara retrospektif ini. Bagi mereka yang salah satu peruntukan tadi, anak-anak daripada *Permanent Resident* (PR) ini tidak automatik menjadi warga negara. Kita boleh memahami sensitiviti tidak memberikan secara pelaksanaan undang-undang ini. Namun, kalau mereka serius untuk menjadi warga negara, lorong untuk mereka memohon itu ada melalui pendaftaran dan juga melalui naturalisasi.

Ertinya, kalaulah negara kita ini merupakan satu destinasi tempat kehidupan yang sungguh menarik dan mereka bersedia untuk memberikan taat setia mereka kepada negara, maka itulah lorongnya. Saya berkeyakinan permohonan-permohonan sebegini akan diberikan pertimbangan sewajarnya. Terutamanya kalau mereka mempunyai suatu kelebihan daripada segi intelektualnya kah, profesionnya kah atau kebolehan-kebolehannya dan diberikan pertimbangan untuk mendapat taraf kerakyatan ini. Jadi, saya harapkan ianya diberikan ruang kepada mereka ini.

Seterusnya, Datuk Yang di-Pertua, kita juga melihat isu anak-anak yang luar nikah ini, yang tidak dapat didaftarkan sebagai anak kepada pasangan terutamanya anak-anak daripada warga masyarakat umat Islam ini. Ini juga suatu- perkara-perkara yang memerlukan kesungguhan- *political will* supaya pihak yang berwajib, jabatan-jabatan agama, para mufti, para ulama kita, duduk memikirkan hal ini- walaupun katanya peraturannya sudah jelas, *clear*,

yang ini bukan anak dia, tidak boleh dianggap sebagai anak dan sebagainya, tetapi ada pandangan-pandangan juga daripada ulama-ulama yang diberikan contoh oleh beberapa pihak bahawa- walaupun pandangan-pandangan minoriti, tetapi dalam hal paterniti ini, dalam hal anak-anak ini yang tidak bersalah ini, seharusnya diberikan satu- jalan keluar.

Saya tidaklah berkeupayaan untuk memberikan satu- bukan sayalah, tetapi tentunya boleh difikirkan jalan keluar supaya anak-anak ini tidak tergantung kewarganegaraannya, walaupun dalam peruntukan ini ada peruntukan mengatakan- kalau taraf anak- itu kalau anak yang *foundling* ataupun yang tidak ada ibu bapa, yang menjadi anak angkat dan sebagainya, kalau kita tidak dapat buktikan bahawa ibunya atau bapanya adalah warganegara, maka, selagi tak dapat dibuktikan, maka dianggap anak-anak ini sebagai warganegara, *unless proven otherwise*-lah.

Jadi, saya rasa satu peruntukan yang positif dan kita harap ianya akan menjadi satu ruang kepada menyelesaikan konflik kepada anak-anak ini untuk mendapatkan kerakyatan. Saya tidak menjangka ada orang akan membantahlah pula kalau sudah diberi kerakyatan, *unless* ataupun melainkan ada unsur-unsur penipuan kah, ataupun satu- usaha-usaha tersusun untuk mendapat kerakyatan secara mudah ini.

Itu kita dapat menyelesaikan masalah anak-anak yang ditinggal ataupun yang diletakkan di depan masjid ataupun ditemui di tepi-tepi longkang dan sebagainya supaya mereka ini dapat nikmat duduk di sebuah negara dengan segala kemudahan yang diberikan kepada warganegara yang lain. Satu lagi isunya Datuk Yang di-Pertua, yang menjadi kerisauan rakyat di luar sana. Undang-undangnya bagus, Perlembagaan pun jelas begitu, tapi *when it comes to the implementation....*

Seorang Ahli: *Yes*...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: ... Di sinilah yang akan menjadi kerisauan dan keletihan bukan hanya ibu bapa, tetapi pihak-pihak yang *concern*, NGO-NGO yang memberikan sepenuh masa mereka untuk membantu proses ini, tetapi berhalangan kerana prosedurnya yang- nanti Menteri kata prosedurnya bagus. Mungkin tindak laku orang-orang yang berkhidmat ini tidak jujur atau tidak serius, maka benda yang *straight forward*, permohonan yang boleh kita selesaikan dalam satu *visit*, kena berulang masa. Masa yang lama, dokumen itu sudah tak cukup dan sebagainya.

Jadi, ini menyebabkan benda-benda yang sepatutnya SOP-nya jelas untuk membantu kelicinan proses menjadi susah. Jadi, siapakah yang nak memantau ini? tentulah kerajaan akan memantau kakitangan dia, pihak jabatan akan memantau, tetapi sudilah kiranya diizinkan, dibentuk pemantau-pemantau ini secara rasmi. Kita ada SUHAKAM misalnya, kita ada *Concern Citizen Group*. *Organise them* supaya perkara ini dapat diberikan perhatian dan tidaklah sewenang-wenangnya perkara yang begitu mudah dijadikan susah sehingga mendapatkan kerakyatan ini begitu panjang.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, kesimpulannya keseluruhannya pindaan ini bagus dan menjawab dan menyelesaikan tuntutan kita. Kita juga yang menuntut perkara-perkara ini dulu. Jadi, kalau ada yang kekurangan itu, saya harap ianya tidak di *cast in stone*-lah. Boleh dipinda lagi, boleh ditambah baik pada masa akan datang. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa.

12.48 tgh.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera.

Sekali lagi terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pindaan Kewarganegaraan. RUU ini merupakan suatu yang telah saya dan rakyat tunggu selama bertahun-tahun lamanya. Saya sendiri telah berkali-kali membawa isu ini ke Dewan Negara, maka saya mohon sedikit kelonggaran jikalau perbahasan saya ini terlebih masa kerana saya ingin dengan izin, *to do justice for the work that has been done* oleh pihak kementerian dan juga badan-badan bukan kerajaan.

Pertama sekali, saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan. Mana Menteri, tak ada- dia keluar sekejap? Okey, tak apa. Merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan atas usaha gigih dan mengemukakan pindaan ini. Langkah ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperbaiki kelemahan sistem kewarganegaraan terutama sekali berkaitan bagi memastikan kesaksamaan hak wanita dan menangani isu-isu berkaitan kewarganegaraan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri, pasukan-pasukannya kerana telah berjaya di mana yang lain terkandas.

Saya telah meneliti pindaan yang dicadangkan ini. Ini merupakan *an amendment of compromise,* dengan izin.

■1250

Ia merupakan usaha untuk mengimbang kepentingan keselamatan negara dan hak asasi manusia. Saya faham. Mungkin ada pihak di dua-dua belah yang mengatakan isu ini kurang memuaskan. Namun, kita harus akur bahawa semua pandangan ini berasas niat yang untuk memastikan hanya yang terbaik untuk kepentingan negara dan rakyat kita sendiri.

Dato' Yang di-Pertua, pertama sekali dahulu konsep sempadanan negara dan kerakyatan tidak ditegaskan sebagaimana sekarang. Kerajaan dahulu malahan sekarang ini pun tidak mempunyai kapasiti untuk mendaftar setiap rakyat sewaktu kita merdeka. Oleh itu, sehingga kini masih ada saki baki rakyat yang tidak tahu malah tidak pernah cuba untuk berdaftar kerakyatan mereka walaupun telah lama menetap di Malaysia, tetapi sekarang lain.

Kerakyatan itu penting. Kenapa...? Sebab, tanpa kerakyatan macam-macam tak boleh buat. Nak sekolah susah. Nak pergi hospital susah. Nak kerja pun payah. Nak buat pasport untuk keluar negara pun tak lepas. Senang cerita kemajuan, kehidupan seseorang peluang ekonomi dan kemampuan sara hidup keluarga bermula daripada pemilikan kerakyatan itu sendiri.

Saya melihat isu ini ya, sebagai isu keselamatan negara, tetapi dahulunya saya melihat isu ini adalah isu kesaksamaan jantina. Namun, pandangan saya ini bukanlah sahaja dari sudut akses kepada kewarganegaraan sahaja, tetapi juga dari sudut perancangan sumber manusia untuk memantapkan keperluan ekonomi negara. *This is no longer a women issue but an economic one,* dengan izin Dato' Yang di-Pertua. Malaysia kini mengalami situasi *aging nation and low fertilities scenario*, dengan izin. Kaum lelaki *don't have any other ideas*. Maka, kajian jangka hayat rakyat Malaysia semakin panjang dan pada masa yang sama, kadar kelahiran kita semakin menurun. *Why*? *We should do a check and balance*.

Akibatnya jumlah penduduk Malaysia dijangka mengecil seraya menjejaskan populasi sumber manusia kita. Kekurangan tenaga kerja ini secara langsung akan memberikan kesan kepada produktiviti ekonomi negara. Tan Sri jangan mencelah Tan Sri. Negara maju- sebelum ditanya- saya menjawab Dato' Yang di-Pertua.

Negara maju yang lain juga menghadapi situasi sama seperti negara kita, tetapi negara Portugal, negara Jepun telah mengambil langkah yang melonggarkan, melonggarkan syarat kewarganegaraan dan penduduk tetap demi mendapatkan populasi yang muda dan produktif. *Again, men don't have any other ideas*. Tan Sri terutamanya ya.

Bagi saya, kita juga perlu mengimbangi realiti ini dalam mempertimbangkan untuk memperketat kewarganegaraan kita apabila kita memerlukan populasi untuk produktiviti ekonomi negara yang maju. *We are shortage of young talents* tuan-tuan dan puan-puan, dengan izin. Berdasarkan semua faktor ini, saya ingin sekali lagi memberikan pujian kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *for having the political will to say we cannot please everybody but we cannot have the situation continue as well*, dengan izin.

Dato' Yang di-Pertua, saya melihat keikhlasan pihak kerajaan dalam keinginan untuk menyelesaikan masalah ini. *Credit must be given where credit is due*. Kementerian telah mendengar rintihan NGO. Tiada lagi pindaan yang mengancam anak tanpa taraf, *foundling babies*, dengan izin. Kementerian juga telah meminda peruntukan untuk mendiskriminasikan kaum wanita di Malaysia. Namun, saya khuatir terhadap pelaksanaan seperti sahabat-sahabat saya yang telah mengatakan sebelum ini. Kelemahan SOP sedia ada membawa kepada pelbagai kritikan terhadap kerajaan.

Rintihan yang saya dengar daripada para ibu bapa yang terjejas menyatakan bahawa proses permohonan mengambil bertahun-tahun lamanya. Itu pun jika pegawai yang ditugas sanggup menerima permohonan tersebut. Sesetengah permohonan tidak diluluskan dan

tanpa alasan yang bertulis. Ketiadaan senarai semak bagi dokumen yang perlu dibawa. Ketiadaan kesanggupan pegawai menerima keputusan DNA untuk membuktikan hubungan kekeluargaan dan macam-macam lagi.

YB Menteri telah memberikan jaminan kepada media dan Dewan Rakyat berkaitan kewujudan SOP baharu ini, tetapi sefahaman saya SOP ini tidak lagi dikongsi dengan pihak NGO atau CSO. Pegawai saya dan saya juga sendiri telah memohon untuk melihat SOP ini dan masih menunggu... *[Menunjuk kepada pegawai]* Masih menunggu. *Work in progress* katanya.

Jadi, persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah salinan SOP ini diberikan kepada para pemegang taruh dan dapat kah pihak kementerian memberikan jaminan untuk membuat penambahbaikan setiap enam bulan dalam tempoh tiga tahun ini dengan mendapat maklum balas daripada NGO dan CSO.

Bagi saya jaminan ini tidak susah untuk Yang Berhormat Menteri penuhkan dan saya percaya ia akan menambah baik kredibiliti kerajaan dalam isu ini. Lagi afdal jika Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan bahawa beliau dan Pejabat Menteri sendiri akan terlibat dalam sesi penambahbaikan ini. Saya sendiri sanggup turun padang menyentengkan lengan dalam sesi ini jika diperlukan Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]*

Dato' Yang di-Pertua, saya juga mendapat maklum balas terhadap kerisauan pelucutan hak kewarganegaraan automatik anak yang lahir daripada penduduk tetap yang berstatus PR sebagai konteks kepada Ahli Dewan. Perkara ini membimbangkan kerana terdapat pelbagai golongan Orang-orang Asli dan Orang-orang Asal yang telah menetap di Malaysia sepanjang kehidupan mereka, tetapi tidak mendapat kewarganegaraan.

Sebagai langkah interim, mereka diberikan status PR. Ini berlaku terutamanya di Sabah dan Sarawak. Mengambil balik hak kewarganegaraan secara automatik daripada mereka hanya akan mengeruhkan masalah kewarganegaraan dan status tanpa negara di Sabah dan Sarawak. Bolehkah pihak kementerian memberikan sedikit ulasan mengenai perkara ini dan sejauh manakah kebenaran isu ini dan berapakah jumlah pemegang status PR ini yakni daripada kalangan Orang Asal dan Orang Asli. Apakah jaminan dan perlindungan kerajaan terhadap mereka dan anak-anak mereka?

Saya juga ingin menyentuh pada pindaan yang memerlukan isteri warga asing kepada lelaki warganegara untuk mempunyai pengetahuan bahasa Malaysia. Ini bagus. Saya menyambut baik, tetapi apakah jaminan Yang Berhormat Menteri bahawa ini merupakan ujian bahasa yang mudah? Satu. Saya juga ada beberapa persoalan. Adakah syarat yang sama untuk kaum lelaki berstatus warganegara asing?

Dua, bolehkah KDN mempertimbangkan kerjasama dengan agensi seperti Dewan Bahasa untuk membantu isteri atau suami mendapatkan pendidikan bahasa Malaysia secara

percuma? Mengenangkan banyak keluarga ini yang tidak daripada golongan kemampuan. Terima kasih Timbalan Menteri hadir semula.

Akhir sekali. Ahli sekali Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Akhir sekali, berkaitan pindaan yang menurunkan had umur dari 21 ke-18 tahun. Bagi saya perkara ini perlu diteliti semula. Saya faham ini adalah untuk menyelaraskan peruntukan dengan umur mengundi di Malaysia dan takrif kanak-kanak sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*].

Pendapat saya berbeza sedikit. Ini kerana kegagalan anak-anak ini untuk bertindak apabila sudah berumur 18 tahun akan membawa risiko kepada hak kewarganegaraan mereka yang mungkin akan dilucut. Ini bermaksud mereka harus mulakan persediaan sewaktu sebelum umur mereka 18 tahun lagi. Berbeza dengan akta-akta yang disebut sebelum ini di mana ia memberikan hak-hak tertentu walaupun anak-anak ini tidak bertindak. Saya khuatir akan berlaku situasi terlepas pandang oleh anak-anak ini kerana mereka tidak tahu atau sedar akan keperluan untuk bertindak dan implikasi jika tidak bertindak.

Lebih-lebih lagi jika anak-anak ini adalah anak-anak yatim piatu ataupun yang tidak mempunyai dokumentasi yang lengkap. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kementerian mempertimbangkan semula perkara ini. Jikalau tidak dapat diubah. Saya harap terdapatlah SOP yang jelas dan terperinci membenarkan proses rayuan dalam tempoh yang tertentu selepas mereka mencapai umur 18 tahun.

■1300

Dato' yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin menyatakan hasrat saya untuk menyokong pindaan ini kerana jelas terdapat ketelusan Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan masalah ini. *Is not a perfect amendment,* tapi kalau kita nak menunggu untuk yang sempurna kita tidak akan bertindak. Bak kata orang tua-tua ya...

Berakit-rakit ke hulu,
Berenang-renang ke tepian;
Bersakit-sakit dahulu,
Bersenang-senang kemudian.

Oleh itu saya mohon saya sangat supaya persoalan dan cadangan saya dijawab kerana saya dan rakyat memerlukan *this level of comfort the very least,* dengan izin.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan atas usaha yang diambil. Saya menyokong RUU ini dengan syarat cadangan-cadangan penambahbaikan diberi perhatian yang serius oleh kementerian. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua memberi saya lebih masa. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

13.01 tgh.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk terlibat sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang akan meminda beberapa peruntukan mengenai kewarganegaraan.

Secara keseluruhan saya berpendapat pindaan-pindaan yang dikemukakan ini sangat wajar dan rasional walaupun sesetengah berpandangan beberapa pindaan yang ada bersifat regresif. Di luar sana berbagai-bagai pandangan telah dihantar kepada kita- semua termasuk saya dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sama ada daripada individu ataupun NGO-NGO berkenaan dengan kewarganegaraan ini. Kita menerima pandangan-pandangan dari luar sana.

Saya secara peribadi berpendapat soal kewarganegaraan ini bersifat eksklusif dan bukannya bersifat inklusif. Ia wajar menilai daripada kaca mata untuk menjaga suatu standard dalam penerimaan seseorang menjadi Warganegara Malaysia. Maka aspek perundangan mahupun peraturan harus mempunyai standard yang ketat terhadap penerimaan mahupun perlucutan kewarganegaraan. Oleh yang demikian, tidak tepat jika kita membandingkan perundangan berkaitan kewarganegaraan ini sama seperti undang-undang yang lain berkait dengan sosial, jenayah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Bahagian II, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan ini mempunyai beberapa perkara yang sangat penting untuk diberikan perhatian. Pertama pada seksyen 1(A) iaitu dengan memotong bahagian atau bermastautin secara tetap di Persekutuan. Pindaan ini sekali gus meletakkan syarat bahawa tiada lagi pemberian kewarganegaraan secara automatik atau secara kuat kuasa undang-undang kepada anak-anak bagi ibu bapa yang memiliki status PR.

Pindaan ini rasional walaupun kelihatan sahaja permukaannya agak regresif, tiada negara dalam dunia yang menganugerahkan kewarganegaraan penuh kepada anak bagi ibu bapa berstatus bermastautin tetap. Justeru saya melihat tidak ada masalah jika pindaan ini diteruskan demi memastikan syarat kewarganegaraan yang lebih ketat.

Keduanya pada seksyen 1(B) dan 1(C) iaitu prinsip kesamarataan terhadap ibu mahupun bapa yang berwarganegara Malaysia dengan anak yang lahir di luar negara. Layak untuk memohon kewarganegaraan secara automatik dalam tempoh satu tahun selepas kelahiran. Isu ini telah pun lama menjadi perbahasan di lapangan khususnya mengenai hak yang diberikan hanya kepada si bapa yang berwarganegara Malaysia dan bukan kepada si ibu. Maka peluang daripada pindaan ini memberikan kelegaan kepada si ibu yang berwarganegara untuk mendapatkan kewarganegaraan anak-anak mereka.

Tambahan lagi elemen-elemen kawalan yang dinyatakan dalam seksyen 3 iaitu seksyen baharu ini sesuatu yang relevan antaranya berkenaan dengan pengangkatan sumpah setia kewarganegaraan seperti dalam Jadual Pertama sebelum genap umur 22 tahun serta pemakaian yang terhad hanya untuk satu generasi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang saya sebutkan tadi juga berkait dengan pindaan pada Bahagian III, Jadual Kedua iaitu mengenai kanak-kanak terdampar. Mereka yang dilahirkan dan ditinggalkan tanpa perlindungan dianggap lahir di tempat mereka, dijumpai serta ibu dianggap sebagai warganegara sehingga dibuktikan sebaliknya. Saya sebutkan mengenai juga signifikan kerana dalam kebanyakan kes yang menjadi beban keluarga angkat yang berhasrat mahu mengambil kanak-kanak tadi sebagai anak angkat. Ketiadaan pengenalan diri yang sah ini juga menyusahkan ramai pihak untuk membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perkara 26 ini juga sangat mustahak untuk kita teliti. Pindaan ini meletakkan bahawa kerajaan melucutkan kewarganegaraan bagi perempuan yang berkahwin dan mendapatkan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1) jika perkahwinannya terbubar dalam tempoh dua tahun selepas dia mendapat kewarganegaraan. Ini berkaitan dengan isu perkahwinan untuk mendapatkan kewarganegaraan tertentu atau *marriage of convenience.*

Bagi saya ini juga pindaan yang penting kerana perkahwinan tidak lagi boleh menjadi pintu belakang kepada seseorang mendapatkan kewarganegaraan dengan mudah. Ini pokok pangkalnya. Namun ada yang berpandangan bagaimana si isteri tadi berhadapan dengan kes keganasan rumah tangga dalam tempoh sehingga dua tahun selepas berjaya mendapatkan kewarganegaraan tadi.

Dalam peruntukan telah dinyatakan dengan jelas iaitu bahawa perkahwinan yang disebabkan olehnya perempuan itu didaftarkan telah dibubarkan, bermaksud bagi penceraian yang tidak disebabkan oleh perempuan tadi seperti kes keganasan rumah tangga maka dia juga tidak berhak dilucutkan kewarganegaraannya. Tambahan lagi Perkara 26B(2) Perlembagaan Persekutuan juga menyatakan bahawa kerajaan tidak melucutkan kewarganegaraan seorang sehingga menyebabkan dia jadi *stateless*. Jadi peruntukan pindaan Perkara 26 ini sudah cukup lengkap dan sempurna untuk di kuat kuasa kerana keseimbangan elemen yang ada dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maklumat tambahan berkenaan statistik 17,452 kewarganegaraan yang telah diluluskan sehingga awal Oktober yang lalu mengikut kategori negara asal si pemohon serta melalui perkara berapa permohonan-permohonan tersebut telah dibuat. Saya juga mohon kerajaan memberikan respons berkenaan isu naturalisasi melalui sukan khususnya bola sepak.

Ini kerana hampir setiap tahun kita mempunyai pemain naturalisasi berbeza dengan kes pemain warisan walaupun mereka cukup kriteria untuk di naturalisasi. Apakah tidak

dipertegaskan elemen kawalan terhadap mereka termasuklah kepada badan induk sukan negara tentang perkara ini? Mohon perhatian daripada pihak kementerian.

Tadi Yang Berhormat Zurainah menyatakan berakit-rakit ke hulu, kemudian saya berpantun.

Bersatu-satu dulu,
Berdua-dua kemudian.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan.

1.08 tgh.

Tuan Michael Mujah Lihan: Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua kerana sudi memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan pindaan penting dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini. Setelah sekian lama akhirnya pihak kementerian berjaya membentangkan RUU ini dengan kelulusan yang meyakinkan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh pasukan di bawah Sekretariat Jawatankuasa Pindaan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri di atas segala penat lelah mereka dalam memastikan golongan yang rentan dan tertindas akibat kesinambungan undang-undang selama ini memperoleh kembali hak mereka untuk menjadi seorang warganegara pada Malaysia, negara yang kita- semua cintai.

Secara dasarnya saya tiada masalah dengan pindaan yang dicadangkan ini. Ini kerana saya percaya sebarang pindaan yang bersifat progresif pastinya akan disokong tanpa sebarang syarat oleh semua pihak termasuklah pemegang taruh yang berkaitan terutamanya menerusi pindaan Perkara 14(1)(b) iaitu peruntukan hak sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar negara dengan ibunya masa kelahiran itu seorang warganegara untuk memperoleh kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang.

■1310

Pindaan ini menghadiahkan senyuman kepada ramai golongan ibu di luar sana dengan kemenangan besar kepada mereka yang memperjuangkan hak kewarganegaraan bagi anak mereka yang lahir di luar negara. Pindaan ini bakal menandakan sejarah baharu dan detik bermakna bakal dicipta buat negara dalam pelaksanaan agenda reformasi yang ditunjangi oleh Kerajaan Perpaduan pada hari ini.

Namun begitu, saya tertarik mendapat perhatian Dewan yang mulia ini dan juga pihak kementerian berhubung beberapa perkara berbangkit yang perlu diperjelas serta diperincikan dengan sebaik mungkin oleh Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya ialah berkenaan pengaktifan semula Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah kewarganegaraan dalam kalangan kanak-kanak di Sarawak. Saya ingin memuji komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dalam mengangkat isu-isu kewarganegaraan yang wujud di Sarawak bersama Kerajaan Sarawak bagi memastikan tidak ada kanak-kanak di Sarawak yang tertinggal atau tiada kewarganegaraan yang boleh memalapkan masa depan mereka.

Justeru, saya ingin mendapatkan kepastian, sejauh manakah juga kerajaan dapat menjamin semua permohonan yang diterima akan dapat diketahui keputusannya menerusi JKKSK tersebut dalam tempoh satu tahun? Apakah JKKSK juga mempertimbangkan fungsi mereka sebagai pemudah cara dengan memaklumkan sebab-sebab penolakan kepada setiap permohonan yang gagal bagi memudahkan urusan permohonan mereka?

Saya berharap menerusi pindaan Perlembagaan ini akan memberikan implikasi yang lebih positif oleh kerajaan dalam menambah baik *standard operating procedure* sedia ada kepada setiap permohonan yang tidak berjaya. Kerajaan tidak seharusnya membiarkan permohonan yang tidak berjaya ini berada dalam keadaan tertanya-tanya kenapa permohonan mereka tidak diluluskan tanpa menyatakan justifikasi penolakan yang jelas.

Seharusnya kerajaan perlu menimbang dan mengemukakan cadangan penyelesaian terhadap setiap permohonan yang tidak berjaya. Ini juga memperlihatkan keikhlasan kerajaan untuk memastikan keberkesanan pindaan ini mencapai objektif yang sewajarnya. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Menteri berhubung perkara ini.

Seterusnya, saya juga melihatkan pindaan ini datang dengan nilai yang mahal iaitu beberapa pindaan dilihat regresif sehingga menjadi polemik dalam kalangan masyarakat sehingga hari ini seperti pelucutan hak kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada penduduk tetap PR. Keadaan ini berpotensi besar untuk mendorong kepada kewujudan komuniti tanpa negara pada masa akan datang. Apakah pindaan ini sesuatu yang adil buat anak-anak ini? Bagaimanakah kerajaan bersedia mempertimbangkan menyediakan laluan yang jelas kepada anak PR ini untuk memastikan keadilan buat mereka bagi mendapatkan kewarganegaraan?

[Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Kita tidak boleh membiarkan anak-anak ini dalam kegelapan kerana mereka berhak untuk mendapatkan akses pendidikan, kesihatan dan sebagainya seperti warganegara yang lain.

Kesimpulannya, saya menyokong pindaan Perlembagaan ini. Namun, beberapa perkara seperti yang saya bangkitkan tadi perlulah diberikan perhatian segera oleh kerajaan. Usahlah kita bergerak satu langkah ke hadapan, tetapi tiga langkah ke belakang. Itu hanyalah membazir serta merugikan masa kita semua. Semoga pindaan ini memberikan manfaat yang lebih baik untuk kita- semua rakyat dan generasi masa hadapan Malaysia. Sekian, saya menyokong.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Dengan ini dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

1.16 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membincangkan ataupun membahaskan suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan iaitu rang undang-undang D.R.13/2024 yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution serta kakitangan Kementerian Dalam Negeri kerana usaha yang murni ini untuk memberi kewarganegaraan yang bermula daripada satu kes yang disebut sebagai ‘Suriani Kempe dan Ors melawan Kerajaan Malaysia’ [2020] 8 CLJ 666. Ini kes yang mencetuskan terjadinya pindaan yang kita lihat pada hari ini.

Saya ada beberapa isu yang perlu kita memperincikan untuk diperbaiki dalam kita meluluskan pindaan ini kerana dia sudah pun diluluskan dengan majoriti yang besar di Dewan Rakyat. Justeru itu, kes yang kita sudah lihat ini di mana pada mulanya memang anak kepada warganegara wanita, mereka memohon supaya mereka melawan di mahkamah sehingga kes ini terjadi di mana sekarang ini dengan niat pindaan yang kita lakukan kali ini adalah untuk memberi kewarganegaraan kepada anak seorang ibu yang berkahwin dengan warganegara asing.

Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada ibu-ibu yang berjuang bermati-matian untuk mendapatkan hak kerana mereka percaya di Malaysia inilah negara mereka, tanah tumpah mereka yang sangat memberi faedah yang terbaik bagi mereka. Maka itulah sebabnya mereka tidak ada alasan lain hanya untuk bersama menjadi warganegara bagi anak-anak mereka. Jadi, saya ingin ucap tahniah perkara itu.

Seterusnya, saya ada beberapa isu yang lain juga di mana banyak perkara apabila pindaan ini dilakukan, maka ada kesan lain yang juga terpaksa dibuat. Maka itulah sebabnya

kita dihidangkan dengan beberapa perkara ataupun pindaan-pindaan di dalam beberapa perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan. Contohnya pindaan Perkara 15, 16, 16A, 15A, 26 dan sebagainya.

Jadi, inilah yang kita melihat supaya perkara-perkara begini kita nak beri warganegara kepada satu pihak, di satu pihak lain lagi kita kena terpaksa tarik. Inilah yang kita juga diberi maklumat ataupun permohonan oleh beberapa mereka yang *concern,* dengan izin, tentang apabila pindaan ini diberi, tetapi yang lain pula dinafikan. Jadi, inilah kita kena cari satu kata putus ataupun yang terbaik untuk tidak menafikan hak sesiapa pun yang ingin menjadi Warganegara Malaysia yang kita cintai ini.

■1320

Dato' Yang di-Pertua, beberapa kes yang saya ingin katakan atau menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini. Apabila pindaan ini terjadi nanti, apakah yang akan terjadi kepada mereka yang sedang memohon? Memang ramai yang sedang memohon, tetapi saya akan petik beberapa kes yang ada pada hari ini supaya ini juga akan menjadi satu- supaya kerajaan memberi jawapan kepada mereka yang lebih spesifik yang saya akan nyatakan.

Contohnya, kepada seorang yang bernama Erin Tanyit di mana nombor dokumen beliau adalah SK-173999. Dia sudah berumur lebih daripada 50 tahun, lebih tua daripada saya- sampai sekarang belum menjadi warganegara. Ini adalah kerana dia adalah anak kepada orang yang *stateless,* orang yang bangsa saya sendiri. Jadi, inilah contoh-contoh yang perlu kita buat untuk selesaikan.

Seterusnya adalah anak beliau sendiri, seterusnya mewarisi ketidak ada warganegara iniyang terletak kepada orang yang bernama Andrew Satok. Anak beliau, juga tak ada kewarganegaraan. Andrew Satok ini, dia punya Kad Pengenalan adalah nombor pendaftaran adalah K-01022/92.

Seterusnya adalah adik dia sekali lagi yang ini juga nampaknya lebih baik di mana adik dia adalah- adik kepada Andrew Satok ini bernama Waris Salok. Dia hanya mampu diberi penduduk sementara yang akan berakhir- ini baharu dia dapat maklumat yang diberikan kepada saya, baharu sahaja mendapat kad pengenalan sementara, di mana tarikh luputnya adalah 29 September 2029 dengan Kad Pengenalan 941209-13-5665.

Jadi, perkara-perkara begini, banyak yang berlaku di luar sana. Jadi, apabila kita mahu memberi satu kewarganegaraan, tangan yang kanan memberi, tangan kiri pula mahu menarik. Kita tidak- saya harap, kerajaan untuk berhati-hati melaksanakan perkara ini dan seperti mana yang telah dikatakan oleh rakan-rakan yang lain tadi.

Walaupun undang-undangnya begini dan pentadbiran itu perlulah sesuatu yang berbentuk manusiawi, berbentuk Madani supaya setiap orang yang ingin menjadi warganegara Malaysia ini terutamanya mereka yang daripada golongan *stateless* ataupun tidak warganegara, yang tidak berasal dari mana-mana negara pun di dunia ini, berilah

mereka kewarganegaraan itu. Jangan tunggu mereka sampai tua, sampai 50, setengah abad ini, belum dapat warganegara lagi. Jadi, inilah antara yang perlu kita ambil untuk betul-betul membantu. Jadi, justeru itulah saya sangat menghargai dan memberi tahniah kepada Menteri yang mempunyai hati yang ingin membantu- mereka-mereka yang ingin menjadi warganegara ini.

Beberapa yang lain lagi adalah berkahwin dengan orang warganegara asing. Sijil perkahwinan tidak ada, dokumen perkahwinan tidak ada sehinggalah anak itu juga terkesan, tidak ada warganegara. Apabila mereka tidak ada warganegara, mereka tak dibenarkan bersekolah. Ini berlaku di pedalaman di Sarawak. Bukan sahaja itu. Saya berharap juga perkara ini tidak akan menjejaskan- yang saya berharap adalah dengan niat pindaan seperti ini, saya berharap supaya Menteri Dalam Negeri yang mempunyai kuasa yang budi bicara, dengan manusiawinya, saya harap perkara-perkara ini dapat diselesaikan.

Keempat, saya ingin bincangkan adalah yang berbentuk retrospektif. Ini tidak akan retrospektif tetapi dia akan ke depan. Jadi, inilah saya juga bersetuju dengan rakan-rakan yang katakan sebentar tadi di mana, kita yang berusaha, ibu-ibu yang berusaha ataupun mereka yang mengusahakan sehingga terjadinya pindaan hari ini, mereka pula yang tak akan menikmati hasil usaha mereka.

Jadi, ini sesuatu yang kalau kita memikirkan secara manusiawi kita, maknanya macam seolah-olah tidak adil bagi mereka yang memohon, tetapi tidak ada kesan retrospektif. Apa pun, kita kena- saya berharap Menteri akan menggunakan budi bicaranya yang terbaik untuk membantu dan menolong mereka yang telah bersusah-payah menjadikan pindaan ini berlaku pada kali ini.

Seterusnya, yang kelima yang saya ingin katakan adalah anak yang *Permanent Residence* (PR). Sekarang, mereka kena memohon. Jadi, saya ada pendirian begini. Kalau yang memohon ini, kalau mereka ada warganegara lain, contohnya dari Indonesia kah, daripada Amerika kah, *so,* mereka akan kelihatan ada dua warganegara kalau mereka ada PR di sini. Alangkah baiknya kalau anak-anak yang *stateless* ini, ibu bapa mereka hanya mampu mendapat taraf PR sahaja, anak mereka sepatutnya akan menjadi warganegara, tetapi dengan adanya keadaan ini, mereka kena memohon. Jadi, saya berharap supaya permohonan mereka ini lebih kepada untuk diluluskan, bukan untuk ditolak supaya lebih seimbang dengan mereka yang sudah ada warganegara lain.

Jadi, saya percaya yang memohon ini adalah kerana mereka ada warganegara yang lain. Jadi, kerajaan kena bertanya, "*Kamu mohon Amerika kah Malaysia?*", itu tujuan untuk memohon. Jadi, kalau tidak, dia akan automatik menjadi warganegara,maka, ada dua warganegara. Itulah sebab dasar kita tidak ada dua warganegara.

Justeru itu, kalau keadaan ini terus menjadi suatu yang tidak ada jalan penyelesaian, saya berharap, manalah tahu, sekarang Menteri mempunyai kuasa untuk memberi

kewarganegaraan yang terakhir kepada seluruh rakyat di Malaysia ini, termasuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Mungkin, cadangan saya ini agak- mungkin nampak keterlaluan. Alangkah baiknya, kerana dasar negara kita ini, pembentukan Malaysia ini adalah terdiri daripada tiga buah wilayah. Dulu pun empat, sekarang tiga.

Jadi, kalau boleh kewarganegaraan ini, siapa yang mahu menjadi warganegara melalui Sabah, biar Sabah yang menentukan yang terakhir. Kalau di Sarawak, biar Sarawak yang menentukan. Kalau di Semenanjung, biar di Semenanjung yang menentukan. Ini satu cadangan yang agak berani, tetapi kalau ada *political will* yang mahu perkara itu berlaku, maka saya percaya banyak perkara yang kita boleh selesaikan dengan keadaan begini.

Justeru itu, walaupun kita ada pihak-pihak yang masih tidak puas hati, tetapi saya sangat menyokong usaha ini kerana ia adalah lebih banyak penyelesaian kepada mereka yang bukan- yang belum ada warganegara. Jadi, dengan ini saya berharap, kementerian ataupun Menteri yang berkenaan akan lebih proaktif, ada belas kasihan kepada mereka yang memohon bertahun-tahun, berpuluh-puluh tahun supaya segerakan kelulusan memberi warganegara kepada mereka ini.

Dengan ini, saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Di sini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran wakil daripada *Family Frontiers* dan juga kepada ibu-ibu yang terkesan. Terima kasih atas kehadiran puan-puan. Bagi saya, *this is a history in the making* dan kita harus berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri dan pasukannya. Juga, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan MADANI. *This is a start.*

Dengan itu, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Ibrahim.

1.28 ptg.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih, kakanda Yang Berhormat Datuk Seri Dr. YDP. Saya sangat setuju dengan Yang Berhormat Abun Sui tadi. Kalau boleh, saya harap kementerian boleh menerima cadangan itu, tetapi khas untuk *native* sahaja, yang tiada kewarganegaraan. Kalau yang memohon dari luar itu, lain cerita.

Datuk Seri Dr. Yang di-Pertua, saya dengan perkara ini sangat *personal,* dengan izin kerana isteri saya mendapat PR nya dalam tahun yang ke-18 dia menetap di Malaysia. Tahun 2023, dia mendapat kewarganegaraan beliau. Sekarang, sudah 33 tahun di Malaysia. Jadi, saya dapat merasa keluhan, kesedihan sesetengah pihak.

Datuk Seri Dr. Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 yang mana isu pokok iaitu kewarganegaraan, khususnya berkaitan hak kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu Warganegara Malaysia, bersuamikan warga asing.

■1330

Umum mengetahui kerangka rang undang-undang ini yang mencadangkan pindaan kepada Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan adalah amat signifikan bukan sahaja untuk menjamin keadilan sosial, tetapi juga untuk memperkukuhkan semangat kesetiaan kepada negara. Pada asasnya ini amat penting dalam kita mendidik, memupuk dan melahirkan warganegara yang setia pada negara.

Datuk Yang di-Pertua, kewarganegaraan bukan hanya sekeping dokumen, tetapi satu hak istimewa yang membawa tanggungjawab besar. Kita mesti memastikan bahawa dalam usaha memperbaiki keadilan sosial tidak ada ruang untuk penyalahgunaan. Kelonggaran dalam peraturan kewarganegaraan boleh membuka ruang kepada ancaman keselamatan termasuk penyusupan individu-individu dengan agenda tersembunyi seperti penglibatan dalam jenayah antarabangsa atau kegiatan keganasan.

Datuk Seri Yang di-Pertua, situasi semasa menunjukkan diskriminasi sistemik yang bertentangan dengan prinsip kesaksamaan gender seperti yang dijamin di bawah Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan. *Alhamdulillah no more gender bias*. Tahniah kepada kementerian.

Seorang wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing menghadapi cabaran besar untuk memastikan anaknya mendapat kewarganegaraan secara automatik berbanding lelaki Malaysia dalam situasi yang sama. Syukur kita, *alhamdulillah*. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan keadilan sosial, malah melanggar semangat kesamarataan yang diperjuangkan oleh masyarakat moden. Hak kewarganegaraan adalah hak asasi. Bayangkan anak-anak yang terpaksa hidup tanpa akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan atau pekerjaan kerana status kewarganegaraan yang tergantung. Proses permohonan yang mengambil masa bertahun-tahun, malah sehingga beberapa dekad adalah tidak munasabah dan mencerminkan ketidakcekapan pentadbiran serta kekangan perundangan sedia ada.

Pindaan ini wajib diluluskan bagi memastikan bahawa semua ibu warganegara Malaysia tanpa mengira lokasi kelahiran anak mereka terjamin, dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan. Mereka juga ada mempunyai hak yang sama dengan lelaki warganegara. Ini juga akan menghapuskan stigma bahawa kewarganegaraan Malaysia adalah lebih mudah diberikan melalui keturunan bapa sahaja.

Namun demikian, Datuk Seri Yang di-Pertua isu kewarganegaraan bukan sekadar soal perundangan, tetapi soal jati diri dan patriotisme. Seperti yang kita ketahui mengenai fasal 1 Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan berhubung kewarganegaraan melalui pendaftaran isteri dan anak warganegara dengan memasukkan perenggan bahawa dia mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu.

Datuk Seri Yang di-Pertua, kita sedia maklum kebanyakan yang memohon ini anak-anak mereka dilahirkan di luar negara dan kurang fasih atau memang tidak tahu berbahasa

Melayu. Kebanyakanlah, bukan semua. Oleh itu, saya mencadangkan agar pihak kementerian dapat membantu mereka yang kurang fasih berbahasa Melayu diberi bimbingan asas sebelum mendaftar. Bahkan juga di pedalaman Sarawak mengalami masalah yang sama.

Ya, memang benar syarat tambahan ini perlu, tetapi dalam masa yang sama kita harus membantu mereka dengan budi bicara yang ada pada Pegawai-pegawai JPN yang berwibawa agar mereka ini tidak tercicir lagi dari sah taraf kewarganegaraan. Kalau boleh bahasa tempatan pun boleh diguna. Kadang-kadang orang di hulu tidak ada sekolah, tapi mereka diam di pedalaman, di kampung-kampung, di hulu-hulu sana. Jadi, bahasa mereka boleh diguna pakai. Kalau mereka pandai bercakap Kenyah, Kayan, Penan, berilah kerakyatan kepada mereka ya termasuk Orang Asli di Semenanjung juga.

Seperti mana di Amerika Syarikat di mana pemohon kewarganegaraan harus memahami bahasa Inggeris dan perlu menduduki ujian sivik dan ujian bahasa Inggeris begitu juga dengan pemohon di negara ini perlu menunjukkan penguasaan asas Bahasa Kebangsaan, lagu Negaraku dan Rukun Negara kerana kelaziman sebelum ini juga dilakukan oleh pihak JPN melalui ujian asas kemahiran Bahasa Melayu.

Sebagai langkah praktikal, kerajaan boleh memperkenalkan Program Orientasi Kenegaraan Nasional atau Program Kewarganegaraan Kebangsaan yang merangkumi kursus asas Bahasa Malaysia, pemahaman budaya berbilang kaum, berbilang agama dan nilai-nilai budaya tempatan yang berteraskan kebangsaan. Ini bukan sekadar satu keperluan teknikal, tetapi satu mekanisme untuk menanam rasa cinta dan penghormatan kepada negara. Kementerian Perpaduan mungkin boleh merangka strategi ini bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri. Asas negara bangsa ini terbentuk melalui kemajmukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum bangsa dan agama.

Datuk Seri Dr. Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan melalui rang undang-undang ini harus menyeimbangkan antara hak rakyat dan tanggungjawab mereka terhadap negara. Hak kewarganegaraan amat penting dan kita akui ini adalah untuk masa depan anak-anak yang mempunyai masalah status kewarganegaraan. Perkara ini banyak terjadi di Sarawak khususnya di pedalaman seperti yang saya bilang awal tadi, di mana kanak-kanak tanpa warganegara dan anak-anak angkat tanpa identiti dan tidak sah taraf disebabkan kelewatan mendaftar akibat faktor jarak, tempat tinggal yang terperinci di pedalaman sangat jauh untuk ke Pejabat JPN.

Saya juga menyeru Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan memantau permohonan kewarganegaraan yang tertunggak secara lebih sistematik serta mempercepatkan proses pengeluaran dokumen kewarganegaraan. Saya difahamkan malam kita makan bersama YDP di kediaman rasmi beliau. Pegawai ada duduk di belakang sana menerangkan sekarang prosesnya satu tahun. Bila saya dengar itu nak jatuh dari kerusi saya

ya kerana ceritanya *alhamdulillah* ini bagus. Saya harap ia berterusan. Kalau boleh kurang lagi dari satu tahun dapat *approval* ya.

Isu birokrasi atau kerenah birokrasi yang melampau harus ditangani cepat dengan segera bagi memastikan sistemnya lebih cepat- maaf lebih cekap, telus dan adil. Saringan yang ketat dan pemantauan secara menyeluruh harus dilakukan walaupun kita ingin mempercepatkan proses saringan dan pemantauan secara ketat dikenakan. Jaminan keselamatan dan kepentingan negara haruslah tidak diabaikan dan tidak terjejas melalui permohonan dokumen kewarganegaraan. Sedikit masa sikit Datuk Seri. *Thank you.*

Saya mencadangkan kepada pihak kementerian melalui JPN supaya Pegawai-pegawai Pejabat JPN di daerah pedalaman dan daerah kecil khususnya di Sarawak diberi kuasa untuk membuat keputusan permohonan kewarganegaraan supaya proses ini dapat dipercepatkan selain merujuk ke ibu pejabat dan Pejabat JPN di daerah ini pula dapat memutuskan keputusan permohonan.

■1340

Tidak ramai yang memohon di hulu-hulu sana ya, tidak ramai. Jadi, kita boleh *consider* lah kemungkinan dengan izin, *delegation of certain authority* di bawah kementerian ya, di bawah Menteri sendiri *for special case* ya. Ini adalah untuk *straightforward case* dengan izin disokong permohonan itu, disokong oleh Ketua Masyarakat, Tuai Rumah, Penghulu atau *Assistant District Officer* atau *District Officer*- Pegawai Daerah, dengan izin.

Akhir sekali, saya berharap dengan adanya pindaan RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 dapatlah kita simpulkan kewarganegaraan adalah lambang kepercayaan antara individu dan juga negara. Pindaan ini adalah peluang untuk kita melakar sejarah, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih adil, progresif dan patriotik.

Dalam masa yang sama, saya menyeru supaya kerajaan melihat isu kewarganegaraan ini dengan perspektif yang lebih luas melibatkan bukan sahaja soal undang-undang, tetapi juga soal insan, identiti dan jati kebangsaan. Kita bukan sahaja memberi kewarganegaraan, tetapi juga membentuk warganegara yang setia, berintegriti dan mencintai tanah air kita ini. Dengan itu, saya mohon untuk menyokong pindaan Perlembagaan ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih, Yang Berhormat. Dengan ini dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

1.41 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Datuk Seri Dr. Speaker. Pindaan Perlembagaan berkaitan kewarganegaraan adalah langkah positif ke arah kesamarataan jantina dan seharusnya mendapat sokongan padu daripada semua pihak. Saya akan bermula dengan isu Sabah, Sarawak dulu. Namun begitu, kerajaan perlu

memastikan bahawa pindaan berkenaan isu kewarganegaraan mestilah menjaga kedaulatan dan maruah individu-individu yang sudah menjadi rakyat Malaysia.

Isu lain seperti penduduk di Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri adalah suatu isu yang sudah sekian lama membelenggu negara. Saya berpendapat di negeri Sabah lah yang menjadi isu besar. Kenapakah kita tidak mencari satu jalan kepada rakyat di Sabah dan Sarawak ini? Satu lagi dokumen yang sudah ada di negara kita iaitu MyKAS. MyKAS ini merupakan satu Kad Pengenalan Sementara. Setiap lima tahun, pemegang MyKAS memohon semula. Selepas 15 atau 20 tahun kita rasa dia ini betul-betul layak kewarganegaraan.

Pada saya, tidak salah untuk dia layak untuk status dia dinaikkan. Kalau daripada MyKAS ini kita boleh naikkan taraf, dia boleh menjadi PR atau penduduk tetap. Akhirnya selepas beberapa tahun baharulah diberikan kewarganegaraan. Isu berkenaan adalah penting bagi memastikan semua rakyat mahupun sesiapa sahaja yang tinggal di Malaysia mempunyai dokumen dan identiti yang sah.

Isu yang kedua adalah MA63. Walaupun saya bukan seorang Sabah atau Sarawak, tetapi MA63 adalah isu seluruh Malaysia. Sebarang pindaan dalam rang undang-undang pindaan kewarganegaraan perlu mematuhi Perjanjian 18 bahawa Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). RUU tersebut penting kerana ia menyentuh hak kewarganegaraan Malaysia khasnya untuk Sabah dan Sarawak yang bersetuju membentuk Malaysia sebelum ini. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah sebelum ini dan saya menyokong kenyataan beliau.

Kewarganegaraan Sabah dan Sarawak telah dipersetujui seperti terkandung dalam Perkara 10 yang kini dimasukkan dalam Perlembagaan melalui definisi Persekutuan dalam Perkara 160(2) pada Disember 2021 termaktub dalam Perkara 14 Bahagian III Perlembagaan melalui perundangan untuk rakyat Sabah dan Sarawak pada Hari Malaysia serta peruntukan yang lain yang dibaca bersama dengan Jadual Kedua. Keadaan ini harus dikekalkan untuk Sabah dan Sarawak kerana apa-apa pindaan mengenai kewarganegaraan perlu persetujuan Sabah dan Sarawak. Saya juga turut bersetuju Suruhanjaya atau Jawatankuasa Khas untuk Sabah dan Sarawak perlu diwujudkan.

Isu yang ketiga ialah angkat sumpah setia. Saya juga menyokong pindaan baharu yang mewajibkan individu memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang yang mengangkat sumpah kesetiaan dalam tempoh 48 bulan selepas mencapai umur 18 tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Sekiranya pemohon gagal melakukannya, kewarganegaraan mereka akan terbatal secara automatik. Pindaan itu sangat penting bagi memastikan pemohon yang memperoleh kewarganegaraan melalui undang-undang tetap terikat dengan negara Malaysia.

Pindaan itu juga selaras dengan negara lain seperti Singapura, India dan Jepun yang akan membuat pelucutan kewarganegaraan secara automatik jika mendapati individu yang berkenaan yang sudah mencapai umur tertentu gagal pulang untuk mengangkat sumpah taat setia dan melepaskan kewarganegaraan asing yang dimiliki.

Isu yang keempat ialah fasih Bahasa Melayu. Saya turut menyarankan agar mereka yang mendapat kewarganegaraan perlu mengikuti kursus penguasaan Bahasa Melayu yang bagi membantu mereka menguasai Bahasa Melayu. Pindaan Perlembagaan kali ini tidak harus dianggap sebagai pesta untuk memberikan warganegara kepada orang asing. Apabila mereka bersedia untuk menjadi Warganegara Malaysia, mereka perlu adaptasi Bahasa Melayu dan menyesuaikan diri dengan budaya dan cara hidup rakyat di sini.

Pemberian taraf kewarganegaraan perlu memenuhi kehendak undang-undang malah ia mesti diperketat demi memelihara identiti negara. Prasyarat bagi pindaan kewarganegaraan ini perlu *entry* terma lulus ujian kognitif dan psikososial termasuk sejarah dan budaya nasional negara. Indikator perlu digunakan untuk mencapai Prinsip-prinsip Rukun Negara khususnya prinsip “Kesetiaan Kepada Raja dan Negara” serta prinsip “Kesopanan dan Kesusilaan.” Sekiranya syarat longgar dan lewa terhadap pemberian kewarganegaraan, ia akan menjejaskan jati diri daripada identiti perpaduan dan kedaulatan negara.

Isu yang kelima ialah hak kewarganegaraan satu generasi. Saya juga bersetuju dengan pindaan yang memberikan hak kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang kepada anak dalam kategori berkenaan dibuat bagi satu generasi sahaja. Bagi saya, ini adalah mekanisme kawalan penting untuk memastikan kelonggaran kepada hak kewarganegaraan yang diberikan melalui pindaan Perlembagaan ini tidak boleh disalahgunakan.

Saya percaya, kita sebagai rakyat yang setia kepada negara tidak mahu suatu masa nanti wujud generasi yang mempunyai kewarganegaraan, tetapi hanya menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi bagi pilihan raya- malah seumur hidup tinggal di luar negara dan tidak menumpahkan taat setia pada Malaysia.

Isu yang keenam ialah proses birokrasi. Saya juga mempunyai beberapa persoalan berkenaan pindaan ini. Saya bimbang golongan ibu dan anak-anak bakal berdepan proses birokrasi di pejabat kerajaan sekiranya RUU diluluskan. Menyentuh pindaan untuk menurunkan had umur daripada 21 kepada 18 tahun bagi permohonan Perkara 15A, kebanyakan kes masih belum diselesaikan selepas beberapa tahun telah berlalu.

Kalau boleh, betul-betul ibu bapa PR ini tiada negara lain, kita memberikan *under operation of law,* dengan izin, kepada anak mereka supaya mereka tidak menghadapi masalah generasi yang akan datang tanpa kerakyatan. Sebagai contoh, anak-anak Orang Asli, orang India yang dulu bergenerasi di estet. Sebab ini akan mempunyai banyak birokrasinya dan ini juga telah menyebabkan satu kebimbangan kepada pemohon.

■1350

Sebagai penutup Datuk Seri Yang di-Pertua, kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi negara. Ia tidak boleh diberikan secara sewenang-wenangnya. Perlembagaan Persekutuan meletakkan syarat ketat melayakkan individu menjadi Warganegara Malaysia. Oleh itu saya mohon menyokong pindaan ini berdasarkan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Noraini Idris.

1.50 tgh.

Datuk Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan berkaitan beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 berkaitan isu kewarganegaraan yang amat penting.

Cadangan pindaan kepada Perkara 14 (1)(b) Bahagian II, Seksyen 1(b) dan 1(c) Jadual Kedua yang membenarkan kanak-kanak yang lahir di luar negara memperoleh kewarganegaraan melalui ibunya seorang warganegara secara kuat kuasa undang-undang berbanding hanya bapa sebelum ini sudah tentu disambut baik oleh semua pihak.

Langkah ini dilihat amat signifikan dalam mengiktiraf hak-sama rata ibu menurunkan kewarganegaraan kepada anak mereka yang lahir di luar negara daripada pasangan bukan warganegara. Ini sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan menghapuskan diskriminasi gender di negara ini. Cumanya, seperti yang di bentang oleh YB Menteri tadi pindaan ini nanti akan bersifat prospektif. Hal ini jugalah yang menimbulkan kegusaran di kalangan ibu-ibu yang telah lama memfailkan permohonan di bawah perkara ini. Ada permohonan yang ditolak oleh JPN sehingga ada yang terpaksa membawa perkara ini ke mahkamah. Bagaimanakah dengan permohonan pemohon yang sudah difailkan sebelum ini yang telah melalui proses penolakan oleh JPN sehingga ada yang melalui proses permohonan di mahkamah?

Adakah permohonan di bawah kategori ini yang ditolak sebelum berkuat kuasanya pindaan ini, pemohon kena memohon balik, maksudnya kena buat permohonan baharu atau pemohon boleh menggunakan permohonan lama yang telah ditolak sebagai asas untuk membuat rayuan?

Ada cadangan meminta agar pindaan ini perlu bersifat retroaktif iaitu terpakai kepada kanak-kanak yang lahir contohnya selepas Hari Malaysia terutama di mana kes contohnya ibu atau bapa sudah meninggal dunia. Agar kanak-kanak ini mendapat pembelaan sewajarnya dan dapat menikmati hak-hak mereka sebagai warganegara di samping

menikmati kehidupan yang terjamin. Peluang mendapatkan akses pendidikan dan penjagaan kesihatan sama seperti kanak-kanak warganegara.

Seterusnya saya ingin menyentuh fasal 5 bertujuan untuk memasukkan fasal baharu ke dalam Perkara 18 Perlembagaan Persekutuan bagi menghendaki individu 18 tahun ke bawah yang memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran untuk mengangkat sumpah apabila mencapai umur 18 tahun. Jika orang itu tidak mengangkat sumpah dalam tempoh empat puluh lapan bulan daripada dia berumur lapan belas tahun, orang itu terhenti menjadi warganegara.

Persoalan saya, bagaimana kementerian akan memudahkan akses kepada pemohon yang tinggal di kawasan luar bandar yang mempunyai limitasi ataupun kekangan seperti masalah pejabat JPN ataupun UTC yang mungkin jauh dari tempat tinggal, misalnya? Penurunan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan, contohnya Pejabat Daerah atau Mahkamah Anak Negeri di Sabah untuk hal ini mungkin boleh dipertimbangkan sebagai cadangan. Jadi, apakah usaha kementerian dalam memudah cara agar urusan ini dapat dilakukan tanpa kerenah birokrasi terutamanya?

Seterusnya, saya turut ingin menyentuh Perkara 26 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kerajaan boleh melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan warga asing bersuami warganegara yang memperoleh kerakyatan jika perkahwinan dibubarkan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh dia menerima kewarganegaraan. Soalan saya, apakah yang akan terjadi kepada anak-anak yang lahir hasil daripada perkahwinan ini sekiranya ibunya sudah bukan lagi menjadi warganegara? Masalah mungkin timbul siapa yang akan menjaga anak-anak ini terutama di mana kes suami meninggalkan keluarganya dan anak-anak ini tinggal dijaga oleh ibu mereka.

Apakah akan terjadi kepada anak-anak tersebut sekiranya ibu sudahlah ditarik kewarganegaraannya dan ayah yang warganegara pula hilang entah ke mana? Walaupun tindakan perlucutan hanya akan diambil berdasarkan aduan bukan secara automatik dan perlu melalui proses Jawatankuasa Siasatan Perlucutan. Namun, apa jaminan peruntukan ini tidak di manipulasi. Contohnya dalam situasi di mana ia di manipulasi oleh pasangan warganegara itu sendiri. Contohnya suami semata-mata untuk mengenakan bekas isterinya kerana sudah tidak sefahaman dan mungkin juga kerana berebut hak penjagaan anak, contohnya.

Merujuk kepada pindaan Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan bagi mengenakan syarat tambahan untuk mempunyai pengetahuan mencukupi dalam Bahasa Melayu kepada mana-mana wanita bersuami yang membuat permohonan kewarganegaraan melalui pendaftaran. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah satu set, satu kaedah atau set soalan standard akan diperkenalkan bagi mengetahui bukan sahaja tahap penguasaan

bahasa Melayu pemohon, tapi juga semangat cinta akan negara Malaysia pemohon? Mohon penjelasan.

Di Sabah isu pendatang tanpa izin atau PTI adalah isu yang sudah berakar umbi sekian lama di negeri ini. Hinggakan ada pendatang tanpa izin yang tinggal berkurun lama dan menikmati segala kemudahan awam, menikmati limpahan ekonomi di negeri ini sama seperti warga tempatan.

Saya menyuarakan isu ini bukan saya tidak simpati dengan nasib kanak-kanak baharu lahir atau *foundling*- bayi yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat oleh orang tuanya, tapi saya khuatir akan ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terutama warga asing, pendatang tanpa izin yang akan mengambil kesempatan daripada peruntukan ini dengan sengaja meninggalkan anak-anak mereka yang baharu lahir untuk dijumpai oleh pihak berkuasa dengan niat agar anak ini menjadi warganegara secara kuat kuasa undang-undang, berdasarkan peruntukan ini. Kerana berdasarkan pindaan ini, bayi yang dijumpai oleh pihak berkuasa ibunya dianggap sebagai warganegara sehinggalah dibuktikan sebaliknya. *Until proven otherwise.* Ini dia punya *burden of prove*. Jadi, mungkin ada mekanisme lain untuk mengkaji impak perkara ini secara lebih mendalam khususnya dengan situasi yang berlaku di negeri Sabah.

Saya juga ingin mengambil peluang untuk bertanyakan berkaitan penyelesaian isu kewarganegaraan melibatkan sekitar 30,000 pemegang status Pemastautin Tetap atau MyPR yang tidak mempunyai permit masuk atau dokumen perjalanan negara asing. Golongan ini terdiri daripada individu yang diambil sebagai anak angkat. Mereka yang lahir sebelum merdeka dan berada di negara ini sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia.

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan dalam 30,000 pemegang status ini, berapakah jumlah pemegang status ini di Sabah dan apakah komitmen kementerian dalam menyelesaikan isu ini dalam kadar segera?

Akhir sekali, saya turut ingin mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan prosedur operasi standard (SOP) terutama bagi permohonan paling tinggi iaitu 15A berkaitan anak tidak sah taraf, anak angkat, anak jagaan dan 19(1) iaitu permohonan naturalisasi. Bagaimanakah melalui pindaan ini, hak kanak-kanak ini akan lebih terbela dan akan memudahkan urusan mereka untuk memperoleh dokumen dan dipermudahkan urusan persekolahan misalnya?

Datuk Seri Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong pindaan rang undang-undang ini tertakluk kepada pandangan-pandangan yang saya utarakan tadi. Sekian, terima kasih.

■1400

Datuk Seri Dr. Hajah binti Musa: Terima kasih. Dengan ini dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

2.00 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah... [Berselawat]* Yang saya hormati Puan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati dan saya kasihi sekalian.

Pertamanya, saya merakamkan terima kasih kerana saya lihat bahawa ada suatu usaha untuk lebih memperketat lagi usaha-usaha proses pemberian kewarganegaraan atau kerakyatan kepada pemohon-pemohon. Saya sebenarnya lebih suka kalau ada ruang untuk memperketat lagi. Perketat bukan dengan maksud Yang Berhormat Menteri, bukan untuk maksud menyusahkan kepada yang benar.

Yang betul-betul *real* mempunyai niat untuk menjadi warganegara yang setia kita terima dengan prosedur yang betul, tetapi saya sangat bimbang andainya ada usaha untuk menjadi warganegara yang beragenda. Saya minta maaf atas sangkaan yang agak buruk, tapi tidak salah untuk kita berkata demikian bagi menjaga negara kita yang tercinta.

Kewarganegaraan adalah kerakyatan ia merupakan suatu anugerah-anugerah yang tertinggi yang diberikan seseorang. Bayangkan tuan-tuan bila kita berada di luar negara kita sempit dada sampai di kampung, sampai saja di KLIA kita dah rasa macam di rumah. Tenang, selamat, selesa, yakin diri dan lain-lain. Diberi kerakyatan orang-orang yang mohon kadang-kadang memohon kerakyatan dia akan bakal mendapat keistimewaan sama dengan orang-orang yang sedia ada dalam negara tanpa perlu perjuangan.

Mereka bakal mendapat kenikmatan seperti semua rakyat yang sedia ada. Kenikmatan dari sudut ataupun keselesaan, hak yang sama dari sudut keselamatan, dari sudut ekonomi, dari sudut berpolitik, dari sudut memimpin, dari sudut mempusakakan. Oleh kerana itu, apabila kita sebut saja memberi kewarganegaraan ertinya kita sudah menyerahkan sebahagian daripada hak rakyat yang sedia ada kepada pendatang-pendatang baharu yang memohon dengan yang saya sebut tadi yang bagus itu saya tak sebut ini. Yang saya bimbang dari sudut kemungkinan perkara yang kita tidak ingini.

Sebab itu saya fikir dalam ujian untuk membolehkan kerakyatan memberikan tempoh yang panjang lebih baik sebab kita boleh tengok dulu. Bila kita sebut daripada segi kewarganegaraan satunya yang disebut ialah menguasai bahasa. Bila kadang-kadang orang nak masuk untuk kuasai bahasa kalau soalan yang standard dah boleh hafal, soalan bocor dah keluar dah dia boleh hafal, tapi kalau soalan yang di luar duga untuk kita pastikan bahawa dia mempunyai penguasaan bahasa, saya ingat ini mungkin akan menjadikan kita dapat yang mohon betul-betul kualiti memang nak jadi rakyat negara ini.

Keduanya, dari sudut kesetiaan. Kita dalam rakyat kita diajar tentang minta maaf saya tak *quote* kepada fakta-fakta, seksyen-seksyen saya fikir yang itu dah banyak belas-belas yang dah sebut dengan penuh seksyen, tetapi yang saya nak ungkap ini dari sudut dengan maaf macam nak *pre-empt* kemungkinan untuk tidak berlaku orang yang menyalahgunakan

ataupun mengambil peluang untuk menjadi rakyat. Kenapakah tidak tuan-tuan? Paling tidak pun orang kata tempat kita ini tak ada kerja, tetapi di sinilah peluang syurga kerja bagi warganegara asing.

Ketiga, daripada segi Rukun Negara. Kita mempunyai rukun negara memang khusus untuk rakyat. Adakah mereka yang bakal ini mereka teruji dengan penilaian yang berterusan bahawa mereka juga mematuhi lima rukun negara.

Yang ketiganya ialah, sampai ke-satu tahap bagaimana persaingan yang ada yang akan berlaku pemegang bimbang-bimbang akan berlaku kewarganegaraan terancang. Saya melihat kajian yang mengatakan bahawa jumlah pelancong yang masuk tak ramai, tetapi kita mengeluarkan satu produk negara iaitu *Malaysia My Second Home*.

Yang Berhormat Menteri mohon beri penjelasan. Apakah keistimewaan bila orang mendapat status My Second Home? Betul atau tidak ada yang menyatakan bila dia mendapat *Malaysia My Second Home* (MM2H) antara sumbernya ialah dengan cara membeli rumah. Bila dia beli rumah, dia dapat *My Second Home* mungkin dia bakal mendapat *permanent residence* kad IC Merah. Ini saya tanya ada ke tidak mungkin berlaku?

Dan dengan adanya *My Second Home* ataupun kad pengenalan merah adakah mungkin ini juga memberi ruang untuk mereka mendapat misi *loophole* yang sedia ada dalam peruntukan undang-undang yang membolehkan dia kemudiannya akan mendapat permohonan kerakyatan dalam tempoh-tempoh yang tertentu. Kalau itu berlaku, saya bimbang kalau tak berlaku *alhamdulillah.* Mohon pencerahan.

Yang isu kesetiaan yang saya sebut hari-hari ini, makin hari, makin membimbangkan. Yang dalam negara pun kita bimbang dari sudut kesetiaan Yang Berhormat Menteri. Yang dalam negara yang panggil orang luar untuk mengibarkan bendera dalam negara dalam perayaan itu pun masih sekarang di luar bicara tentang itu. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mungkin tak relevan sangat dengan isu ini, tapi saya nak sebut kesetiaan sebagai rakyat.

Bagaimana sebuah sekolah, sekolah-sekolah boleh berhubung dengan kementerian negara lain untuk mereka datang dengan kapal perang bagi tujuan melancong, tapi yang datang berpakaian tentera. Saya tak detil sangat, tapi ini gambaran kepada rakyat yang sedia ada apatah lagi rakyat yang bakal masuk yang datang kerana perkahwinan, kerana yang lain-lain. Kalau ini mungkin boleh memberi jaminan, saya sokong pindaan ini dari sudut yang peruntukan-peruntukan untuk yang tadi, tetapi yang saya bimbang ini ialah kebimbangan dari sudut agenda kewarganegaraan terancang.

Antara lain itu ialah isu perkahwinan. Isu perkahwinan ini juga membuka ruang untuk-Malaysia ini orangnya comel-comel kan. Jadi, yang ini juga memberi ruang untuk orang datang untuk membuat program yang khusus dapat berkahwin, dapat kerana ruang perkahwinan ini membuka ruang itu untuk mereka menjadi permohonan rakyat, dapat

permanent residence, kemudian dapat pula rakyat penuh. Semua yang sebutkan tadi, saya sebut itu dari sudut kebimbangan atas dasar kecintaan kita kepada negara yang kita bina.

Ini yang akhir-akhir ini, apabila kita dengar kiri, kanan kapal perang sampai di Laut Selatan, kapal perang masuk sampai ke Pelabuhan Klang, kapal perang ini sampai ke Pulau Pinang. Ini semuanya menambahkan rasa kebimbangan, kecurigaan yang saya fikir isu kewarganegaraan adalah asbab utama untuk membolehkan kita menjadi alasan untuk mengelak orang-orang yang berkemungkinan datang dengan agenda yang terkhusus ini tidak dapat menggerakkan agenda mereka. Sebab orang boleh masuk dan boleh untuk menjadi *spy* kepada negara-negara tertentu mahupun negara-negara besar.

Mudah-mudahan apa yang saya sebut sepintas ini tidak bermaksud untuk menyatakan KDN tak buat. *No*, tidak bermaksud begitu, tapi apa yang saya sebut dengan tujuan untuk KDN kalau boleh selain daripada yang dah sedia diketatkan dengan pindaan-pindaan ini fikirkan untuk mengetatkan lagi. Biar mereka ketat, biar isu kewarganegaraan ini ketat sebab kita nak jaga negara kita. Supaya tidak orang yang datang dalam tempoh sekejap kerana meraikan kemarahan dan nak saman kerana kitanya tak beri layanan yang cepat untuk menjadi kewarganegaraan.

■1410

Biar kita uji kesetiaan, ketaatan, keupayaan, penguasaan bahasa supaya ia akan menjadi lebih payah kalau. Saya ada satu poin. Sembilan minit. Saya di Kuala Terengganu. Saya naik satu buah apartmen Yang Berhormat Menteri, tahun lepas. Naik atas, saya sebutlah Wisma Tenang. Naik nak sewa pejabat, tapi saya jumpa dengan seorang wanita umur 60-an. Saya tanya dia, tak boleh nak jawab. Sepatah pun tak reti nak cakap. Tiba-tiba anak dia datang, dia kata, *"Mak saya tak pandai cakap Melayu." "Awak orang Malaysia?" "Ya, saya orang Malaysia." "Yang mak awak tak boleh cakap Melayu."*

Umur 60 ini sepatutnya dah boleh cakap Melayu. Ini 60 tahun dulu, tapi itu yang saya tambah bimbang. Anak orang Malaysia, mak yang tak boleh cakap Melayu. Duduk di sini sebagai mak. Terima kasih. Saya harap tidak mengatakan saya sebut ini kerana menyinggung ataupun, tapi saya sebut lebih kepada untuk melihat *view* yang lain daripada apa yang sudah dibahaskan oleh kawan-kawan. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

2.11 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Selamat tengah hari dan salam Malaysia MADANI. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada

Kerajaan Perpaduan atas kejayaan menzahirkan rang udang-undang ini yang bertujuan untuk meminda peruntukan Perlembagaan tentang kewarganegaraan.

Pindaan Jadual Kedua Bahagian II Perlembagaan amat signifikan dan telah lama dinanti-nantikan. Pindaan kepada seksyen 1(b) dan (c) dalam jadual tersebut akan memberikan hak yang saksama kepada warganegara wanita yang melahirkan anak di luar negara seperti hak yang telah diberikan kepada warganegara lelaki.

Pindaan tersebut akan menamatkan diskriminasi ke atas wanita dan anak-anaknya yang dilahirkan di luar negara. Namun, amat dukacita kegembiraan yang dibawa oleh pindaan ini tidak dapat dinikmati oleh kanak-kanak yang lahir sebelum pindaan ini berkuat kuasa kerana pindaan berkuat kuasa secara prospektif dan bukan retroaktif. Ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati kepada mereka yang terkesan.

Saya bersimpati dengan golongan ini. Mereka telah memperjuangkan penyingkiran diskriminasi ini selama puluhan tahun tetapi akhirnya mereka dan anak-anak mereka tidak mendapat manfaat dari pindaan ini. Oleh itu, mereka serta pertubuhan-pertubuhan sivil yang telah dengan izin, *tirelessly fought for this right for many years,* masih menaruh harapan bahawa Dewan Negara sebagai badan semak dan imbang akan menolak pindaan yang berkuat kuasa prospektif atau ke hadapan.

Dato' Yang di-Pertua, saya telah mengkaji negara-negara mana yang memberikan kerakyatan secara retroaktif atau secara kuat kuasa kebelakangan. Saya dapati amat sedikit dengan izin, *very rare*. Negara-negara yang memberi kewarganegaraan dengan *effect* retroaktif atau kuat kuasa kebelakangan. Negara-negara tersebut yang memberikan *effect* retroaktif adalah seperti Itali, Ireland dan Hungary.

Berdasarkan *jus sanguinis*, atas justifikasi *jus sanguinis*, jika pemohon boleh membuktikan nenek moyang mereka masing-masing berbangsa Itali, *Irish* dan *Hungary*. Kecuali bagi *Hungary,* kelulusan bukan dengan izin *as of right* yang masih tertakluk kepada dengan izin *specific circumstances. Portugal, Spain, Czech Republic* boleh memberi kewarganegaraan dengan kuat kuasa kebelakangan kepada kaum Yahudi yang telah diusir keluar dari negara-negara tersebut. Kita melihat pemberian kewarganegaraan yang sedemikian adalah berbentuk dengan izin, *restorative justice*. Mengembalikan keadilan kepada mereka yang dianiaya.

Jika kita perhatikan, justifikasi bagi dengan izin, *retroactive effect* ini adalah dihadkan kepada satu perkara sahaja iaitu kaum Yahudi yang diusir keluar daripada negara-negara tersebut. Bagi negara Jerman, memberi kerakyatan yang berkuat kuasa kebelakangan tetapi terhad kepada mereka yang dianiaya semasa rejim Nazi termasuk mereka yang berketurunan Jerman yang diusir keluar daripada *Germany* semasa Perang Dunia Kedua.

Dato' Yang di-Pertua, kewarganegaraan adalah soal kedaulatan sesebuah negara. Sesebuah negara yang berdaulat berhak untuk menetapkan siapa yang boleh diberi

kerakyatan dan syarat-syarat perolehan kewarganegaraan. Kebanyakan negara memperuntukkan syarat-syarat yang ketat dan bagi permohonan secara pendaftaran menetapkan sesuatu tempoh permastautinan.

Begitu juga, sumpah taat setia dan kefasihan pertuturan dalam bahasa negara berkaitan adalah syarat-syarat biasa bagi permohonan kerakyatan. Oleh yang demikian, saya melihat Kerajaan Malaysia tidak menetapkan syarat-syarat yang luar biasa yang boleh dipandang sebagai tidak wajar atau membebankan pemohon. Dalam perkara ini, saya akur dan saya berharap mereka yang terkesan akur dengan ketetapan kerajaan berkenaan dengan pindaan kepada Jadual Kedua, seksyen 1(b) dan (c). Kita melihat Malaysia berada di kalangan hampir kesemua negara di dunia ini yang tidak memberi kerakyatan yang berkuat kuasa secara retroaktif. Oleh itu, kerajaan tidak sewajarnya dipersalahkan atas ketetapan pindaan yang berkuat kuasa prospektif.

Namun Dato' Yang di-Pertua, kita perlu akui bahawa selagi permohonan yang sedemikian tidak diluluskan, selagi itulah mereka terkesan dan terkilan. Selama itulah, mereka tidak mendapat manfaat sebagai seorang rakyat Malaysia. Hak untuk bersuara, hak untuk mengundi, hak untuk dengan izin, *travel* yang menggunakan pasport, hak untuk pendidikan dan hak untuk menduduki di mana-mana tempat di Malaysia. Satu kedudukan yang amat memedihkan. Hanya kerana dasar yang mendiskriminasikan ibu mereka yang memilih untuk berkahwin dengan warga bukan Malaysia dan mereka dilahirkan di luar negara. Kanak-kanak tersebut sebenarnya layak memperoleh kewarganegaraan melalui operasi undang-undang hanya masa yang sekarang menjadi benteng. Mereka yang dilahirkan sebelum pindaan berkuat kuasa perlu memohon di bawah Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat banyak ruang bagi Kementerian Dalam Negeri untuk menangani dengan baik kes mereka yang terkilan. Saya cadangkan Kementerian Dalam Negeri menggubal atau memperbaharui peraturan yang sedia ada untuk memudah cara proses permohonan di bawah Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan supaya setiap permohonan diproses dan diputuskan secara telus dan dengan kadar yang munasabah. Saya dimaklumkan oleh mereka yang terkilan bahawa proses permohonan kerakyatan mengambil masa yang lama sehingga bertahun-tahun dan bila dimaklumkan permohonan tidak diluluskan dan tiada sebab yang diberi mengapa permohonan ditolak. Elakkanlah tindakan serta keputusan yang dibuat secara *arbitrary* dengan izin, *no to arbitrariness but yes to fairness*.

Dato' Yang di-Pertua, mereka yang terkilan memaklumkan saya, Kerajaan MADANI telah menunjukkan komitmen untuk menyelesaikan permohonan dalam tempoh yang munasabah. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, beliau menyatakan komitmen untuk menyelesaikan permohonan dalam tempoh satu tahun. Jadi dalam kedukaan

mereka ada harapan. Janganlah Kerajaan MADANI mematahkan harapan mereka dengan kerenah serta birokrasi yang tidak wajar.

Dato' Yang di-Pertua, saya telah mengkaji tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan di negara-negara asing untuk dijadikan bandingan kepada dengan izin, *performance* Kementerian Dalam Negeri. *Sorry*... *[Meneguk air]*

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Ambil masa.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: United Kingdom mengambil masa enam bulan untuk memproses dan membuat keputusan ke atas sesuatu permohonan kerakyatan. Manakala Singapura mengambil masa 12 bulan, Australia kira-kira 90 peratus dalam tempoh 13 bulan dan Amerika Syarikat dalam lingkungan 18 hingga 24 bulan. Oleh yang demikian, komitmen Menteri Dalam Negeri untuk memutuskan sesuatu permohonan kerakyatan dalam tempoh 12 bulan adalah satu penanda aras yang baik sejajar dengan, dengan izin *performance* negara-negara asing yang maju.

■1420

Soalan saya... *[Batuk]* Maaf, kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah permohonan kerakyatan bagi kes yang sedemikian yang telah diterima dan berapa yang belum diselesaikan?

Datuk Yang di-Pertua, pindaan ke atas Bahagian II Jadual Kedua... *[Batuk] Sorry*. Jadual Kedua Perlembagaan membawa kita selangkah ke hadapan untuk memenuhi Perkara 9(2) *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada 1995, tetapi tertakluk kepada dengan izin, *reservation* ke atas Perkara 9(2).

Minta sedikit masa. *Thank you*. Perkara 9(2) CEDAW memperuntukkan bahawa setiap negara yang menandatangani konvensyen tersebut, mesti memberi hak yang saksama kepada wanita seperti yang diberikan kepada lelaki berkenaan dengan kewarganegaraan anak-anak mereka. Dengan izin, *states parties shall grant women equal rights with men respect to the nationality of the children*. Datuk Yang di-Pertua, dengan izin, *it matters how the world sees us and gender equality laws is one key yardstick to measure our treatment of our women.*

Akhir sekali Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Yang Berhormat Tuan Abun Sui supaya *separate procedure* pertimbangan diadakan bagi permohonan kewarganegaraan bagi bumiputera Sabah dan Sarawak. Ini kerana kedua-dua wilayah tersebut adalah sangat besar dan komunikasi perhubungan, infrastrukturnya adalah kurang maju berbandingkan dengan di Semenanjung Malaysia dan kami pun ada adat *native laws* yang tersendiri.

Jadi saya cadangkan, menggesa supaya Menteri Dalam Negeri membuat peraturan yang khas untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Sarawak untuk memutuskan permohonan

kewarganegaraan bagi pemohon-pemohon bumiputera di Sabah dan Sarawak. Saya telah menelaah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, saya rasa ada ruang bagi Menteri mempunyai kuasa yang sedemikian.

Oleh demikian, saya mengakhiri Datuk Yang di-Pertua. Saya menyokong dan saya berharap Menteri mengambil perhatian ke atas gesaan saya tadi berkenaan dengan proses, berkenaan dengan status permohonan di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Dengan ini, dipersilakan Yang Berhormat Senator Anna Bell @ Suzieana binti Perian.

2.23 ptg.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Seri Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk saya berbahas mengenai pindaan Perlembagaan ini. Sudah tentu pindaan Perlembagaan ini mencerminkan usaha kerajaan dalam memperkukuhkan prinsip keadilan, keamanan dan kestabilan negara. Pindaan ini melibatkan beberapa perkara penting yang akan memberikan impak yang besar kepada kehidupan rakyat dan juga kepentingan kepada negara secara keseluruhan.

Datuk Yang di-Pertua, pertama, saya ingin menyentuh mengenai tentang pindaan yang memperuntukkan hak kewarganegaraan secara sama rata kepada anak-anak yang lahir di luar Persekutuan dengan ibunya pada masa kelahiran itu adalah seorang warganegara. Ini adalah cadangan pindaan yang signifikan. Di mana perkara ini adalah langkah progresif yang memperjuangkan kesamarataan gender serta hak asasi kanak-kanak.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa pada masa ini, hanya kanak-kanak yang dilahirkan di luar Persekutuan dengan bapanya adalah seorang warganegara, diberi hak kewarganegaraan secara automatik. Ini jelas menunjukkan bahawa ketidakseimbangan menyebabkan gambaran implikasi negatif kepada wanita warganegara Malaysia dan keluarga mereka.

Dengan pindaan ini, kita bukan sahaja memartabatkan hak wanita tetapi juga memastikan bahawa setiap kanak-kanak mendapat perlindungan dan identiti yang sah di sisi undang-undang selari dengan Konvensyen Hak Kanak-kanak yang telah diratifikasi oleh Malaysia. Rentetan daripada itu, ibu Warganegara Malaysia terjamin di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Yang di-Pertua, kedua, pindaan ini juga memperkenalkan tentang syarat tambahan bagi wanita bersuami yang memohon kewarganegaraan melalui pendaftaran perlu mempunyai pengetahuan mencukupi dalam Bahasa Melayu. Langkah ini sangat wajar kerana ia sejajar dengan semangat Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Pengetahuan dalam Bahasa Melayu bukan sahaja memastikan pemohon dapat berasimilasi dengan budaya dan masyarakat tempatan, tetapi juga membantu mereka memahami tanggungjawab dan peranan sebagai Warganegara Malaysia. Saya percaya, dengan mengenakan syarat tambahan ini iaitu memiliki pengetahuan mencukupi dalam Bahasa Melayu sebagai syarat permohonan kewarganegaraan.

Bahasa adalah medium penting untuk integrasi dan penglibatan sosial dalam komuniti. Kita dapat melihat pada masa kini, masih ada segelintir lagi rakyat Malaysia tidak mampu menguasai Bahasa Melayu dengan sebaiknya. Sebagai cadangan, kerajaan perlu menyediakan infrastruktur sokongan seperti kursus bahasa bagi membantu mereka yang benar-benar komited untuk menjadi Warganegara Malaysia. Selain itu, mereka juga perlu mematuhi dan mengetahui tentang Rukun Negara.

Datuk Yang di-Pertua, ketiga, pindaan ini juga memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk menahan pendaftaran akuan pelepasan kewarganegaraan jika pelepasan itu memudaratkan keselamatan negara, ketenteraman awam atau kepentingan awam. Ini adalah langkah yang amat penting dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.

Dalam konteks global yang semakin kompleks, ancaman keselamatan boleh datang dalam pelbagai bentuk termasuklah melalui individu yang berniat untuk melepaskan kewarganegaraan demi kepentingan tertentu yang berpotensi menjejaskan kestabilan negara. Dengan pindaan ini, kerajaan mempunyai mekanisme kawalan yang lebih ketat untuk memastikan sebarang keputusan pelepasan kewarganegaraan tidak akan memberi kesan buruk kepada keselamatan negara dan rakyat.

Datuk Yang di-Pertua, kesemua pindaan ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengukuhkan asas Perlembagaan Persekutuan dalam melindungi hak rakyat, mempertahankan kedaulatan negara dan memelihara keamanan. Rang undang-undang pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan kewarganegaraan ini juga adalah satu langkah besar ke arah memperkukuhkan sistem kewarganegaraan negara. Pindaan ini tidak hanya memberikan keadilan kepada mereka yang layak tetapi juga mencerminkan komitmen kerajaan untuk melindungi hak kanak-kanak, menggalakkan kesamaan gender dan mengawal integriti sistem kewarganegaraan.

Justeru, saya menyokong rang undang-undang ini. Namun demikian, pelaksanaan setiap peruntukan ini haruslah disokong oleh mekanisme yang adil, cekap dan telus.

■1430

Hanya dengan cara ini pindaan ini dapat mencapai objektifnya dan membawa manfaat kepada semua pihak. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Dengan ini, dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Suan.

2.30 ptg.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 berkenaan kewarganegaraan ini, pada petang ini. Beberapa perkara penting diambil kira dalam pindaan rang undang-undang ini yang sangat memberi kepentingan kepada hal ehwal kewarganegaraan kita.

Datuk Seri Yang di-Pertua, saya fikir bukan sahaja kita berhasrat untuk menyempurnakan undang-undang yang tidak relevan dengan keadaan semasa tetapi dengan rang undang-undang ini kita dapat menyempurnakan keadaan warganegara kita di mana sahaja mereka berada di dunia ini supaya hidup kita lebih teratur dalam keadaan yang lebih kondusif. Tahniah dan terima kasih kepada Menteri KDN dan juga Timbalan Menteri dan semua warga KDN dalam usaha untuk menguruskan proses pembawaan rang undang-undang ini yang berliku-liku sehingga ke Dewan Rakyat dan akhirnya kembali ke Dewan Negara ini.

Pindaan rang undang-undang ini khusus perkara memperuntukkan hak sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan ataupun luar negara dengan ibunya pada masa kelahiran itu seorang warganegara untuk memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang. Berbanding hanya jika bapanya seorang warganegara telah bermula di Dewan ini sebenarnya sebagai usul khas yang disampaikan oleh rakan kita dahulu iaitu Yang Berhormat Datuk Senator Dr. Zurainah yang duduk di sana dan sekarang duduk sebagai Speaker kita. Tahniah... *[Tepuk]*

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Kalau saya tidak silap pada 11 Ogos 2022. Kini akhirnya, kembali ke Dewan ini untuk dibahaskan dan diluluskan. Ketika itu, kita telah membahaskan rang undang-undang ini dengan panjang lebar dengan harapan semua yang berbahas dengan panjang lebar diambil kira supaya tiada lagi keraguan bagi ibu-ibu warganegara Malaysia yang bersuami bukan warganegara melahirkan anak di luar negara. Mereka layak serta berhak mendapat nikmat kepada undang-undang ini nanti.

Datuk Seri Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini telah mendapat kelulusan Dewan Rakyat. Namun, ramai pihak di luar sana masih tidak menerima dengan rasa senang hati. Malah, ada yang merasa kecewa. Ini adalah kerana beberapa perkara yang tidak diambil kira sebagai mengambil tuntutan keadilan oleh ibu-ibu yang terkesan telah melahirkan anak di luar negara. Pindaan undang-undang yang dinanti-nantikan ini dianggap tidak bersifat adil kepada ibu-ibu warganegara Malaysia yang telah melahirkan anak-anak di luar negara kerana penguatkuasaan pindaan undang-undang ini bukannya berupa retrospektif.

Pada hakikatnya mereka yang menuntut hak undang-undang ini adalah ibu-ibu Warganegara Malaysia yang telah melahirkan anak-anak sekian lama di luar negara. Mereka inilah yang bersusah payah sebenarnya turun naik ke pejabat pihak yang berkuasa untuk mendapatkan pengurusan kewarganegaraan bagi anak-anak mereka. Malah, mereka juga keluar masuk mahkamah, tetapi nampaknya setelah pindaan rang undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan bukan pula mereka yang mendapat hak perundangan ini. Sebaliknya, mereka yang menikmati hak ini adalah ibu-ibu yang akan ataupun yang belum melahirkan anak-anak mereka di luar negara.

Datuk Seri Yang di-Pertua, amatlah rugi andai isu ini tidak diselesaikan. Bahkan, jika diperkirakan melalui data yang dikumpulkan oleh para aktivis dan NGO-NGO, hampir 100,000 anak-anak kita yang sepatutnya mendapatkan hak yang sama akan tertolak. Bukankah prinsip keadilan dan kesaksamaan menjadi asas kepada pindaan rang undang-undang ini? Saya rasa tiada masalah andai kita berikan pertimbangan kepada isu tarikh penguatkuasaan ini. Lagi pula, mereka ini turut mempunyai status dokumentasi yang tidak berbeza dengan mereka yang lahir selepas usul ini dipinda kelak.

Sekiranya kita teruskan tanpa membuat sebarang pindaan usul ini tidak akan efektif membantu mereka yang benar-benar memerlukan. Malah boleh menyebabkan anak-anak yang lahir sebelum penguatkuasaan tarikh ini akan gagal memperoleh hak mereka sebagai warganegara Malaysia. Dengan ini, saya ingin bertanya kepada pihak KDN. Adakah jaminan daripada pihak berkuasa mereka yang terkesan ini akan mendapat kewarganegaraan nanti?

Selain itu, saya juga ingin menyinggung persoalan dalam Fasal 2 yang merujuk kepada anak-anak yang lahir daripada pasangan pemegang status pemastautin tetap ataupun PR, seksyen 1(a) Fasal 2 khususnya wajar dimasukkan elemen tambah. Misalnya, kewarganegaraan sementara agar lambakan isu anak tanpa negara ataupun *stateless* ini tidak melarat daripada faktor ini.

Ini kerana ramai kanak-kanak peribumi yang sepatutnya memiliki pengenalan akan terhalang kerana ayah dan ibu mereka menggunakan kad PR atau IC Merah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat saudara Abun tadi. Ini disebabkan ibu bapa mereka lewat didaftarkan dan sebagainya. Itu tidak menafikan mereka secara hakikatnya adalah warganegara dan peribumi tempatan tetapi disebabkan kecelaruan teknikal pendaftaran, keturunan dan zuriat mereka turut ditimpa masalah pendaftaran ini.

Saya berharap agar mekanisme penyelesaian seperti kelonggaran masa, pendaftaran bergerak dan perkhidmatan atas talian perlu diperkasakan. Ini akan membantu urusan pendaftaran dapat disegerakan. Misalnya kepada anak yang baru dilahirkan di luar negara dan terpaksa diselesaikan pendaftaran sebelum satu tahun. Begitu juga dengan anak-anak yang ditemui secara ataupun *foundling*. Kita berharap status mereka tidak diremehkan kerana secara konsepnya selagi tiada yang mengakui anak tersebut sebagai zuriat mereka, selagi

itulah mereka wajar dianggap sebagai *child of the state,* dengan izin atau anak negara. Jangan dibiarkan mereka juga termasuk dalam kelompok anak-anak *stateless* kelak.

Akhir kata, secara asasnya saya berpendapat usul ini wajar disokong, tetapi sekali lagi saya tekankan kita juga harus menimbang semula beberapa perkara dalam pakej ini yang memerlukan penilaian semula agar tarikh penguatkuasaan pindaan rang undang-undang ini tidak mengabaikan dan tidak mengecewakan ribuan yang berkepentingan.

■1440

Kita mahukan perubahan yang lebih adil dan sesuai dengan prinsip kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan. Sekian, terima kasih, Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih, Yang Berhormat. Dengan ini, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie Muda.

2.40 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan tentang RUU Perlembagaan (Pindaan), warganegara ini.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada keberanian dan komitmen Yang Berhormat Menteri Kementerian Dalam Negeri dalam usaha untuk menyelesaikan isu ini. Usaha yang dimulakan secara agresif sejak Februari 2023 ini melibatkan pelbagai sesi libat urus, penubuhan jawatankuasa khas serta persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu. Ini merupakan bukti nyata bahawa Kerajaan Perpaduan ataupun Kerajaan MADANI ini komited terhadap agenda reformasi.

Melihat perhatian besar masyarakat walaupun sebahagiannya juga masih belum menyedari tentang usaha yang sebegini penting ini, saya mencadangkan supaya kementerian dapat menggandakan usaha-usaha penerangan kerana selepas ataupun semasa dalam proses akta ini diluluskan, ramai lagi yang sebenarnya tidak menyedari. Gunakanlah media-media kita, RTM kita dan sebagainya supaya usaha ini sampai kepada masyarakat.

Saya nak sentuh, yang pertamanya berkait dengan pindaan Fasal 2, Perkara 15 iaitu mengenai syarat pengetahuan Bahasa Melayu. Langkah kerajaan untuk memperkenalkan syarat pengetahuan bahasa Melayu ini adalah wajar dan selari dengan Perkara 16 yang sedia ada.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan adalah penting bukan sahaja untuk komunikasi ataupun bahasa rasmi negara kita, tetapi ia juga sebagai lambang jati diri dan perpaduan negara. Namun, penjelasan lebih terperinci diperlukan mengenai di mana tahap penguasaan ataupun pengetahuan bahasa Melayu yang kita tetapkan sebagai syarat untuk menjadi warganegara ini. Adakah hanya melibatkan soal penulisan ataupun pertuturan dan juga asas pemahaman bahasa ini? Saya harap dapat diperjelaskan oleh Menteri lah.

Kemudian, yang keduanya berkait dengan pindaan Bahagian II dan III, penggantian perkataan “bapa” kepada “ibu” ataupun “bapa”, bagi saya ini satu pindaan yang progresif yang memberikan hak kewarganegaraan kepada bayi yang lahir di mana salah seorang bapanya merupakan warganegara dan ini mencerminkan prinsip kesaksamaan dan keadilan. Namun, isu tempoh permohonan kewarganegaraan masih menjadi cabaran.

Saya berharap, pindaan ini dapat mempercepatkan proses permohonan. Kalau boleh dicadangkan juga supaya kerajaan dapat memperkenalkan notifikasi automatik melalui e-mel ataupun platform lain untuk memaklumkan status terkini permohonan sebab banyak kes mereka yang memohon ini, bertahun-tahun tidak ada apa-apa makluman. Ada tadi saya hubungi, dia orang di tempat saya, enam tahun, dia kata. Tak ada apa-apa makluman dan usaha itu berakhir begitu sahaja.

Yang keduanya, dicadangkan juga supaya diwujudkan *dashboard* ataupun makluman di pejabat pendaftaran daerah masing-masing yang memaparkan jumlah permohonan diterima, yang sedang diproses, yang telah diluluskan ataupun yang ditolak. Ini bagi memastikan ataupun membolehkan rakyat kita sentiasa *alert* dengan proses untuk mendapatkan kewarganegaraan.

Kemudian, yang ketiganya berkait dengan pindaan 19B, Bahagian III mengenai perlindungan kepada kanak-kanak yang ditangkap tanpa warganegara. Langkah kerajaan ini melalui pindaan yang dibuat ini dapat memastikan kanak-kanak yang ditemui, ditinggalkan dianggap sebagai warganegara sehingga dibuktikan sebaliknya dan inilah satu tindakan yang berperikemanusiaan. Satu langkah yang begitu *rahmah* kerana ini dapat mengelakkan kanak-kanak daripada menjadi mereka yang dianggap sebagai *stateless* dan menjamin hak mereka terhadap perlindungan asas.

Namun, persoalan yang timbul mengenai kanak-kanak yang masih belum didaftarkan sebagai warganegara. Bagaimanakah kerajaan akan mengenal pasti golongan ini terutamanya mereka yang kini telah mencapai usia remaja ataupun dewasa? Langkah segera diperlukan untuk memastikan mereka yang mendapat- mereka ini akan dapat akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan yang sewajarnya.

Saya juga ada sedikit pengalamanlah dalam menguruskan mereka yang tidak ada kewarganegaraan ini. Ada kes itu, permohonan dah lebih, saya ingat lebih lapan tahun tetapi tidak dapat diselesaikan hanya kerana sijil lahir dia. Anak ini, mak dia orang Malaysia, ayah dia orang Amerika, lahir di Amerika. Kemudian, datang balik ke negara kita, saya ingat dalam umur Darjah 5, Darjah 6 begitu tetapi sehingga ke hari ini tak dapat didaftarkan sebab sijil lahir dia itu bukan sijil lahir yang asli. Maknanya, yang- hanya salinan. Jadi, bila pergi kepada pejabat pendaftaran, hanya disuruh pergi dapatkan balik. Bagi orang yang mungkin ada kemampuan, dia boleh uruskanlah tetapi bagi orang kampung, yang tidak ada kemampuan

dan sebagainya, perlu ada pegawai ataupun suatu jawatankuasa yang membantu untuk kelompok yang sebegini. Memudahkan urusan mereka.

Jadi, saya juga ingin menarik perhatian kementerian mengenai kritikan ataupun elemen-elemen regresif yang disebut oleh beberapa NGO. Ada tiga perkara yang banyak disebutkan di luar. Tiga pindaan regresif, yang pertama berkait dengan kanak-kanak tanpa warganegara dengan ibu bapa pemastautin tetap, seksyen 1(a) dan dicadangkan supaya mekanisme tambahan diwujudkan untuk memastikan kanak-kanak ini tidak terputus hak kewarganegaraan seperti pemberian status kewarganegaraan bersyarat sementara, sementara menunggu proses lanjut itu disiapkan.

Yang keduanya berkait dengan pengurangan tempoh permohonan kepada – untuk kanak-kanak berumur lebih 18 tahun. Dicadangkan supaya pihak KDN memastikan proses ini disokong dengan panduan pentadbiran yang jelas dan tidak membebankan pemohon. Sebab memang biasa isu kewarganegaraan ini, kalau kita yang di Dewan ini pun mungkin sebahagiannya tidak jelas. Apa lagi, orang yang di kampung, yang tidak ada akses kepada maklumat itu dan malangnya, sesetengah pegawai di pejabat-pejabat ini tidak begitu membantu. Banyaknya disuruh balik dan sediakan dokumen lengkap, tanpa panduan yang sepatutnya.

Kemudian, yang terakhir sekali, risiko pelucutan kewarganegaraan pasangan asing. Dicadangkan supaya syarat-syarat yang lebih ketat untuk mengelakkan pelucutan kewarganegaraan yang bersifat arbitrari dengan melibatkan semakan kehakiman yang jelas. Apa pun, pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah satu usaha yang sangat besar, sangat penting untuk kita membela rakyat ataupun mereka yang sewajarnya mendapat tahap kewarganegaraan ini.

Pindaan-pindaan ini mencerminkan usaha kerajaan dalam melindungi hak dan kebajikan rakyat. Namun, pelaksanaan yang efisien dan telus diperlukan untuk memastikan setiap individu yang layak mendapat hak mereka sebagai warganegara. Usaha ini juga harus disertai dengan sokongan yang sistematik dan langkah proaktif bagi mengatasi cabaran-cabaran yang mungkin akan wujud pada hari yang terkemudian.

Saya ingat, itu sahaja Datuk Seri Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberikan ini. Saya menyokong pindaan RUU ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih, Yang Berhormat. Dengan ini, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim Suleiman.

2.48 ptg.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam Malaysia

MADANI. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan 2024 di Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, RUU Perlembagaan (Pindaan) ini dibacakan buat pertama kali di Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga pada bulan Mac yang lepas. Sebelum diusulkan supaya RUU ini dibawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen oleh Yang Berhormat- dan selepas bacaan yang kedua.

Alhamdulillah. Pada Mesyuarat Ketiga ini, kita telah menyaksikan seramai 70 Ahli Parlimen berbahas dan saya telah teliti sebahagian daripadanya, termasuklah sesi Kamar Khas Dewan Rakyat melalui Usul Peraturan Mesyuarat 17 oleh Yang Berhormat Subang pada bulan Mac yang lalu.

Undian Belah Bahagi Usul ini juga menunjukkan perkembangan yang positif kerana seorang sahaja yang tidak bersetuju dan 14 tidak hadir. Selebihnya, seramai 206 orang bersetuju dan melepasi dua pertiga Dewan Rakyat, seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 159, Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Yang di-Pertua, RUU Perlembagaan (Pindaan) yang telah dibentangkan ini adalah satu pindaan undang-undang yang progresif dan inklusif. Pindaan RUU ini mengimbangi keperluan untuk mengangkat kesaksamaan hak oleh kaum ibu dan dalam masa yang sama, mengetatkan lagi tatacara memperoleh kewarganegaraan bagi melindungi kepentingan hak dan keselamatan negara.

■1450

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri kerana melakukan tugas dengan baik, memimpin sebuah aspirasi untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang tidak mudah untuk disentuh. Pindaan-pindaan dalam Bahagian III terikat dengan Perkara 10(4) dan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan perkenan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu. Ini adalah kerana hak dan keistimewaan bagi kerakyatan adalah anugerah tertinggi yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Isu kewarganegaraan yang membelenggu berabad lamanya di noktah hari ini di Dewan yang mulia. Walaupun pindaan-pindaan ini mungkin tidak 100 peratus menyeluruh, namun jika tiada *political will* yang kuat serta kesungguhan moral tidak akan ada perubahan yang progresif.

Secara keseluruhannya, saya simpulkan RUU Perlembagaan (Pindaan) ini adalah satu usaha menambah baik kaedah pemberian taraf warganegara. Antaranya adalah pindaan terhadap Fasal 1 Perkara 15 yang mengenakan syarat tambahan untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu kepada mana-mana perempuan bersuami taraf warganegara yang membuat permohonan warganegara secara pendaftaran.

Ini adalah penting kerana seorang warganegara ini haruslah boleh berbahasa Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 152.

Komitmen kerajaan dalam meminda Jadual Kedua Bahagian II seksyen 1(b) juga membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan ini sentiasa peka akan kedinamikan sesebuah undang-undang itu perlu berubah mengikut peredaran zaman. Dengan pindaan ini, anak yang dilahirkan oleh wanita warganegara di luar Persekutuan adalah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang. Jaminan tiada penindasan berlaku.

Datuk Yang di-Pertua, saya meneliti jawapan Menteri Dalam Negeri semasa menggulung sesi perbahasan RUU ini di Dewan Rakyat pada 17 Oktober yang lalu, serta merujuk silang dengan jawapan Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam usul persendirian dari Yang Berhormat Subang dalam sesi Kamar Khas Dewan Rakyat berkenaan dengan pindaan Fasal (2) Perkara 26. Pindaan ini adalah di mana kerajaan boleh melucutkan kewarganegaraan perempuan yang menjadi warganegara melalui pendaftaran apabila telah bercerai dalam tempoh dua tahun daripada tarikh pemerolehan kewarganegaraan melalui pendaftaran.

Kebimbangan timbul apabila bolehnya berlaku penindasan apabila perempuan yang dilucutkan kewarganegaraan tadi itu menjadi *stateless* kerana negara kita tidak mengawal dwi warganegara atau *dual citizenship.* Jawapan Timbalan Menteri Dalam Negeri berkenaan perkara ini adalah pindaan ini dibuat adalah untuk memastikan peruntukan Perlembagaan ini dapat dilaksanakan. Maksudnya, kerajaan mahu mengawal keistimewaan yang diterima oleh perempuan yang diberi kewarganegaraan sebab perkahwinan dan menariknya semula jika dalam tempoh dua tahun daripada tarikh perolehan warganegara itu, perempuan itu tadi bercerai selain daripada kematian suami.

Pelucutan kewarganegaraan juga melalui siasatan dan bersifat automatik. Manakala Menteri Dalam Negeri dalam jawapannya menyatakan bahawa perkara ini tidak akan berlaku kerana Fasal 2 Perkara 26B telah jelas sebut dan tiada seorang pun dilucutkan kewarganegaraan di bawah Perkara 25 perenggan (b) Fasal (1) Perkara 26 atau Perkara 26A jika kerajaan berpuas hati bahawa akibat dari pelucutan ini dia tidak akan menjadi warganegara mana-mana negara.

Persoalan saya ada dua dan saya harap dapat berikan jawapan yang tuntas. Pertama, jika seseorang perempuan itu sudah dapat warganegara dan negara kita tidak amalkan dwi warganegara, apakah hala tuju pindaan ini atau kewujudan Perkara Fasal (2) Perkara 26 ini jika Fasal (2) Perkara 26B menghalangnya? Bagaimanakah Menteri nak pastikan undang-undang ini dapat dilaksanakan?

Kedua, Fasal (2) Perkara 26B hanya sebut secara spesifik menghalang pelucutan kewarganegaraan di bawah perenggan (b) Fasal (1) Perkara 26 tidak meliputi Perkara (2), Perkara 26 yang dipinda ini. Dengan kata lain, Perkara 26B(2) ini tidak melindungi perempuan

yang boleh dilucutkan kewarganegaraan sehingga menjadi *stateless* dalam Perkara (2) Perkara 26.

Seperkara lagi, jika ia diluluskan maka saya harap badan-badan pelaksana ini dapat melaksanakan tugas dengan baik. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Zurainah yang menyatakan bahawa proses permohonan ini kadang-kadang badan pelaksananya tidak menepati ciri-ciri dan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Begitu juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Mohd Hasbie tadi yang menyatakan bahawa kadang-kadang tidak ada pemantauan ataupun tidak ada *feedback* daripada badan-badan pelaksana terhadap pemohon-pemohon sehingga ianya terbiar selama lebih daripada tiga hingga enam bulan. Ini akan menyulitkan proses permohonan yang telah dipohon sebegitu lama.

Datuk Yang di-Pertua, dengan soalan saya tadi saya menutup ucapan bahas saya bagi RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024. Tahniah dan syabas sekali lagi buat Menteri dan Timbalan Menteri serta semua kakitangan Kementerian Dalam Negeri. Dengan ini, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih, Yang Berhormat. Dengan ini dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

2.57 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, Datuk Seri Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya mulakan perbahasan saya dengan turut mengungkapkan keperluan dan juga hasrat kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri akan hakikat bahawa kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Perlembagaan Persekutuan.

Dengan demikian, usul pindaan ini tentulah berkait rapat dengan hasrat untuk memastikan bahawa kewarganegaraan tidak diberikan secara sewenang-wenangnya atau menurut ungkapan salah seorang Senator tadi sebagai suatu pesta pemberian kewarganegaraan. Ini saya kira hasrat yang perlu menjadi landasan sokongan kita.

Demikian juga menghayati ucapan Timbalan Menteri pada awal itu tadi iaitu bahawa tersurat nilai-nilai atau tersirat nilai-nilai kemanusiaan khususnya pada nasib anak-anak wanita yang perlu mendapat taraf kewarganegaraan. Jadi, saya kira dengan dua landasan atau premis itu, izinkan saya untuk terus memberikan perhatian pada perkara-perkara secara spesifik.

Pertama berkaitan dengan Fasal (2) yang telah banyak juga disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat itu tadi iaitu keperluan untuk mengenakan syarat tambahan bagi pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu pada mana-mana perempuan bersuami yang membuat permohonan kewarganegaraan melalui pendaftaran.

Saya secara peribadi juga dan penglibatan lebih 40 tahun dalam usaha mendaulatkan bahasa kebangsaan tentu memberikan dukungan yang kuat dan penuh pada tambahan syarat ini. Namun demikian, seperti juga yang disuarakan oleh rakan-rakan, saya berharap bahawa pernyataan bukan sekadar satu pernyataan di atas kertas. Apa yang penting ialah apakah langkah susulan untuk memastikan bahawa syarat ini terlaksana secara operasional.

Kita menyaksikan agak banyak undang-undang yang sedia ada di negara kita ini yang tidak disusuli dengan pelaksanaan ataupun penguatkuasaan. Saya harap bahawa KDN akan berikan perhatian berat pada langkah susulan secara praktis dan operasional untuk maksud yang tersebut.

Hal ini juga ada kaitan dengan soal yang saya sentuh di- walaupun tidak ada kaitan pindaan pada hari ini tapi terkait dengan soal ketentuan yang telah sedia ada dalam Perkara 16 dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang menyebut keupayaan menguasai asas bahasa kebangsaan dan Perkara 16. Perkara 19 mempunyai kemahiran ataupun pengetahuan yang mencukupi.

■1500

Dua hal itu pun selalu dibincangkan, apakah takrif ataupun makna kemahiran bahasa yang asas ataupun yang mencukupi? Saya berharap bahawa Kementerian Dalam Negeri harus merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam soal ini supaya kita dapat menentukan satu aras tentang kemahiran bahasa yang disyaratkan bagi memenuhi Fasal (2) rang undang-undang ini.

Saya juga menyokong kenyataan beberapa orang Yang Berhormat sebelum ini bahawa perlu ada susulan dalam konteks penyediaan modul-modul kursus yang sesuai bagi warganegara yang telah menerima kurnia itu melalui penyusunan modul-modul di Dewan Bahasa dan Pustaka ada akademi DBP yang memang khusus memberikan latihan bahasa sastera dan penulisan. Maka saya berharap KDN akan bekerja rapat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam konteks ini. Dengan kemudahan program aplikasi atas talian saya kira program ini dapat dilaksanakan dengan agak praktis dan mudah.

[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya tentang hal ini juga saya menyokong dan mendukung pandangan berapa orang Yang Berhormat tadi tentang keperluan menambah syarat kewarganegaraan, ini bukan sahaja soal bahasa tapi penguasaan unsur-unsur kenegaraan lain. Soal patriotisme, soal disiplin dan pelbagai aspek yang lain yang tadi disebut oleh salah seorang Yang Berhormat supaya diadakan satu orientasi sivik bagi memenuhi keperluan warganegara yang faham akan makna menjadi warganegara Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya tentang perkara yang berkaitan dengan Fasal 5 iaitu tentang keperluan untuk mengangkat sumpah bagi mereka yang telah menerima anugerah kewarganegaraan sebelum 18 tahun iaitu dalam tempoh 48 bulan. Pertanyaan saya kepada kementerian, apakah rasional 48 bulan ataupun empat tahun dalam soal keperluan mengangkat sumpah ini? Adakah tempoh itu diberikan atas alasan atau lunas-lunas tertentu? Adakah itu tidak terlalu lama kerana anugerah kewarganegaraan seperti yang telah diakui oleh semua orang suatu yang tertinggi? Jika ada keseriusan pihak yang menerima anugerah itu maka, apakah perlu kita menunggu 48 bulan untuk keperluan mengangkat sumpah itu?

Seterusnya juga perkara berkaitan dengan Fasal 7 iaitu untuk menahan pendaftaran akuan pelepasan kewarganegaraan mana-mana orang jika pelepasan itu memudaratkan keselamatan Persekutuan dan seterusnya seperti yang diungkapkan dalam Perkara 6 dalam RUU ini. Pertanyaan saya ialah apakah tindak susulan untuk memastikan bahawa orang yang ditahan pendaftaran akuan pelepasan itu yang mungkin disyaki memudaratkan negara? Telah dikurniakan kewarganegaraan tetapi disyaki untuk melepaskan kewarganegaraan itu, mungkin terlibat dengan soal keselamatan negara? Apakah secara spesifik langkah kementerian, langkah susulan terhadap individu-individu yang berkaitan dengan soal itu?

Seterusnya dalam Fasal 8 iaitu tentang peruntukan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh melucutkan kewarganegaraan mana-mana perempuan warga asing yang bersuami, yang memperoleh kewarganegaraan jika perkahwinan terbatal secara ringkasnya begitu. Walaupun saya melihat fasal ini ataupun cadangan ini sebagai sesuatu yang mendukung nilai-nilai kewarganegaraan yang tinggi tetapi seperti juga yang telah disuarakan oleh beberapa orang rakan itu tadi, perlu difikirkan apakah implikasi daripada cadangan pindaan ini.

Apakah implikasi seperti yang disebut tadi kepada anak-anak orang yang dilucutkan kewarganegaraan kerana dia telah mengalami perpisahan ataupun penceraian dengan suaminya? Ada juga kemungkinan wanita yang bercerai itu mendapat jodoh dengan warganegara yang lain. Jadi, adakah ia akan perlu memohon sekali lagi untuk menjadi warganegara kerana berkahwin semula dengan seorang warganegara Malaysia yang lain?

Tentang Fasal 11 iaitu- atau saya terus kepada soal yang berkaitan dengan fasal meminda seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan bahawa undang-undang kanak-kanak baru lahir dan dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya telah lahir di tempat itu dan ibunya ialah seorang warganegara. Saya kira ini suatu pernyataan yang tinggi nilai kemanusiaannya tetapi perlulah juga disusuli dengan langkah-langkah operasional, langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan kemudahan peruntukan itu.

Dato' Yang di-Pertua saya mengakhiri perbahasan ini dengan memberikan sokongan tetapi juga dengan catatan agar semua pandangan, pertanyaan dan cadangan itu diberi

perhatian dalam rangka memantapkan rang undang-undang ini supaya menjadi suatu undang-undang yang cukup utuh. Di samping itu, terus memikirkan langkah-langkah penyelesaian birokrasi dan sebagainya termasuk soal memastikan bahawa tidak ada penduduk di negara ini yang tanpa warganegara, yang tadi disebut berkaitan dengan peribumi bumiputera dan yang lain-lain. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

3.07 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) berkenaan isu kewarganegaraan di Dewan yang mulia ini. Terdahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana memberi perhatian serius dan seterusnya menyiapkan RUU untuk dibentangkan bagi menangani isu kewarganegaraan. Saya ingin menyuarakan beberapa kebimbangan dan persoalan berkenaan pindaan-pindaan tersebut.

Pertama saya menyahut baik pindaan kepada seksyen 1(b) dan 1(c) Jadual Kedua Bahagian II Perkara 14 untuk membenarkan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara jikalau salah satu ibu atau bapa pada masa kelahiran adalah Warganegara Malaysia mendapat warganegara melalui kuat kuasa undang-undang. Ini menandakan langkah penting dalam usaha mencapai kesaksamaan jantina. Maknanya, peruntukan berkaitan anak-anak kepada ibu warga Malaysia yang dilahirkan di luar negara tidak akan berkuat kuasa secara retroaktif. Dengan itu saya mohon supaya pihak kementerian mempertimbangkan untuk menjadikan pindaan ini secara retroaktif.

Kedua, pindaan kepada Fasal 2, Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan had umur permohonan kewarganegaraan dari 21 tahun kepada 18 tahun mestilah diperincikan. Saya difahamkan bahawa terdapat kelewatan birokrasi dan rayuan yang ambil masa bertahun-tahun, pada lazimnya lima hingga 10 tahun untuk memproses kewarganegaraan yang sedia ada sebelum pemohon memperoleh keputusan yang lazimnya tidak berjaya tanpa sebarang penjelasan. Jadi, apakah langkah-langkah khusus yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menangani masalah kelewatan birokrasi demi mempercepatkan pemprosesan permohonan terutama dalam tempoh masa setahun bagi permohonan kewarganegaraan yang sedia ada seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri?

■1510

Persoalan seterusnya saya ingin minta penjelasan mengapa kadar kelulusan permohonan kewarganegaraan adalah sangat rendah? Mengapa pihak pemohon tidak dimaklumkan dan diberi penjelasan permohonan tersebut gagal? Seterusnya saya ingin mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan satu garis masa untuk mengubah dengan izin SOP bagi memaklumkan pihak pemohon mengapa permohonan mereka ditolak.

Yang ketiga, pindaan kepada seksyen 1(a) Jadual Kedua, Bahagian II Perkara 14 yang memperuntukkan bahawa anak-anak yang lahir di Persekutuan sekiranya ibu atau bapa pemastautin tetap tidak akan mendapat warganegara melalui kuat kuasa undang-undang. Ini adalah pindaan yang amat regresif dan akan mengekalkan kitaran tanpa kewarganegaraan yang diturunkan dari satu generasi ke-generasi seterusnya memburukkan lagi masalah tanpa kewarganegaraan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri mengkaji semula penyingkiran hak automatik kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada penduduk tetap.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan memohon agar pihak kerajaan memberi penjelasan kepada persoalan-persoalan saya dan seterusnya mempertimbangkan semula beberapa pindaan yang dianggap regresif. Akhir kata secara keseluruhannya, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali.

3.12 ptg.

Tuan Amir bin Md. Ghazali: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Yang dihormati lagi dikasihi Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli Dewan yang saya banggakan. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, pertama sekali ucapan tahniah dan syabas kepada Menteri Kementerian Dalam Negeri, Majlis Raja-Raja dan semua kementerian serta agensi yang terlibat dalam sesi libat urus mentafsirkan dan meminda semula Rang Undang-undang Perlembagaan 2024 ini agar ianya memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang terlibat secara langsung, semestinyalah mereka ini yang lebih mengetahui dan merasai kesan pancaroba dan cabaran-cabaran yang telah mereka harungi.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini juga, saya ingin turut sama merakamkan kesempatan ini untuk merakamkan sanjungan budi serta penghormatan tinggi kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak kerana memulakan insentif secara progresif dan diplomasi dengan kementerian-kementerian yang

lain semasa tahun 2019 semasa beliau menjawat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Wanita pada ketika itu.

Keprihatinan beliau terhadap perkara ini mungkin lahir dari *dhomir* seorang ibu. Empati yang wujud tatkala banyak kes berkaitan warganegara yang perlu ada kekuatan politik, *political will* terkait dengan masa depan anak-anak dan wanita yang amat dekat hati beliau. Mungkin semangat itu diambil oleh tokoh emansipasi, Raden Ajeng Kartini atau lebih dikenali sebagai Kartini dalam naskhah besar iaitu *Habis Gelap Terbitlah Terang*, sebuah naskhah agung daripada tokoh nasionalis Indonesia.

Kita memahami apabila setiap kelahiran di Malaysia ini tidak membenarkan seorang individu memperoleh kewarganegaraan secara automatik apatah lagi anak yang dilahirkan di luar negara malah membabitkan kategori-kategori lain seperti anak tidak sah taraf, anak angkat, anak yang dilahirkan di luar negara daripada perkahwinan antarabangsa dan kanak-kanak terbiar tanpa identiti, *stateless*. Dalam ruang yang- Dewan yang mulia ini, beliau juga pada hari ini menyambut hari kelahiran. Selamat hari kelahiran kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Hari ini langkah kerajaan meminda Rang Undang-undang Perlembagaan ini bagi tujuan memudahkan proses mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak-anak yang lahir daripada ibu luar negara adalah tepat pada masanya. Ini juga merupakan usaha yang dinamik dan langkah yang bijak dari Kerajaan MADANI bagi memberi keadilan, kemanusiaan serta memaknai insan rabbani yang menjadi dasar penggerak dasar negara. Kepada wanita-wanita yang menghadapi masalah ini sejak sekian lama, menanggung derita akibat daripada undang-undang yang tidak membenarkan perkara ini dilaksanakan sebelum ini.

Dato' Yang di-Pertua, pindaan Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan iaitu daripada perkataan asalnya "bapa" kepada "ibu dan bapa". Pindaan ini telah memecahkan ketidaksamarataan gender. Isu ini telah dibangkitkan oleh pelbagai golongan. Golongan-golongan awam, persatuan-persatuan dan daripada pihak kerajaan mahupun pertubuhan-pertubuhan yang memainkan- yang memperjuangkan isu-isu ini.

Selaras dengan hak kesamarataan yang dinyatakan dalam Artikel 8 hak yang sama antara lelaki dan wanita satu keberanian dan pujian harus diberikan kepada Menteri dan Kerajaan MADANI. Pindaan ini penting susulan pelbagai isu membabitkan pemohon yang mahu mendaftar kewarganegaraan terpaksa menunggu lama malah ada yang sehingga puluhan tahun berikutan halangan dan kekangan beberapa peruntukan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut memberi penegasan kepada beberapa perkara penting termasuk penggunaan bahasa Melayu dan hak asasi golongan wanita dalam mendapatkan kewarganegaraan untuk anak mereka selaras dengan kesaksamaan gender yang ditekankan dalam Perlembagaan. Mohon pencerahan berkaitan

Perkara 15(1), pindaan subseksyen (c) berkaitan pengetahuan yang mencukupi dalam bahasa Melayu.

Antara pemastautin tetap (PR) dan anak yang tinggal di luar negara, apakah penarafan dan kaedah yang digunakan untuk memastikan tahap penguasaan Bahasa Melayu sedangkan situasi antara kedua-duanya jauh berbeza. Generasi yang berada di dalam Malaysia dan juga generasi yang berada di luar negara itu tentulah berbeza. Ini semestinya mendapat perhatian yang khusus daripada kerajaan.

Yang kedua tentang jumlah warganegara yang mungkin menjadi warga Malaysia. Sekiranya anak itu dilahirkan di Amerika Syarikat, di United Kingdom, di *Japan* negara-negara maju mahu kah dia kembali ke negara Malaysia? Mungkin negara-negara di dunia-dunia ketiga. Jadi, saya mohon kementerian memberi satu salinan ataupun jumlah negara-negara manakah yang menjadi permohonan daripada keluarga tersebut.

Apakah kaedah dan syarat pengurusan yang perlu diberi pada warganegara asing kepada lelaki warganegara bagi memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1) selain status sedia ada sebagai pemastautin tetap? Dato' Yang di-Pertua, kewarganegaraan adalah simbol utama dalam pembentukan sesebuah negara. Identiti warganegara akan mencorakkan identiti nasional sebagaimana sejarah panjang kemerdekaan negara, hal kewarganegaraan di bahas panjang sebelum memutuskan bentuk dan cara syarat kewarganegaraan sebagai sebuah negara bangsa.

Warganegara adalah anugerah tertinggi. Bagaimana dan kaedahnya kerajaan harus menjadikan golongan ini sebagai warganegara yang bertanggungjawab sebagai rakyat yang taat setia mendukung prinsip Rukun Negara dan menjulang kedaulatan negara.

■1520

Yang terakhir, pindaan akta ini dengan sendirinya mencerminkan iltizam kerajaan dalam mempertahankan identiti negara dan melindungi keluhuran perlembagaan. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md. Ghazali. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Nelson W Angang.

3.20 ptg.

Datuk Nelson W Angang: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan ini. Rang undang-undang pindaan Perlembagaan ini adalah sangat penting. Saya memuji pihak kerajaan dan pihak kementerian yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan RUU pindaan Perlembagaan ini dapat dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah

kepada pihak Menteri dan Timbalan Menteri atas usaha mereka walaupun mereka tidak hadir di Dewan yang mulia ini pada ketika ini.

Secara dasarnya, pindaan RUU ini baik dan memberikan keadilan lebih-lebih lagi kepada kaum wanita dan ibu. Terdapat pandangan bahawa pindaan ini adalah tidak adil bagi mereka yang sebenarnya adalah penduduk asal walaupun ibu bapa mereka memegang pas pemastautin tetap yang mana kes-kes seperti ini wujud di kawasan pedalaman Sabah. Memandangkan pindaan RUU ini akan memerlukan anak-anak pemegang pemastautin tetap untuk memohon kewarganegaraan secara pendaftaran dan bukan lagi melalui kuat kuasa undang-undang.

Saya mencadangkan agar pihak kerajaan mengambil pendekatan atau perhatian khas terhadap kes-kes seperti ini kerana dalam proses permohonan seperti ini fakta pemohon akan menunjukkan bahawa status ibu bapa pemohon adalah sebenarnya merupakan penduduk asal Sabah. Namun, apa yang lebih penting wujud ketelusan atau *transparency* dalam penilaian proses permohonan pendaftaran kewarganegaraan ini. Kebanyakan rungutan dan aduan berkaitan dengan proses permohonan kewarganegaraan ini adalah ia sangat lambat, lemah dan tiada ketelusan- *transparency* dalam proses ini.

Jika pihak kerajaan boleh menyatakan atau menunjukkan ketelusan dalam proses mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan ini, saya pasti kebanyakan daripada aduan ketidakpuasan hati serta tuduhan yang dilemparkan akan terhenti atau berkurangan. Apa yang membimbangkan di Sabah adalah masalah kehadiran pendatang tanpa izin, pemegang Kad IMM13, Kad Burung-Burung dan kad Banci yang sangat ramai dan saya percaya sehingga kini pihak kerajaan masih belum mempunyai jumlah yang sebenar berapa ramai kah golongan ini.

Kita sering kali mendengar dan mendapat statistik yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan namun adakah pihak kerajaan benar-benar pasti dan yakin itu adalah jumlah sebenar kehadiran mereka di Sabah? Tidak dapat dinafikan wujud situasi di mana anak-anak kepada pendatang tanpa izin dan pemegang-pemegang dokumen-dokumen ini dilahirkan di Sabah dan kelahiran mereka tidak direkodkan.

Di dalam Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Sabah pada tahun 2012 mengesahkan terdapat warga asing yang telah mendapatkan kad pengenalan dan telah mengundi di dalam beberapa pilihan raya. Jika perkara seperti ini boleh berlaku di mana kad pengenalan atau kewarganegaraan boleh diperoleh menerusi cara yang tidak sah, kita tidak juga boleh menolak kemungkinan bahawa status pemastautin tetap juga diperoleh bukan melalui proses perundangan yang sepatutnya atau melalui cara yang sah. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri berkenaan dengan kategori pemastautin tetap yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Dalam jawapan Timbalan Menteri pada sidang Kamar Khas pada 17 Oktober 2024 menyatakan terdapat empat kategori pemastautin tetap iaitu yang pertama- kategori pertama merangkumi warganegara asing yang memiliki dokumen perjalanan yang sah dan telah diluluskan permit masuk oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Kategori kedua pula melibatkan warganegara asing yang telah menetap di Tanah Melayu sebelum dan selepas Hari Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Kategori ketiga melibatkan warganegara asing yang telah menetap di Sabah dan Sarawak sebelum dan selepas Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Kategori keempat adalah warga asing yang telah diambil sebagai anak angkat oleh Warganegara Malaysia sebelum tahun 2010.

Saya ingin bertanya berkenaan dengan kategori yang ketiga yang mana warganegara asing yang telah menetap di Sabah sebelum dan selepas Pembentukan Malaysia. Apakah yang dimaksudkan warganegara asing yang menetap selepas Pembentukan Malaysia? Adakah terdapat di kalangan pemegang dokumen IMM13, Kad Burung-Burung dan Kad Banci atau anak-anak mereka telah diberikan status pemastautin tetap? Memandangkan kategori pertama adalah warganegara asing yang memiliki dokumen perjalanan yang sah yang mana juga bermaksud mereka mempunyai dokumen yang sah daripada negara asal mereka dan telah masuk ke negara ini secara sah.

Jawapan selanjutnya daripada Timbalan Menteri dalam sidang Kamar Khas itu juga menyatakan bagi kategori kedua, ketiga dan keempat, kerajaan komited dalam mempermudah dan mengutamakan proses permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A dan Perkara 19 melalui naturalisasi. Jika bagi warga asing pemastautin tetap yang diberikan sebelum Merdeka atau sebelum Pembentukan Malaysia, Perkara 15A memang tidak terpakai kerana sudah pasti umur mereka sudah melebihi 21 tahun pada ketika ini.

Namun, persoalannya adalah daripada segi konteks bagi Sabah selepas Pembentukan Malaysia 16 September 1963 dalam kategori ketiga pemastautin tetap yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri. Kita memahami keperluan untuk mencari penyelesaian yang tuntas kepada permasalahan kehadiran warga asing di Sabah yang sudah lama. Namun, mekanisme tersebut perlulah telus, jelas dan adalah mengikut peruntukan undang-undang negara.

Saya juga ingin merujuk kepada undang-undang dan akta yang berkait dengan pindaan RUU pindaan Perlembagaan ini. Antara undang-undang yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan yang mungkin ada keperluannya untuk dipindakan adalah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 bagi Sabah. Dalam sidang Kamar Khas yang sama bertarikh 17 Oktober 2024, Timbalan Menteri juga telah menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk membuat pindaan terhadap Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian bagi negeri Sabah.

Saya percaya antara cadangan yang dibuat adalah untuk meminda seksyen 22(3) ordinan ini yang mana seksyen ini memperuntukkan mana-mana kelahiran yang didaftarkan selepas 42 hari akan didaftarkan sebagai pendaftaran lewat atau *late registration*. Mana-mana pendaftaran lewat ini satu prosiding atau *inquiry* mahkamah perlu dibuat di hadapan majistret untuk mengesahkan dan memastikan bahawa kes-kes pendaftaran lewat ini adalah *genuine* dan tiada unsur-unsur penipuan atau dengan izin, *fraudulent claims*.

Saya tidak perlu mengulangi ataupun menjelaskan betapa kritikalnya masalah kehadiran warga asing di Sabah di kalangan pendatang tanpa izin dan pemegang dokumen-dokumen seperti IMM13, Kad Burung-Burung dan kad Banci. Apa yang nyata cabaran dan permasalahan ini adalah unik hanya pada Sabah dan tidak kepada negeri-negeri lain di Malaysia.

Seksyen 23(3) ordinan ini adalah sangat penting dan perlu dikekalkan. Kesahihan sijil kelahiran seorang pemohon adalah amat penting dalam proses permohonan dan pertimbangan kewarganegaraan. Saya boleh nyatakan dengan adanya peruntukan seksyen 22(3) ordinan ini merupakan satu *safeguard* yang amat penting dan kritikal dalam memastikan pendaftaran lewat ini dapat disahkan kesahihan permohonannya. Terdapat juga cadangan buat tempoh dikira sebagai pendaftaran lewat daripada 42 hari dilanjutkan kepada 90 hari.

■1530

Dengan melanjutkan pendaftaran lewat kepada 90 hari ini, dengan izin, *this will defeat the intention of encouraging people to register their birth within time* atau untuk menggalakkan pendaftaran kelahiran baharu dalam masa yang sepatutnya.

Dalam sidang Kamar Khas yang sama juga, Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa Peguam Besar Negeri Sabah dan pihaknya tiada mempunyai halangan terhadap cadangan pindaan yang telah dimaklumkan tersebut dan menjelaskan secara ringkasnya terdapat 35 seksyen yang dipinda, 40 seksyen peruntukan baharu, 26 seksyen kekal dan 13 seksyen yang dimansuhkan.

Saya memetik satu laporan akhbar, *The Daily Express* bertarikh 1 Disember 2024 bertajuk, *"Amendment to do away with court verification for late birth registrations. No decision by State Government: AG."* Dalam laporan akhbar ini, memetik Peguam Besar Negeri Sabah telah menjelaskan bahawa cadangan untuk meminda Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Pihak JPN telah meminta pandangan daripada Kerajaan Sabah berkaitan perkara ini.

Peguam Besar Negeri Sabah menjelaskan bahawa beliau telah menghantar surat bertarikh 12 November 2024 kepada pihak JPN berkaitan dengan pendirian Kerajaan Negeri Sabah yang mana menjelaskan kerajaan negeri hanya akan memberikan jawapan dan menyatakan pendirian mereka setelah mendapat pandangan dari Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Bahkan, ini adalah kerana cadangan untuk memansuhkan seksyen 22(3)

ordinan tersebut yang mana proses inkuiri permohonan pendaftaran lewat di hadapan Majistret Kelas Pertama.

Peguam Besar Negeri Sabah juga menyatakan, beliau juga telah menghantar surat bertarikh 20 November 2024 kepada pihak JPN dengan menyatakan bahawa pendirian Kerajaan Negeri Sabah berkenaan dengan cadangan pindaan ini perlu dibawa ke Kabinet Negeri Sabah terlebih dahulu untuk memutuskan perkara ini. Kenyataan Peguam Besar Negeri Sabah ini adalah hasil daripada kenyataan ataupun jawapan yang dibuat oleh Timbalan Menteri dalam sidang Kamar Khas bertarikh 17 Oktober yang saya telah nyatakan.

Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan perkara ini. Adakah pihak kerajaan masih berniat untuk meneruskan pindaan terhadap Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah? Jika cadangan untuk meminda dan memansuhkan peruntukan permohonan pendaftaran lewat didengar dan diendors oleh majistret dimansuhkan dan hanya perlu dibuat di peringkat JPN dengan izin, *with respect* dalam situasi cabaran isu kehadiran warga asing yang unik hanya di Sabah, terdapat kekhuatiran kemungkinan wujud risiko berlakunya pendaftaran lewat yang tidak sepatutnya dibuat dan disahkan. Ini bukanlah bertujuan menuding jari. Tidak sama sekali.

Namun, kita tidak mahu sejarah berulang seperti sebelum ini di mana dalam Laporan RCI Sabah 2012 sendiri telah mengesahkan berlakunya pemberian kad pengenalan bukan secara sah telah dibuat kepada golongan warga asing yang tidak layak untuk menerimanya, bahkan mereka juga telah mengundi di dalam beberapa pilihan raya umum sebelum ini. Malah dalam beberapa tahun ini, terdapat penangkapan dan pertuduhan di mahkamah, keterlibatan pegawai-pegawai dari agensi atau jabatan yang berkenaan dalam sindiket menjual kad pengenalan kepada warga asing.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat, panjang lagi, kah?

Datuk Nelson W Angang: Secara dasarnya- *yes, yes*. Secara dasarnya, saya menyokong...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ringkaskan ya.

Datuk Nelson W Angang: RUU ini. Namun, saya mengharap pihak kerajaan memberikan penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang telah saya utarakan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Nelson W Angang.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead.

3.34 ptg.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Selamat petang. Yang dimuliakan Tuan Speaker dan barisan Ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati.

Hari ini, kita membincangkan tentang rang undang-undang kewarganegaraan yang saya fikir satu langkah yang sangat penting untuk memastikan setiap individu di negara kita tanpa mengira umur atau latar belakang mendapat hak kewarganegaraan yang setimpal. Hal ini merangkumi bukan sahaja kanak-kanak yang terpinggir, tetapi juga golongan dewasa dan mereka yang tertinggal tanpa status kewarganegaraan termasuklah mereka yang dilahirkan di negara ini atau yang telah lama tinggal di Malaysia.

Saya menyokong usaha-usaha kerajaan di bawah pindaan ini kerana saya melihat perkara ini memberikan lebih banyak keuntungan secara amnya. Tiga perkara yang menarik perhatian saya adalah seperti berikut.

Pertama, berkenaan dengan kesaksamaan jantina. Sebelum ini, hanya bapa Warganegara Malaysia yang boleh memberikan kewarganegaraan secara automatik kepada anak yang lahir di luar negara. Dengan pindaan ini, ibu Warganegara Malaysia kini juga akan diberikan hak yang sama. Memastikan anak mereka yang lahir di luar negara layak mendapatkan kewarganegaraan secara undang-undang.

Kedua, menyentuh tentang proses permohonan had masa baharu. Tempoh pendaftaran permohonan kewarganegaraan akan ditetapkan selama satu tahun. Langkah yang bertujuan untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak dan mempercepatkan keputusan untuk permohonan baharu seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Ketiga, menyentuh tentang penurunan had umur. Had umur minimum untuk memohon kewarganegaraan dikurangkan dari 21 tahun kepada 18 tahun sejajar dengan status antarabangsa dan hak golongan dewasa muda.

Tuan Speaker, kita- semua sedia maklum hak kewarganegaraan adalah hak yang terkandung dalam prinsip hak asasi manusia. Menurut Perlembagaan Persekutuan, setiap individu berhak untuk memperoleh perlindungan undang-undang dan kebajikan sebagai warganegara. Namun, di Malaysia terdapat golongan dewasa terutamanya kanak-kanak yang walaupun dilahirkan atau tinggal di negara ini, tetapi tidak dapat kewarganegaraan kerana pelbagai sebab.

Pemberian kewarganegaraan kepada golongan ini akan memberi mereka peluang untuk hidup secara bermaruah, memperoleh pendidikan yang baik serta bekerja secara sah dalam negara ini tanpa rasa takut akan standard mereka. Apa yang lebih penting juga, mereka tidak akan dieksploitasi dan didiskriminasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Tanpa kewarganegaraan, mereka sering tertinggal daripada peluang pekerjaan, pendidikan, akses kepada perkhidmatan kesihatan serta tidak dapat menikmati hak sivil yang sepatutnya diterima oleh setiap rakyat Malaysia.

Menurut kajian, terdapat lebih 300,000 orang kanak-kanak di Malaysia yang tidak mempunyai kewarganegaraan. Saya percaya julat ini lebih besar kerana isu kewarganegaraan ini sangat rumit. Sebahagian besar daripada mereka lahir di Malaysia,

tetapi ibu bapa mereka mungkin tidak memenuhi syarat untuk membolehkan anak mereka mendapatkan kewarganegaraan. Ini lah satu isu yang amat mendalam kerana mereka dilahirkan di negara ini, membesar di sini, tetapi tidak dapat menikmati hak-hak asas yang sepatutnya mereka terima sebagai warganegara.

RUU kewarganegaraan ini langkah yang sangat penting dalam memastikan bahawa tiada seorang pun kanak-kanak yang terpinggir ini daripada peluang pendidikan, perubatan dan perlindungan sosial. Dengan memberi mereka kewarganegaraan, kita memberi mereka harapan dan peluang untuk berbakti kepada negara ini, sekali gus menyumbang kepada kemajuan negara dalam berbagai-bagai sektor.

Dato' Speaker, saya berpendapat, memberikan kewarganegaraan bukan hanya soal keadilan sosial, tetapi juga soal pembangunan ekonomi yang berterusan. Golongan yang tidak memiliki kewarganegaraan menghadapi halangan besar dalam menyumbang kepada ekonomi negara kita. Mereka tidak dapat bekerja dengan sah dan ini menjadikan mereka tidak dapat berfungsi sepenuhnya dalam masyarakat. Selain itu, kemungkinan mereka di diskriminasi dan kemungkinan mereka dieksploitasi oleh majikan-majikan juga tinggi.

Dengan memberikan kewarganegaraan, kita membuka peluang kepada mereka untuk menyumbang lebih banyak kepada ekonomi negara. Sebagai contoh, mereka boleh menyertai tenaga kerja rasmi, membuka peniagaan dan memanfaatkan kemudahan sosial seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tersebut, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan serta mengukuhkan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, saya ada beberapa persoalan. Melalui pindaan ini, kanak-kanak baharu lahir yang dijumpai dan ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya telah lahir di tempat itu dan ibunya ialah seorang- kewarganegaraan. Apa yang membimbangkan saya ialah akan timbul kes kanak-kanak baharu lahir yang dijumpai di sempadan Sarawak memandangkan Sarawak mempunyai sempadan yang panjang.

Soalan nombor dua. Menurut laporan, permohonan yang paling tinggi melibatkan anak tidak sah taraf, anak angkat, anak jagaan dan 19(1) nasionalisasi.

■1540

Apa yang banyak berlaku sekarang terdapat kes-kes di mana pasangan warga asing yang bekerja di sektor pertanian yang tidak berkahwin secara sah memberi anak-anak mereka kepada orang kampung untuk diangkat. Persoalan saya, apakah langkah-langkah persediaan kerajaan untuk mengawal kejadian seperti ini berlaku?

Sebagai penutup, pindaan RUU ini merupakan langkah signifikan ke arah memperkukuh prinsip kesaksamaan, keadilan sosial dan hak asasi manusia di Malaysia. Pindaan ini bukan saja menyelesaikan isu ketidaksamarataan jantina dalam pemberian

kewarganegaraan, tetapi juga memberikan harapan kepada golongan yang selama ini terpinggir termasuk anak-anak tanpa negara. Melalui undang-undang ini kita bukan sahaja memastikan kebajikan rakyat yang lebih inklusif, tetapi juga mempamerkan komitmen negara terhadap reformasi undang-undang yang progresif.

Harapan kita adalah, agar pelaksanaan undang-undang ini dilakukan dengan penuh integriti dan efisien supaya matlamatnya untuk mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat tercapai. Kita percaya bahawa usaha ini akan memperkukuhkan asas keharmonian dan keadilan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang mereka. Dengan ini saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof.

3.41 ptg

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih, Tuan Speaker. Asas pindaan dalam perlembagaan ini adalah untuk menegakkan keadilan. *Justice* ataupun *al-adlu*. Dalam hal ini, kita- semua di dalam Dewan yang mulia ini dituntut untuk buta warna bagi kita menjayakan satu perbahasan yang sangat penting ini. Apa yang kita lakukan Tuan Speaker, bolehlah dianggap sebagai *doing justice to injustice*. Di mana dalam hal ini, apa yang akan kita lakukan pada hari ini adalah memperbetulkan *injustice* yang berlaku supaya generasi masa depan tidak akan dibebankan dengan *in justice* dalam hak kerakyatan ini.

Perkara ini bukanlah satu benda yang baharu, tapi sejak tahun 1215, *Magna Carta* telah menyatakan, dengan izin Tuan Speaker, "*To no one will We sell, to no one will We refuse or deny, right or justice."* Itu yang disebut sejak dulu kala lagi. Kalau boleh izinkan saya juga memetik kata-kata Amr ibn al-As seorang sahabat dan juga tokoh politik yang menjadi Gabenor Mesir semasa tamadun Islam berkembang beliau telah menyebut... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Dia menyebut, *"Bahawa tiadalah pemerintahan melainkan dengan kepimpinan yang hebat. Tiadalah kepimpinan melainkan dengan kekayaan negara. Tiadalah kekayaan melainkan dengan kemakmuran dan tiada kemakmuran melainkan dengan keadilan."*

Jadi, Tuan Speaker yang kita bicara hari ini bukan soal picisan atau sekadar menghabiskan masa kita, tapi ini yang akan menjadi satu keputusan sama ada kita akan dihargai ataupun kita akan dipuji atau kita akan dikeji. Oleh itu, saya menyeru kepada Dewan ini untuk kita melihat keadilan yang hendak diniatkan di dalam pindaan ini mestilah sesuai dengan pelaksanaan keadilan itu. Di sinilah yang banyak daripada rakan-rakan kita di dalam Dewan yang mulia ini telah memberi ingatan dan peringatan supaya niat keadilan yang kita nak laksanakan itu tidak menjadi tempang hanya kerana pelaksanaannya yang lemah.

Oleh itu, Tuan Speaker izinkan saya untuk mencadangkan beberapa perkara dalam pelaksanaan pindaan ini. Walaupun sebahagian besarnya telah pun disinggung oleh rakan-rakan Senator sekalian,saya lebih mahu tertumpu kepada soal SOP. Soal ini adalah satu janji yang telah disebut oleh Menteri sendiri bahawa dalam masa setahun 17 Oktober 2024-17 Oktober 2025 akan siap SOP itu. Apa yang saya perlu atau apa yang mengkhuatiri saya ialah SOP, kaedah, tatacara dan panduan-panduan tersebut kalau dibiarkan kepada hanya kementerian melakukannya tanpa ada satu pemantauan ataupun *oversite,* maka, saya khuatir apa yang mereka lakukan nanti akan tidak membantu keadilan yang kita nak tegakkan. Bahkan, mungkin kita akan mengulangi permasalahan yang sama.

Oleh kerana demikian, dalam reformasi perundangan ataupun dalam reformasi Dewan Negara, kita ada satu Jawatankuasa Khas yang mana tugasnya adalah untuk menilai, meneliti dan *oversite* undang-undang yang ada dan undang-undang yang akan diperkenalkan termasuklah *by laws,* undang-undang kecil yang lain, tatacara, kaedah dan sebagainya. Saya menyeru dan meminta di dalam Dewan ini, kalau kita nak luluskan, maka berilah satu komitmen bahawa SOP atau kaedah ini, tatacara dan panduan ini, hendaklah melibatkan Jawatankuasa Khas Semakan Undang-undang dari Dewan ini. Supaya apabila ia siap nanti ia juga perlu dikemukakan kepada Dewan supaya semua kebimbangan yang kita lahirkan ini ditunjukkan secara serius.

Selected committee ini juga dilibatkan untuk melihat apakah tatacara dan kaedah itu bercanggah dengan perlembagaan? Apakah tatacara dan kaedah itu menyusahkan? Apa tatacara dan kaedah itu, contohnya akan menyebabkan kuasa yang terlalu besar sehingga kita tak ada ruang untuk merayu dan sebagainya? Ini semua adalah kita kata rujukan-rujukan untuk kita memastikan tatacara, SOP itu menepati kehendak-kehendak dan kriteria ini.

Seterusnya yang saya nak sebut aduan daripada *civil society organisation* dan NGO yang kita harus memberi penghargaan bertungkus-lumus untuk memastikan keadilan ini tertegak dalam hal kerakyatan. Oleh itu, saya ingin minta kepada KDN dan JPN secara khusus bahawa jangan lagi kita mengulangi pegawai-pegawai yang tidak cekap dan tidak berkesan sehingga menyebabkan perkara ini jadi rumit.

Kedua, amalan membeza-bezakan pemohon juga adalah merupakan satu perkara yang menghindari keadilan daripada dilaksanakan. Begitu jugalah tidak telus dalam menerangkan proses sehingga menyebabkan pemohon yang kebanyakan mereka datang dari luar bandar ataupun mereka yang bukan dari keluarga yang senang, terpaksa menanggung beban dan kemudian kembali begitu saja dengan penuh kekecewaan tanpa pihak JPN meneliti mentaliti, budaya, cara bekerja. Maka tidak akan terlaksana keadilan yang kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini.

Akhir sekali Tuan Speaker, kita harus juga menangani generasi berlapis tanpa kerakyatan dengan menilai semula proses naturalisasi yang kadang kali terlalu panjang

masanya sehingga kita berpotensi melahirkan generasi pewaris yang juga tidak ada kerakyatan.

■1550

Kaedah ini perlu dibuat dengan teliti supaya tidak akan berulang lagi *injustice* yang hari ini kita cuba selesaikan di dalam Dewan yang mulia ini. Ingatlah, bahawa Dewan Negara ini adalah medan terakhir, ini medan terakhir, tak ada dah lepas ini, tak ada lah lagi medan. Maka saya harap pindaan ini jikalau kita lakukan dengan penuh hemah dan jelas tugas dan tanggungjawab kita di dalam Dewan ini, ketahuilah ia akan member kesan kepada yang terlibat. Peranan legislatif adalah memastikan bukan sahaja keadilan diperjuangkan, tetapi ia mestilah dilihat dilaksanakan.

Akhirnya saya sudahi, bagi budaya, adat resam, bangsa kita dengan berpantun.

Pasanglah bedil petang Jumaat... ini pantun lama ini ya.

Bedil setinggar keras bunyinya.... mungkin ramai yang tak tahu apa makna "setinggar." Setinggar itu sejenis *canon* yang dibuat ketika zaman lampau.

Pasanglah bedil petang Jumaat,
Bedil setinggar keras bunyinya;
Orang yang adil beroleh rahmat,
Adil dan benar menjadi cahaya.

Dengan itu saya harap semua persoalan ini diambil kira secara serius sebelum apa-apa persetujuan kita untuk menyokong kerana kalau kita menyokong dan memang kita akan menyokong, tapi jikalau pelaksanaan itu tidak dilaksanakan dengan betul, kita khuatir atas nama keadilan, keadilan akan dilihat tempang dan cacat... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Terima kasih Tuan Speaker.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

3.52 ptg.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam Malaysia MADANI. Saya kah?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dr. Azhar Ahmad.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Saya lah.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, ada lagi satukah?

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Saya takut Dato' Speaker- *kut* silap... *[Ketawa]* Terima kasih kerana memberi peluang untuk ambil bahagian dalam membicarakan rang undang-undang ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Madani ini akhir perjuangan ini dapat dibicarakan di Dewan Rakyat dan diangkat ke Dewan Negara. *Insya-Allah* tentunya akan dipersetujui oleh rakan-rakan Ahli Dewan Negara semua.

Dahulu menjadi warganegara ini menjadi kebanggaan, menjadi warganegara ini menjadi satu keistimewaan dokumen negara. Bukan senang untuk menjadi warganegara kerana dengan warganegara ini kita bebas untuk berpolitik, berharta, berkeluarga menjadi rakyat yang bertanggungjawab.

Dahulunya saya hendak bawa sedikit kelainan. Orang-orang kita kebanyakan rakyat-rakyat Malaysia sama ada lelaki dan perempuan, kalau dahulu apabila kita seorang gadis berkahwin dengan seorang pemuda yang datangnya dari negeri-negeri *Third Country*, contoh berkahwin dengan orang Bangladesh, berkahwin dengan orang Thailand, berkahwin dengan orang India, berkahwin dengan orang Nepal, berkahwin dengan orang Laos dan sebaginya, termasuk jugalah Orang Melayu Islam yang berkahwin dengan pemuda-pemuda daripada yang saya sebut daripada negara-negara tersebut.

Walaupun undang-undang kita tidak membenarkan mereka berkahwin dengan pemuda-pemuda tadi, tapi oleh kerana dasar kecintaan, bercinta kerana melihat wanita-wanita kita ini melihat orang dari Bangladesh cantik dan lawa, *handsome*, ada setengah tu macam Shah Rukh Khan. Akhirnya tergoda, akhirnya hendak berkahwin. Saya bercakap ini Dato' Speaker daripada pengalaman. Saya bercakap ini melalui pengalaman, bukan bercakap daripada khayalan, saya bercakap ini daripada pengalaman.

Ia berlaku daripada keluarga saya, dalam keluarga sendiri. Hendak berkahwin dengan seorang pemuda dari Bangladesh. Mengikut peraturan syariah, tidak benarkan, tidak benarkan perkahwinan itu, tetapi oleh sebab ada timbang cara, budi bicara, berjumpa dengan Kadi Besar akhirnya dibenarkan perkahwinan itu berlaku.

Mengikut undang-undang, mengikut undang-undang. *Once* bila kita dah berkahwin, maka automatik orang Bangladesh kah, orang siapa, kah- permit kerja dia mati. Dia kena pulang ke negaranya *as soon as possible,* dengan izin. Dia kena balik serta merta ke negara kita dengan membawa adik kita kah, keluarga kita kah ke negara asal. Mereka tidak dibenarkan duduk dalam negara kita kerana mereka ini ialah datang daripada negara-negara yang saya sebut tadi, negara-negara yang tidak maju.

Berbeza pula dahulu, kalau pemuda itu datang daripada UK, datang daripada US, datang daripada negara-negara maju. Kalau berkahwin dengan wanita kita, mereka dibenarkan pada ketika itu, dibenarkan tinggal di negara kita, bekerja di negara kita dan sebagainya.

Alhamdulillah, Kerajaan Madani di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat PMX akhirnya berbahas di Dewan Rakyat akhirnya hari ini bersetuju membenarkan beberapa perkara menjadi warganegara ini menjadi kenyataan.

Menjadi warganegara seperti saya sebut kepada Dato' Speaker tadi itu kebanggaan, tetapi apakah dengan mudahnya kita membenarkan mereka menjadi warganegara, mesti ada *standard of procedure,* dengan izin. Mesti ada syarat-syarat yang perlu disyaratkan. Pertama, bahasa Melayu. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, seorang itu mesti fasih berbahasa. Adakah kita boleh hanya membenarkan seseorang itu menjadi warganegara dengan tidak boleh berbahasa Melayu. Kalau kita lihat dalam negara kita, minta maaf, jangan marah saya, ini kenyataan, ramai daripada kaum-kaum di Malaysia ini yang tak fasih, dia tidak *excellence*, tidak *fluence* dalam Bahasa Melayu, tetapi menjadi warganegara.

Menjadi warganegara yang pertamanya pihak berwajib mesti, mesti ini *must,* mesti memastikan seorang warganegara itu boleh berbahasa Melayu. Kalau dia tak boleh berbahasa Melayu, dia kena pergi sekolah untuk fahamkan bahasa Melayu dan selari dengan bahasa Melayu, dia mesti juga menghormati Rukun Negara, prinsip Rukun Negara yang lima perkara itu sekurang-kurangnya baharulah untuk- kalau dia tidak faham, dia tidak baca, dia tidak faham, dia- pun tidak ada masalah. Sekurang-kurangnya roh Rukun Negara itu berada dalam jiwanya. Dia faham menjadi rakyat Malaysia mesti menguasai bahasa, Rukun Negara, adat dan budaya jangan dilupakan. Budaya Malaysia sebegini dan sebegitu.

Dato' Yang di-Pertua, sumpah warganegara, walaupun dia tak faham sumpah warganegara, tapi adakah dengan rang undang-undang ini kita harus mudahkan begitu sahaja? Saya merasakan tidak boleh seperti itu kerana menjadi Warganegara Malaysia ini ialah menjadi kebanggaan. Orang berebut-rebut nak hendak menjadi Warganegara Malaysia ini, tetapi Kementerian Dalam Negeri, pihak autoriti mesti tegas dan mesti juga jawab- memberi jawapan kepada permohonan-permohonan yang telah diajukan oleh mereka ada dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun, 10 tahun, 20 tahun akhirnya sampai meninggal pun masih lagi tak peroleh warganegara khususnya dari Sabah dan Sarawak.

Jawablah Kementerian KDN apa masalahnya. Kalau permohonan itu tak lulus, jawab lah tak lulus. Kalau tak lulus, beri sebab kerana satu, dua, tiga sebab tak cukup, akhirnya dia perlukan syarat itu bagi mencukupi. Senang orang boleh *appeal* semula, tapi kalau kita diam sahaja lima tahun, sampai 20 tahun tak lulus lagi. Jadi, dengan adanya rang undang-undang ini saya berterima kasih kepada Menteri Dalam Negeri kerana mengambil berat dan akhirnya kita berbahas hari ini.

■1600

Insya-Allah ianya akan menjadi kenyataan. Mana yang baik teruskan KDN, teruskan, mana yang tidak baik ketatkan. Jadi, kita berbahas hari ini 25 orang, 30 orang Ahli Dewan Negara berbahas memberi idea-idea yang baik kerana pemimpin kita ini, pemimpin bukan kita berlawan peribadi. Pemimpin kita berlawan idea.

Hari ini semua orang keluar idea. Pemimpin *talk about idea,* dengan izin, kita bercakap idea. Hari ini kita memberi idea, idea yang pelbagai. Dengarlah wahai KDN, dengarlah wahai

Menteri. Mana yang baik ambil, mana yang buruk tinggal, tetapi jangan kita bercakap ini lepas itu habis begitu sahaja ibarat buih-buih di lautan, tidak bermakna. Jadi, kita bercakap semua hari ini direkodkan, difahami mana yang baik ambil tindakan segera. Tindakan segera jawab permohonan daripada si polan bin si polan, ditolak kerana anda tidak cukup syarat ini.

Perkemas syarat itu minta balik, jadi taklah kesian kepada ibu-ibu tunggal, anak-anak di luar negara yang tidak mendapat taraf pemastautin, tapi *alhamdulillah* hari ini, saya sebagai orang Malaysia, saya berkahwin dengan orang Jerman. Di Jerman, anak saya hari ini sudah mendapat taraf Warganegara Malaysia secara semula jadi. Dulu isteri kita kahwin dengan orang Jerman, dilahirkan, anak dia pun tak dapat, tetapi dengan rang undang-undang ini anak itu juga dapat taraf warganegara. Terima kasih wahai Kerajaan MADANI.

Saya ulang sekali lagi...

Seorang Ahli: Ingat dah habis.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Sikit lagi, sikit lagi.

Jangan ambil kesempatan. Ada juga perkahwinan ini mengambil kesempatan, kesempatan. Dato' Speaker, saya bercakap ini pengalaman. Di Perak, seorang wanita berumur 60 tahun, 59 tahun berkahwin dengan seorang Pakistan yang umurnya 28 tahun. Apakah perkahwinan ini atas dasar cinta atau dasar lain daripada itu? Yang ini juga KDN kena tengok, kalau seorang wanita *umuq* dah dekat 59, kahwin dengan orang Pakistan *umuq* 30 tahun, perkahwinan ini berasaskan kepada apa? Ya lah berkahwin lah itu sebab jodoh, betul... *[Dicelah]* Betul, tetapi tentu ada sebaliknya.

Seorang Ahli: Cinta, boleh?

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Bolehlah, tetapi tentulah ada sesuatu yang- di sebalik mi ada udang. Tentulah dia nak ada sekuriti. Bila dia kahwin dengan orang Malaysia, perempuan Malaysia, dia berharap dia mendapat perlindungan. Jadi dia buat permohonan, dia tinggal di Malaysia, bekerja di Malaysia.

Jadi, wahai KDN kalau ini permohonan ini berlaku kena *check* juga, kena tengok juga tak boleh lulus saja. Kalau perempuan umur 50, 60 kahwin dengan seorang pemuda dari Bangladesh umur 20 tahun.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, Yang Berhormat kalau dah habis cerita dengan Bangladesh, Pakistan tolong rumuskan sebab *time is running.*

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Ini saya bercakap Dato' Speaker bukan bercakap khayalan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, rumuskan ya.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Saya bercakap daripada kenyataan. Bila kenyataan itulah lahir daripada roh, saya bercakap daripada hati dan roh, maka sampai ke roh Dato'

Speaker, tetapi kalau saya bercakap hanya membaca, saya bercakap hanya mengikut teori-teori itu tak sampai kepada roh. Ini bercakap nyata dan dengan perhatian saya.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. Saya rasa Yang Berhormat ada lagi lima orang nak berbahas.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Ya. Oh, kalau itu okey. Kalau itu tidak ada masalah. *[Ketawa]* Kalau itu- cumanya kita yang berbahas di Dewan yang mulia ini, supaya semua daripada kita yang bercakap hari ini ialah untuk kebaikan. Satu kebaikan sahaja, kita nak rakyat kita, Malaysia hidup aman dan makmur supaya mana-mana wanita-wanita kita yang berada di mana-mana pun, dia berkahwinlah dengan mana-mana pun, dia mendapat taraf warganegara, dia dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Anak nak masuk sekolah boleh, semua okey, dia akan bahagia. Maka, jadilah negara kita negara yang *stable*, kesejahteraan dan hidup kita harmoni.

Oleh kerana Dato' Speaker tengok saya pun, saya pun risau satu macam saja kan. Jadi, tentunya saya juga menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

4.05 ptg.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam Malaysia MADANI, salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia. Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas keizinan memberi ruang dan laluan untuk saya mengambil bahagian pada saat-saat akhir pembentangan ini ya, bagi membicarakan pindaan Perlembagaan Malaysia 2024 mengenai tatacara pemberian kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang dan perkara-perkara berkaitan yang perlu diperketat dan perhalusi serta pematuhannya. Tahniah kepada Menteri, Timbalan Menteri dan tim daripada Kementerian Dalam Negeri atas usaha yang gigih merangka dan membawa usul ini yang telah pun diluluskan di Dewan Rakyat dan sebentar lagi pengundian di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kewarganegaraan adalah sesuatu yang begitu murni dan tinggi nilainya yang tak mungkin dapat dinilai dengan bayaran wang Ringgit, harta mahupun intan permata. Seseorang insan di dunia ini menjadi bernilai, punya maruah dan harga diri kerana dia bernegara dan mempunyai taraf kewarganegaraan. Justeru, warganegara ini, kewarganegaraan ini adalah sesuatu yang amat-amat tinggi dan penting bukan boleh diberi

secara semberono ataupun diberi secara paksa-paksaan ataupun permohonan secara melulu.

Justeru, beberapa perkara perlu diambil kira dan diperhalusi oleh kementerian supaya agihan warganegara ini dapat diberi kepada mereka yang benar-benar layak dan berhak untuk mendapatkannya. Saya berkata demikian kerana kalau kita lihat banyak sebelum kewarganegaraan diberi secara ini pun telah ada warganegara-warganegara palsu yang mempunyai Kad Pengenalan palsu yang memakai baju rakyat Malaysia mendapat hak rakyat Malaysia sehingga boleh mengundi, tetapi mereka sebenarnya adalah warganegara haram yang tidak diiktiraf oleh Perlembagaan Malaysia.

Justeru, saya menarik perhatian dalam pindaan Fasal 1 Perkara 15 Perlembagaan Persekutuan. Syarat permohonan untuk menjadi warganegara bagi apa jua jenis permohonan perlu memenuhi syarat wajib, mempunyai pengetahuan mencukupi bagi komunikasi pertuturan dan memahami Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga rakyat Malaysia yang terpaksa memastikan kefasihan dan penguasaan bahasa Melayu melalui peperiksaan bertutur, mendengar dan bertulis dalam Peperiksaan SPM. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian dan kerajaan sejauh manakah ketetapan syarat patuh kepada takrifan mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu itu dapat diukur dan diuji?

Sekiranya rakyat Malaysia diuji melalui Peperiksaan SPM, yang mendapat C6 atau kredit enam atau kepujian enam dan ke atas baharulah mereka diiktiraf sebagai mereka yang fasih ataupun *excellent* dalam Bahasa Melayu. Rakyat Malaysia yang mendapat bawah daripada C6 dalam sistem Peperiksaan SPM iaitu P7 dan P8 hanya dianggap lulus dan tidak berhak mendapat Sijil SPM pun kerana tidak mempunyai penguasaan Bahasa Melayu.

Justeru, apakah kayu pengukur yang akan ditetapkan oleh kementerian untuk menentukan fasa ini iaitu boleh bertutur dan juga boleh menguasai Bahasa Melayu itu?

■1610

Ataupun barangkali kalau kita tidak menggunakan SPM, kita boleh menggunakan kaedah-kaedah yang lain misalnya. Misalnya melalui CEFR ataupun *Common European Framework of Reference and for Language* yang menetapkan beberapa tahap penguasaan Bahasa Melayu atau bukan Bahasa Melayu, bahasa mereka iaitu mereka ada A1 sampai C2... *[Menunjukkan dokumen berkaitan]* Ini adalah kaedah internasional juga selain daripada SPM dan mereka menetapkan C1 iaitu *advance* dan C2 *excellent* dalam bahasa ibunda mereka. Baharulah mereka boleh diukur sebahagian mereka mempunyai penguasaan yang tinggi dalam Bahasa Melayu.

Jadi, saya pohon dapat diperincikan sejauh mana kayu pengukur kerana bukan sahaja mereka nak diukur. Saya setuju dengan pandangan beberapa orang Yang Berhormat rakan Senator bahawa ada orang-orang kita pun yang tidak fasih berbahasa Melayu, tetapi

mendabik dada mengaku mereka itu adalah Warganegara Malaysia. Apatah lagi, mereka yang melalui kuat kuasa undang-undang permohonan dan sebagainya. Itu yang pertama.

Kedua, pada pandangan saya kenapa saya menekankan sangat-sangat Yang di-Pertua tentang bahasa sebab bahasa menunjukkan bangsa. Bukan bangsa India, Melayu. Bangsa Malaysia. Sebab itu, orang kata...

Ikat jerami dibawa gandar;
Diikat-ikat di tepi telaga;
Pertuturan difahami wasangka terhindar;
Bahasa Kebangsaan penyatuan warga.

Kalau dia telah menjadi warganegara, dia tak fasih Bahasa Melayu dan ini boleh menimbulkan syak wasangka, prejudis pandangan yang penuh tanda tanya kerana rakyat Malaysia tak menguasai Bahasa Kebangsaan. Sebab, kalau kita tak menguasai janganlah kita mudah mengaku kita rakyat Malaysia. Sebab apa tuan-tuan Yang Berhormat Senator...? Dato' Yang di-Pertua...

Berkilau-kilau emas suasa,
Bersusun-susun atas tembikar;
Kalau warga tak fasih bahasa,
Umpama pohon tidak berakar.

Itu adalah pandangan tentang betapa pentingnya ukuran terhadap bahasa yang hendak diberi kepada warganegara yang mohon ini tadi perlu diberi perhatian. Lebih-lebih lagi saya ini adalah pencinta bahasa... *[Tepuk]* Jadi, sebab itu saya tidak tergamak melihat bahasa hanya sebut diukur tanpa kayu pengukur. Mesti ada kayu pengukur. Selain daripada bahasa, mereka juga perlu menguasai budaya, adat resam dan juga apa yang kita amalkan di negara kita ini masyarakat majmuk berbilang kaum.

Justeru, saya mencadangkan kepada kementerian supaya setiap individu anak yang bakal mengangkat sumpah apabila mencapai umur 18 tahun diwajibkan...

Tuan Abun Sui Anyit: Dato' Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Jika dibenarkan?

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Sila.

Tuan Abun Sui Anyit: Saya sangat tertarik dengan hujah Yang Berhormat mengatakan yang dapat SPM yang bagus dalam keputusan sewajarnya mereka diberi kewarganegaraan. Ada satu kes, satu anak pelajar SPM. Dia cemerlang dan Bahasa Melayu dia adalah A, tapi sampai sekarang belum ada warganegara. *So*, adakah YB setuju untuk kerajaan mengiktiraf dia sebagai warganegara? Ini kerana dia sudah memohon berulang-ulang kali. Terima kasih.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Ya, kalau saya Menteri, *[Ketawa]* kalau saya Menteri, ini harus diberi pertimbangan. Ini kerana untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Speaker, SPM adalah peperiksaan yang paling susah di dunia. Ya, sebab yang ajarnya orang lain, yang buat soalannya orang lain, yang semaknya orang lain dan dia tidak memakai sistem semesta seperti universiti atau adik-adik Tingkatan 6. Tingkatan 6, dia belajar satu sem, *exam*. Baharu dua topik- *exam*. Apa, *chill...*? *[Ketawa]*

Lepas itu, tak payah belajar itu lagi. Belajar baharu- *exam* lagi. *Semestar system,* tetapi ini Tingkatan 4, Sejarah dia dekat 17 tajuk. Belum Matematik dekat 15 tajuk. Tingkatan 5 tambah lagi 15 tajuk, 30. Semua subjek, 10 subjek, sembilan subjek dan mereka boleh. Bahasa Melayu paling susah lah sebab dia ada tiga- membaca, menulis dan macam-macam. Jadi, pada pandangan saya perlu juga ada pertimbangan-pertimbangan khas bagi pelajar yang mungkin bukan warganegara telah bermastautin lama di sini dan kalau anak terdampar tadi boleh kita timbangkan, apa pula anak yang telah terdukung seperti yang YB cakap tadi.

Okey. Okey YB doakan saya Menteri, saya akan ambil tindakan... *[Ketawa]* Baik, saya juga ingin menarik perhatian Dato' bahawa semua yang angkat sumpah 18 tahun nak jadi warganegara itu wajib, *compulsory*, dengan izin memasuki satu kursus ataupun PLKN 2.0. Syarat. Sebab, kalau tak masuk PLKN dia tak tahu budaya, adat resam, lagu *Negaraku*, lagu *Malaysia Maju Jaya*, lagu negeri-negeri Perlembagaan, Rukun Negara supaya lahir orang macam Pancasila Indonesia. Pancasila Indonesia maknanya dia ada keyakinan semangat patriotik. Dia bukan tumbuh, tapi mencengkam, berakar dan berumbi dalam jiwa dia.

So, orang macam inilah nak lahir mesti ada tidak secukup sekadar bahasa, tetapi juga dikursuskan melalui PLKN 2.0 supaya anak-anak yang dapat warganegara ini YB Menteri akan di benar-benar diiktiraf mahir bahasa, kaya budaya, tinggi tatasusila, berdisiplin, menghayati, mendukung dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat perlu berapa lama lagi?

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Satu, dua minit boleh Dato'?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Saya gulung. Saya gulung. Baik.

Tentang penceraian ini. Tentang penceraian dan lupus hak warganegara. Ia satu kaedah yang baik, tetapi perlu diperincikan jugalah kalau berlaku sebab-sebab penceraian sebelum cukup haulnya. Sebab, kalau kes penderaan, pemerdagangan dan pelacuran. Kahwin tadi dia dera- mana boleh tunggu dua tahun. Dua hari pun azab macam neraka. Jadi, perlu juga diperincikan. Mungkin ada terma dan juga syarat-syarat di mana penceraian itu tidak menjejaskan warganegara jika penceraian itu halal.

Maksud penceraian halal ini ialah penceraian yang bersebab dan terpaksa berlaku penceraian seperti tadi penderaan dan sebagainya. Maka, itu juga perlu diperincikan. Saya

pendekkan kerana telah ditegur oleh Speaker. Anak, saya menyokong penuh tentang anak-anak terdampar yang diberi kerakyatan secara automatik di mana tempat dia ditemui kecuali ada pembuktian selepas itu.

Cumanya, jika anak itu YB Menteri ada dilahirkan, tetapi dah betul-betul macam Negro... *[Ketawa]* Dengan rambutnya, dengan wajahnya. Dijumpai di Melaka, contohnya. Kalau ikut undang-undang ini, dia secara automatik dan tak ada orang pula nak membuktikan dia, adakah unsur-unsur seperti ini diambil kira? Ataupun sebiji muka dia macam orang Korea, orang Jepun. Adakah benda-benda macam ini juga perlu didetilkan? Supaya kita tidak mahu ada *shortcut* untuk mendapat kewarganegaraan dengan kawasan sempadan meletakkan bayi dia di situ atau kita ada banyak pendatang asing melakukan hubungan yang tidak sah meletakkan bayi di situ.

Maka, demi maruah, identiti, integriti dan juga punca kuasa mendapatkan. Maka, saya pohon diperhalusi juga. Mungkin ada terma-terma di mana ada keraguan ataupun rasa yang pelik maka itu juga tidak harus diberi secara automatik. Itu pada pandangan saya. Buat akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya beranggapan bahawa perhalusilah.

Undi ini adalah satu amanah. Kita akan didakwa di Padang Mahsyar- *sorry, for non-Malay*. Jika tersalah mencatur peraturan. Kita sokong RUU ini, tetapi apa yang kita lontarkan di Dewan ini perlu diperhalusi. Untuk menambah baik rang undang-undang ini, kita pulangkan kepada kementerian dengan harapan segala teguran yang membina ini untuk menjadikan maruah negara dan nilai kewarganegaraan itu tetap unggul di persada yang paling mulia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih... *[Tepuk]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Azahar bin Hassan.

■1620

4.20 ptg.

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih, Dato' Speaker. Ada dua Azahar dalam ini. Saya pergi ke hotel baru-baru ini, dia bagi kad Datuk Dr. Azhar Ahmad. Saya pun pening juga. Hari ini, salam perkenalanlah. Dia ingat saya Datuk Dr. Haji Azhar Ahmad. Saya Azahar bin Hassan, wakil Perlis.

Terima kasih, Dato' Speaker. Okey. Warganegara ini adalah sangat penting dalam hidup inilah. Kita berada hari ini, di Dewan ini juga sebab kita ini Warganegara Malaysia, saya rasa. Sebab, kita- semua warganegara. Tanpa warganegara ini, kita katakan bahawa seseorang itu dia dah hilang segala-galanya. Dia *stateless* ini, dia macam nak kahwin tak boleh, nak kerja tak boleh dan sebagainya.

Cuma, data hari ini yang mungkin kita nak tahu juga mungkin kerajaan atau menteri-menteri boleh bagi data-data yang *stateless ini* yang *stateless* yang ada di Malaysia ini sebab ada juga macam di- seperti yang saya jumpa, dia dah besar dah. Dah umur 40 dah, tak boleh nak buat apa. Kesian. Nak kahwin tak boleh sebab tak dapat dikenal pasti dia punya keluarga dan sebagainya.

Jadi, dalam konvensyen PBB 1954, saya nak tanya sinilah. Adakah kita menandatangani Perjanjian Konvensyen PBB 1954 mengenai *stateless* yang mana kita perlu memberi segala kemudahanlah, hak asasi kepada mereka yang tak ada warganegara ini? Yang ini, mungkin kita boleh tahulah, kan.

Jadi, salah satu daripada warganegara ini ialah kita tahu bahawa kita ini ada negara. Masalah hari ini, ada yang duduk di negara kita yang dia pun tak tahu dia dari negara mana, tetapi dia nak ke mana pun tak boleh sebab dia tinggal di Malaysia. Mungkin, sebahagian daripada ini mungkin kita boleh tambah baiklah.

Okey. Bagi kita punya pindaan Perlembagaan ini, untuk seksyen 15C ini, kemahiran berbahasa Melayu bagi isteri bukan warganegara kepada suami berwarganegara. Okey. Kesan-kesan dia, kita kena tengok. Kita mesti pastikanlah, kalau boleh mestilah. Ini antara syarat yang baik. Untuk melahirkan warganegara yang baik, kita mesti ada warganegara yang boleh berbahasa Melayu. Okey.

Cuma, kita perlu menangani beberapa kebimbanganlah. Kejelasan piawaian penilaian garis panduan yang jelas tentang cara penguasaan Bahasa Melayu akan dinilai. Piawaian ini mestilah adil, telus dan konsisten bagi mengelakkan kekeliruan yang menyebabkan ketidakseragaman penilaian, terutama bagi isteri yang datang dari keluarga yang tidak bertutur dalam Bahasa Melayu. *So,* kita mohon ada satu standardlah untuk kita nak memperincikan piawaian bagaimana Bahasa Melayu itu. Bahasa Melayu Kelantan kah, Bahasa Melayu Perlis kah, Bahasa Melayu standard kah, begitulah contoh ya.

Kemudian, sokongan untuk pembelajaran bahasa. Saya cadangkan supaya ada kursus bahasa dan integrasi untuk membantu pemohon. Ini kita mohon juga, ada bantuan untuk buat kelas bahasa. Kerajaan disarankan untuk menyediakan kursus bahasa dan integrasi untuk membuat- untuk membantu pemohon perlu diakses secara percuma. Ha, yang itu, yang penting.

Kalau boleh, kita nak mereka dibantulah. Pemohon-pemohon ini dibantu untuk menguasai Bahasa Melayu sebab kalau boleh, kita memang nak. Kalau nak jadi Warganegara Malaysia, mesti boleh berbahasa Melayu. Kalau dia masih lagi tak boleh berbahasa Melayu ini, syarat utama ini, saya rasa tak lepaslah, kan? Kalau dia masih lagi *dok* bercakap bahasa lain daripada bahasa kita ini, Bahasa Kebangsaan kita ini, saya rasa syarat ini sangat pentinglah untuk berbahasa Melayu ini.

Kemudian, kita nak tengok daripada segi- kalau kita tengok bola sepak Malaysia hari ini, kita ada pemain warisan dan pemain naturalisasi. Pemain Malaysia hari ini, kita tengok dia lebih kepada berwajah global dah, antarabangsa dah. Banyak pemain warisan yang- kalau dulu, kita tengok dalam tahun 60an, 70an, kita ada India, Cina, Melayu, Sikh dan sebagainya. Hari ini, kita tengok mungkin sebab naturalisasi ataupun pemain warisan.

Saya nak tanya hari ini. Berapa tahun diambil untuk naturalisasi yang untuk tim bola sepak ini? Kalau ikut kita punya ini, 12 tahun. Berapa tahun yang diperlukan untuk melayakkan pemain-pemain ini menjadi Warganegara Malaysia dan akhirnya, bermain untuk Malaysia? Kalau 12 tahun, saya rasa pemain itu dah tua dah, baharu dia boleh mewakili Malaysia. Jadi, kita nak tau yang itulah.

Yang kedua, pemain warisan. Dikatakan, pemain warisan ini ialah keturunan dia ada darah Malaysia. Ini pun kita kena tengok juga. Bagaimana cara-cara mereka melepasi kaedah-kaedah pelepasan untuk jadi warganegara dengan menjadi pemain warisan. Okey. Yang lain-lain itu, semuanya kita setujulah. Kita menyokong pindaan rang undang-undang ini. Yang penting, hari ini saya ulas balik. Bahasa Melayu itu mesti jadi keutamaanlah untuk kita kata dapat taraf warganegara. Yang lain itu, saya sokonglah. Terima kasih semua.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato', sepanjang masa lagi itu. Saya nak tanya, nak buat sikit celahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh, tetapi Menteri kena gulung bagi masa itu.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sikit sahaja. Saya cuma- Yang Berhormat Azahar, tadi disebut semua bercakap ini tentang bahasa yang sangat penting. Adakah mungkin pihak KDN boleh menyediakan satu kurikulum khas peperiksaan bahasa ini untuk membolehkan orang yang memohon untuk menjadi warganegara ini mesti lulus sebelum dia nya diterima warganegara? Saya mohon komen daripada Tuan Haji Azahar, Yang Berhormat.

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih YB. Sebab itu, dalam cadangan saya tadi, kita ada kelas bahasa dan sebagainya. Yang ini, minta pihak Menteri boleh fikirkanlah, silibus dialah. Silibus dia yang boleh membantu pemohon kita ini. Ada dalam cadangan awal saya tadi. Yang itulah.

Jadi, saya berhenti di sini. Terima kasih Yang di-Pertua. Terima kasih semua. *First time,* saya berucap hari ini. Agak gementar juga. Kena makan sirih pinang jugalah... *[Ketawa]* Terima kasih semua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Azahar bin Hassan. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

4.27 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Yang di-Pertua untuk peluang berbahas rang undang-undang petang ini.

Saya ada menerima maklumat dari NGO dan daripada berita dan sama daripada kementerian Menteri tentang penambahbaikan dalam prosedur SOP kerajaan untuk membantu individu tanpa kewarganegaraan, khususnya individu yang telah memegang kad pengenalan MyKAS yang lazimnya dikeluarkan kepada kanak-kanak terbuang atau yang ditinggalkan selama lebih 10 tahun, kini layak memohon kad MyPR.

Selain itu, beberapa orang individu tanpa kewarganegaraan seperti anak angkat yang berusia lebih 20 tahun juga telah diberikan kad MyPR. Ini saya mahu mengucap terima kasih dan tahniah kepada Menteri dan pegawai-pegawai kementerian atas usaha mereka. Perkembangan ini akan meningkatkan akses kepada hak asasi dan peluang bagi individu tanpa kewarganegaraan.

Namun, langkah ini dijangka akan meningkatkan jumlah pemegang MyPR tanpa kewarganegaraan yang kini berjumlah 40,000 orang. Di bawah pindaan semasa, individu berumur 18 tahun ke atas yang menerima MyPR hanya boleh memohon kewarganegaraan selepas 12 tahun memegang kad tersebut. Dasar ini menyebabkan ramai individu kekal tanpa kewarganegaraan sehingga pertengahan usia dewasa.

Seterusnya, mengehadkan peluang mereka untuk memperbaiki kehidupan dan menyumbang secara bermakna kepada negara. Bolehkah Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan untuk menangani isu ini dan mencegah individu kekal tanpa kewarganegaraan ini hingga usia dewasa pertengahan?

■1630

Soalan kedua sekiranya pemegang MyPR tanpa kewarganegaraan mempunyai anak sebelum layak memohon kewarganegaraan, apakah mekanisme atau dasar yang disediakan untuk menyokong anak kepada individu tanpa kewarganegaraan? Ini termasuk memastikan akses anak tersebut kepada dokumen, pendidikan, penjagaan kesihatan dan perlindungan undang-undang yang mencegah ketara tanpa kewarganegaraan daripada berterusan.

Soalan yang ketiga apakah langkah-langkah yang sedang akan diambil oleh kementerian untuk mengutamakan pemohon tanpa kewarganegaraan yang berasingan khusus untuk individu tanpa kewarganegaraan- *stateless* bagi Perkara 19 dan Perkara 15A agar mereka tidak digabungkan dengan pemohon kewarganegaraan berdwinegara? Adakah prosedur penentuan individu tanpa kewarganegaraan iaitu *stateless determination procedure* dengan izin, akan diperkenalkan untuk mengurangkan masalah tanpa kewarganegaraan dan kalangan anak tempatan.

Dengan ini menyokong rang undang-undang pindaan ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

4.31 ptg.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rakan-rakan Yang Berhormat Ahli Dewan Negara. Pertamanya saya nak bagi jaminan kepada Dato' Yang di-Pertua kalau Robert hanya ambil tiga minit, saya 10 minit sudah lebih bagi saya. Sekadar YB Menteri jangan jeling saya begitu kerana saya berdiri ini untuk menyokong rang undang-undang, bukan untuk membaca rang undang-undang ini. Sudah tentu 10 minit ini banyak masanya. *Don't worry Sir.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey cuba.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *[Ketawa]* Abun tak percaya. Dato' Yang di-Pertua, saya Warganegara Malaysia. Isteri saya Warganegara Malaysia. Anak saya semuanya Warganegara Malaysia. Menantu saya semuanya Warganegara Malaysia. Cucu saya semua 14 orang- semuanya Warganegara Malaysia. *I don't have problem,* dengan izin. Akta ini ataupun rang undang-undang ini *got nothing to do with me,* dengan izin, tetapi oleh kerana, kita ini seorang pemimpin banyak didatangi oleh permasalahan rakyat.

Ramai yang tertunggu-tunggu pindaan ini kerana masalah yang kita telah dengar rakan-rakan kita bercakap tadi memang *real problems*. Saya ucap tahniah kepada Menteri Dalam Negeri yang ada di sini ini kerana mengambil sikap proaktif untuk membuat pindaan Perlembagaan ini yang sudah lama *and is long overdue* untuk ramai yang memerlukan.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, pagi tadi semasa membentang. Penyampaian warganegara ini adalah anugerah tertinggi negara pada seseorang itu. Ya memang betul kerana apabila kita ada warganegara dunia terbuka luas kepada kita. *It is a gate for success. A gate for life*. Bayangkan bagi orang yang tidak ada warganegara- *stateless* sudah tentu ia *problematic*.

Bayangkan seorang wanita Malaysia berkahwin dengan warganegara asing tinggal di negara lain, bukan negara suami dia, bukan negara Malaysia melahirkan anak di negara ketiga. Apakah anak-anak dia akan jadi- warganegara apa? Padahalnya mereka ini juga sebahagian daripada kita. Mereka ini beribukan oleh orang Malaysia. Apakah akan jadi kalau masa depan mereka? Sebab itu rang undang-undang ini, pindaan ini amat penting sekali menyelamatkan banyak insan yang memerlukan.

Kerana itu, saya ucap syabas kepada Dewan Negara kita kerana rang undang-undang ini dimulai diambil inisiatif oleh Dewan Negara, diusulkan oleh Datuk Seri Dr. Zurainah, dulu

mengusulkan undang-undang ini. Hari ini sudah menjadi realiti. Sebab itu Dato' Yang di-Pertua tak boleh tidak kita perlu menyokong.

Namun demikian, walaupun ia penting, bagus tetapi sebagaimana rakan kita kata Datuk Hatta tadi mengatakan undang-undang semua cantik. Pindaan semua bagus kerana kerajaan ini bagus. Kerana kerajaan hanya nak buat sesuatu yang memberi manfaat kepada rakyat, tetapi akhirnya yang menentukan nanti ialah pelaksanaan, yang menentunya nanti pegawai-pegawai yang akan menjalankan, menguruskan permohonan-permohonan kewarganegaraan ini yang sebenarnya. Maka pelaksanaan ini yang menjadi kritikal bagi kita.

Kita tahu banyak sindiket sebelum ini terutama di Sabah Tan Sri. Banyak sindiket jual IC. Kita dengar kena tangkap, kena jel apa semua. Ini pun tak kurangnya kalau kita tidak bendung. Kalau tidak ada mekanisme untuk kawal- *control and monitor*. Sudah tentu undang-undang ini memang bagus, tetapi mesti ada kaedah-kaedah macam mana nak laksanakan.

Saya mencadangkan kementerian tubuh satu *taskforce* khusus untuk ini. Khusus. Janganlah pakai yang *the present missionary*. Maknanya semua dirangkumkan pada Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran. Semuanya mereka yang proses ini semua. *I think you need a specialisation* dalam memproses permohonan-permohonan warganegara ini. Tidak memadai sekadar apa yang kita ada hari ini kerana kena ingat zaman ini zaman *scammer*. Zaman sekarang ini zaman penipuan. Zaman sekarang ini zaman banyak perkara yang orang boleh tipu kita. Ini pun tak kurangnya juga.

Jadi tuan-tuan, Yang Berhormat sekalian, saya sokong perkara ini, tetapi mesti dilaksanakan dengan terbaik. Dengan cara yang baik. Kalau tidak sia-sia Datuk Menteri. Sia-sia Datuk Menteri buat kerja ini akhirnya *it backfired to us*. Akhirnya ia tidak mendapat manfaat kepada kita- semua. Tidak ada faedah langsung. Sebab itu sebagaimana YB Mujahid kata tadi SOP itu penting kerana dengan SOP ini pasukan yang akan ditubuhkan- *special taskforce* ini akan mengikut SOP ini secara detil macam mana kaedahnya.

Ya betul Bahasa Melayu penting. Sebab itu, tetapi kita tak boleh sewenang-wenangnya kat *you* kena pandai bercakap Bahasa Melayu. Kita kena ajar mereka. Kita kena bagi kursus kepada mereka. Kalau cikgu Mustafa kata kena ada PLKN. Bukan PLKN. Maksudnya kursus bahasa. Itu maksudnya, tetapi dia kata PLKN itu mudah sikit. Itu penting. Kerana apa dengan bahasa ini dia akan *integrate* keadaan rakyat kita di Malaysia ini. Kerana apa yang kita mahu negara yang harmoni...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh mencelah sikit Dato' Yang di-Pertua?

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Boleh mencelah tak?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *By all means*.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya dulu, boleh?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Kalau Yang di-Pertua izinkan, saya tidak ada masalah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya nampak yang Tan Sri tak sebut tadi itu. Rakyat adalah kesetiaan. Rakyat adalah ketaatan. PLKN yang disebut oleh Datuk Cikgu Mustafa tadi saya fikir untuk ke situ. Apakah komen Yang Berhormat?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dato' Yang di-Pertua secara *in general*-nya sifat dan sikap kesetiaan ini ada dalam diri kita semua. Kita- semua setia. Ramai yang setia kepada isteri kita. Menteri ternganga buat apa? Ramai yang setia kepada suami.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Setia kah, takut..?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *It's a very thin line*, takut dengan setia, tetapi kerana keadaan-keadaan tertentu kadang-kadang ingkar dengan kita Yang Berhormat Cikgu Hussin, tetapi *in general, we all* setia. Rakyat memang setia. Setia kepada negara ini apa semua.

■1640

Bahasa Melayu dan syarat-syarat kita yang lain, ia akan *enhance* lagi kesetiaan kita kepada negara kita. Dato' Yang di-Pertua, satu pencelahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Boleh, boleh.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Okey. Tadi Yang Berhormat Tan Sri menyatakan bahawa perlu ada memberi kursus dalam Bahasa Malaysia. Ada juga kawan-kawan yang lain yang menyatakan sedemikian. Saya nak tanya, setuju tak Yang Berhormat Tan Sri jika saya menyatakan begini. Kalau kita memohon sesuatu, terpulang kepada kita sebagai pemohon untuk memastikan bahawa kita dapat menepati semua syarat yang ditentukan.

Jadi, begitu juga bagi kefasihan dalam Bahasa Melayu. Adakah itu bukan tanggungjawab seseorang yang memohon kerakyatan untuk memastikan dia fasih Bahasa Melayu terlebih dahulu? Sebab sekarang ini alam digital. Banyak yang dia boleh belajar dari kelas kah, *online class* dan sebagainya. Mengapa pula kita bebankan kerajaan untuk mengatur, menguruskan kelas Bahasa Melayu kepada mereka- Tan Sri setuju tak?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Mana boleh saya tak setuju. Mesti setuju, tetapi maksudnya begini. Maksudnya, betul sangat. Kalau kita nak memohon sesuatu, kita mesti melayakkan diri kita dulu. Kita dah tahu apa syarat, apa semua, mesti kita kena layakkan diri. Nak minta kerja pun kita kena tahu kita layak, tetapi jika pergi *interview* itu kita tak layak, tak lulus. Itu maksudnya. Tak lulus, maka bagi mereka *a second chance*. Kita *provide* kepada mereka, untuk *provide* jalan. Mungkin kita tak payah tanggung pun kursus itu. Bagi jalan di mana dia boleh ambil kursus itu apa semua kerana kita nak selesaikan masalah itu.

Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya saya kata tadi 10 minit cukup, tetapi sebab ada mencelah lebih sebenarnya... *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Satu minit setengah ya, boleh? Satu minit setengah kira tadi.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Lebih. Cikgu Hussin cakap tiga minit, Rita cakap empat minit... *[Ketawa]* Okey.

The problem with the people is real, dengan izin Dato' Yang di-Pertua. Saya ada satu masalah saya nak cerita ini, sebelum saya nak cakap sokong. Saya ada satu masalah. Di Kelantan, satu orang yang mempunyai anak lima orang. Satu *couple*, anak lima orang. Dua-suami isteri sudah menjadi rakyat Malaysia, Warganegara Malaysia. Anak satu orang Warganegara Malaysia, dua orang lagi tak jadi rakyat Malaysia, tetapi dia berkira dengan Cikgu di sekolah, Cikgu Besar macam Cikgu Mustafa ini, boleh masuk sekolah belajar *Standard 1* sampai *Form 3,* nak ambil *exam* tak boleh, sebab tidak rakyat.

Apakah maksudnya di sini? Anak sudah berbelas-belas tahun. Anak nombor dua ke, nombor tiga ke berbelas-belas tahun dah umurnya. Sampai Tingkatan 3 tak boleh periksa kerana tidak menjadi rakyat. *What it means is,* mereka ini sudah tinggal di sini berpuluh-puluh tahun, tapi anak mereka tak selesai lagi. Saya tanya, *"Tak memohon kah kerakyatan?" "Mohon. Sudah lama tak dengar jawapan."* Kalau Datuk Azhar kata tadi, *"Kementerian Dalam Negeri, jawablah..."* Dia kata. Datuk Azhar kata. Saya bangun kena buat *je* ini, ucap bahasa ini.

Kementerian Dalam Negeri, jawab. Kalau Kementerian Dalam Negeri jawab permohonan mereka itu, mereka tahu status sebab apa, tetapi oleh sebab tidak ada jawapan, senyap sunyi, mereka pun tak tahu nak buat apa. *They come and see me,* tetapi saya pun tak tahu nak buat apa juga... *[Ketawa]* Kerana sangat sukar.

Sebab itu saya menekankan di sini, sebagai mana rakan-rakan lain, rang undang-undang ini terbaik. Datuk Menteri, tahniah, tetapi *please focus on SOP and* pelaksanaan. *Taskforce*- pasukan khas itu sangat penting. Mesti *go into detail* macam mana kita boleh selesaikan. Boleh *iron out,* dengan izin segala permasalahan untuk memudahkan rakyat kita.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

4.44 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berbahas RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024.

Saya ingat saya jadi orang terakhir. Rupanya *second last*. Jadi untuk orang yang akhir ini, begitulah, sudah banyak isu yang telah dibangkitkan. Saya akan hanya sentuh beberapa sahaja. Beberapa sahaja untuk menunjukkan kepentingan isu ini.

Terlebih dahulu saya nak ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang berjaya membawa pindaan ini dan dapat diluluskan di Dewan Rakyat pada 17 Oktober yang lalu.

Kelulusan akta ini adalah satu pengiktirafan kepada wanita. Satu perjuangan yang lama oleh ibu-ibu untuk mendapat hak kewarganegaraan bagi anak-anak mereka. Keputusan ini sudah pasti memberi kelegaan kepada ibu-ibu warganegara yang melahirkan anak-anak di luar negara, yang sebelum ini hanya layak mendapat kewarganegaraan hanya jika bapanya seorang warganegara.

Dato' Yang di-Pertua, merujuk Fasal 12(1), taraf kewarganegaraan mana-mana orang yang lahir di dalam atau di luar Persekutuan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini, hendaklah pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini diuruskan mengikut Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, seolah-olah Perlembagaan Persekutuan tidak dipinda oleh akta ini.

Jadi penyataan fasal ini menunjukkan bahawa anak-anak yang dilahirkan oleh ibu warganegara sebelum tarikh kuat kuasa terpaksa melalui permohonan seperti sedia ada sekarang. Justeru itu, saya mohon penjelasan, bagaimanakah status anak-anak yang dilahirkan sebelum tarikh kuat kuasa ini? Adakah harapan bagi mereka untuk menjadi Warganegara Malaysia?

Memandangkan pindaan ini juga tidak terpakai secara retrospektif untuk anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu-ibu Malaysia termasuk mereka yang berumur lebih 21 tahun, sejauh mana kajian impak telah dijalankan terhadap kesan prospektif khususnya anak yang telah dilahirkan di luar negara oleh ibu warga Malaysia serta implikasi terperinci susulan penurunan had umur kepada 18 tahun yang turut dijalankan oleh negara-negara lain seperti United Kingdom, Kanada dan Australia?

Manakala bagi pemohon melebihi usia 18 tahun, adakah kerajaan juga telah memperhalusi penambahbaikan terhadap proses permohonan taraf kewarganegaraan termasuk syarat-syarat kelayakan terbabit? Kita menyokong kerajaan yang mengenakan syarat-syarat yang ketat bagi menganugerahkan kerakyatan atau kewarganegaraan Malaysia demi untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Namun untuk kes-kes tertentu, kerajaan perlu memberi pertimbangan dan memudahkan urusan jika pemohon telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Saya juga turut bersimpati kepada ibu-ibu yang selama ini berjuang untuk anak-anak mereka mendapatkan hak kewarganegaraan. Namun apabila undang-undang diluluskan,

mereka pula tidak dapat manfaat. Oleh itu, saya merayu supaya kerajaan melihat isu ini supaya ia dapat diselesaikan dengan baik.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Datuk Yang di-Pertua, merujuk kepada pindaan Jadual Kedua Bahagian II, Seksyen 1(a) menggantikan perkataan "seorang warganegara atau bermastautin secara tetap di persekutuan" dengan perkataan "seorang warganegara". Juga Seksyen (3), seorang kanak-kanak yang dilahirkan di luar persekutuan daripada seorang warganegara menurut perenggan Seksyen 1(c) dan tidak bermastautin di persekutuan bukanlah warganegara melalui kuat kuasa undang-undang dan boleh membuat permohonan bagi anaknya untuk menjadi warganegara melalui pendaftaran.

Manakala bagi situasi membabitkan bayi terbuang ataupun bayi terdampar, ibu-ibu mereka akan dianggap sebagai Warganegara Malaysia sehingga dibuktikan sebaliknya berbanding dianggap sebagai Pemastautin Tetap seperti sekarang. Persoalan saya, apakah elemen mekanisme kawalan yang akan dirangka atau yang telah dirangka oleh kerajaan bagi golongan anak-anak terdampar ini dan juga generasi kanak-kanak tanpa negara, mengambil kira pengguguran perkataan "bermastautin tetap" daripada Seksyen 1(a) selari dengan semangat Perlembagaan memandangkan Seksyen 19B membawa tanggapan bahawa ibu kepada seorang anak terdampar sebagai pemegang PR?

■1650

Pada masa yang sama, apakah pendekatan khusus kerajaan dalam menangani masalah tanpa kewarganegaraan di sebalik risiko rakyat tidak bernegara secara bergenerasi bahkan berpotensi diwariskan dari satu generasi- ke-generasi seterusnya?

Saya ada satu pengalaman sendiri ini di kampung saya, ada anak-anak yang *stateless*, kesian tengok. Adik-beradik tujuh orang *stateless*, semua itu tidak ada dokumen kelahiran sehingga sekarang tidak ada, tidak bersekolah sebab dinafikan hak kerana tiada kewarganegaraan. Sebabnya ibu mereka adalah warga seberang Thailand. Mereka kahwin dan lari ke Malaysia dan mereka tidak pulang-pulang ke negara mereka. Anak ini dilahirkan tanpa dokumen. Jadi kesian, tidak ada. Semua dinafikan. Tidak sekolah, rawatan tak dapat. Semualah. Apa-apa sahaja hak mereka tidak dapat.

Jadi, sejauh manakah pindaan ini juga dapat mencerminkan hak komuniti tanpa kewarganegaraan generasi ini termasuk juga Orang Asli ataupun Orang Asal ataupun warga peribumi Malaysia Sabah dan Sarawak? Ini pun saya ada pengalaman sendiri dengan anak-anak Orang Asli. Di perkampungan yang pedalaman, mereka kebanyakan masih lagi yang tiada- tidak mempunyai Sijil Kelahiran dan juga tidak didaftarkan tak ada MyKid.

Datuk Yang di-Pertua, kita memahami kesukaran warga kita yang tinggal jauh di pedalaman. Jadi, apakah perancangan khusus kerajaan termasuk daripada segi mobilisasi dan kesiapsiagaan pasukan membantu selia pendaftaran ke kawasan pedalaman? Kerajaan perlu membantu dan peka kepada permasalahan rakyat di pedalaman. Akses yang terhad. Sukar nak keluar. Mereka berada di- yang susah nak dapat nak keluar memerlukan 4x4. Maksudnya sukar untuk keluar untuk membuat pendaftaran dan keperluan penyediaan dokumen yang tidak lengkap. Bila dah keluar, dokumen pula tidak lengkap. Maka tidak dapat mendaftar adalah faktor yang menyukarkan rakyat di pedalaman untuk membuat pendaftaran. Jadi, kita berharap kewujudan pasukan bergerak ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah pendaftaran.

Datuk Yang di-Pertua, akhirnya saya pohon penjelasan bagaimana kerajaan boleh menangani isu berkahwin atas kepentingan atau keadaan yang mana perkahwinan di antara wanita asing dengan lelaki Warganegara Malaysia dibubarkan sejurus wanita berkenaan di anugerahkan kewarganegaraan. Apakah pula langkah-langkah lain yang bakal diambil bagi melindungi isteri yang mungkin berisiko terperangkap dalam perkahwinan atau berdepan suatu situasi keganasan rumah tangga ekoran pelaksanaan pindaan ini?

Datuk Yang di-Pertua, akhirnya saya menutup perbahasan saya ini dengan menyeru kerajaan untuk menyemak dan melihat kembali dari sudut mekanisme pelaksanaan dan SOP supaya tiada seorang insan pun tertinggal daripada keadilan dalam mendapatkan hak. Dalam masa yang sama kita tidak terlalu mudah untuk memberi kewarganegaraan demi kedaulatan negara kita. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasihYB . Sekarang saya menjemput pembahas kita yang terakhir Senator Datin Hajah Ros Suryati Alang.

4.53 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Datuk Yang di-Pertua sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan solidariti dan simpati saya kepada mangsa-mangsa banjir yang melanda negara kita pada ketika ini. Saya berharap agar mangsa banjir dapat tabah dan sabar menghadapi ujian yang melanda. Juga, tidak dilupakan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh kakitangan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri dan juga sukarelawan NGO yang bertungkus-lumus menyelamatkan, membantu dan meringankan beban mangsa banjir.

Terlebih dahulu terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024. Sesungguhnya anugerah kewarganegaraan merupakan anugerah yang paling tinggi

diberikan kepada seseorang untuk menjadi seorang warganegara. Manakan tidak, seorang itu bukan sahaja dapat bergerak bebas di dlm sesuatu negara malah mempunyai hak kepada pelbagai akses seorang yang lahir di negara tersebut. Antaranya hak berniaga, hak pemilikan, akses kepada pendidikan dan termasuk juga hak untuk mengundi. Maka, sudah tentu dasar pemberian taraf kewarganegaraan perlu dibuat secara ketat, teliti, secara cermat demi memelihara kedaulatan negara kita.

Tujuh bulan selepas dibentangkan bagi Bacaan Kali Pertama di Dewan Rakyat dan hari ini Dewan Negara, kita menempa sejarah untuk membahaskan pindaan-pindaan penting di dalam RUU ini. Ini kerana pindaan yang dibawa adalah penting yang membawa pelbagai isu membabitkan pemohon yang mahu mendaftar kewarganegaraan terpaksa menunggu lama. Malah ada yang sehingga puluhan tahun berikutan halangan dan kekangan beberapa peruntukan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada.

Maka langkah untuk membawa pindaan Perlembagaan ini merupakan satu langkah penting ke arah keadilan sosial dan penyelesaian pelbagai masalah kewarganegaraan. Walaupun langkah untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini merupakan langkah yang progresif daripada pihak kerajaan, namun kebimbangan terhadap RUU ini tetap ada. Jangan sekadar kita memudahkan kewarganegaraan bagi anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu Warganegara Malaysia, sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan B Seksyen 1 Bahagian II, Jadual Kedua, tapi jaminan kerajaan ini harus ada bahawa iaitu bahawa setiap permohonan kewarganegaraan akan diteliti secara mendalam dan selesai dalam tempoh yang diperlukan terutama dalam masa-masa situasi yang mungkin memerlukan lanjutan tempoh.

Maka dengan itu, soalan pertama saya setakat hari ini, pohon kementerian maklum kepada Dewan jumlah permohonan untuk menjadi warganegara sebelum pindaan ini dibawa tujuh bulan yang lalu dan jumlah permohonan yang diluluskan setakat ini. Selain itu, SOP baharu yang diperkenalkan untuk permohonan dan kadar masa untuk seseorang mendapat warganegara. Adakah sekiranya lulus RUU ini pada hari ini, adakah mungkin kadar masa itu dipendekkan atau akan dipercepatkan?

Datuk Yang di-Pertua, terdapat pelbagai pihak memberi pandangan yang berbeza-beza mengenai pindaan kepada Perlembagaan ini. Ada yang mengatakan bahawa pindaan ini akan memungkinkan beberapa kesan kepada keselamatan dan kedaulatan negara kita. Salah satu kebimbangan utama ialah peningkatan kes kewarganegaraan berganda di mana Malaysia tidak mengiktiraf kewarganegaraan berganda ini.

Seterusnya, mengenai isu penyeludupan kewarganegaraan. Pindaan ini juga berpotensi membuka ruang kepada penyalahgunaan atau memanipulasi proses kewarganegaraan. Selain itu, isu masalah seperti imigrasi dan pendaftaran tanpa tapisan.

Seterusnya isu kerosakan terhadap integriti kewarganegaraan. Akhir sekali tentang isu berkenaan dengan ancaman kepada keselamatan ekonomi dan sosial.

Adakah kementerian meneliti semua perkara yang saya sebut tadi? Apakah jaminan kerajaan pindaan ini tidak membawa impak besar kepada negara kita? Adakah kerajaan akan mewujudkan sistem pemantauan yang berterusan untuk menilai undang-undang kewarganegaraan yang baharu? Ia termasuk melaksanakan audit berkala terhadap proses permohonan kewarganegaraan.

Kedua, kajian semula undang-undang jika perlu. Perkara ini semua harus diteliti terutamanya kesan masa panjang kepada negara.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai meminda Perkara 15(1) iaitu mewajibkan syarat tambahan bahawa pemohon mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu. Saya ingin merujuk kepada perkataan “mencukupi” di sini yang membawa banyak pandangan yang perlu diperjelaskan dengan lebih mendalam. Adakah takrifan ini meliputi Bahasa Melayu rojak atau sekadar memenuhi syarat ketika membaca ikrar ketika mengangkat sumpah sebagai satu syarat yang menjadi wajib mendapat kewarganegaraan?

Pindaan ini penting bagi memastikan individu yang dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia mempunyai asas Bahasa Malaysia yang merupakan salah satu identiti Malaysia, lambang jati diri masyarakat Malaysia dan satu alat perpaduan selaras dengan kedudukan dan taraf Bahasa Melayu yang telah termaktub di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin bertanya mengenai pindaan di mana Warganegara Malaysia yang ingin melepaskan status kerakyatannya adakah akan ada proses tapisan supaya tidak ada isu-isu keselamatan dan mungkin ada hutang tertunggak, kes mahkamah dan sebagainya yang patut diselesaikan terlebih dahulu. Adakah harta pemilikan mereka akan dijual, disita atau dibenarkan untuk dijual oleh pemohon sebelum berpindah kewarganegaraannya. Pindaan ini bagi saya adalah amat baik sekali kerana ia memberikan kuasa kerajaan untuk memastikan siapa sahaja yang melepaskan Warganegara Malaysia perlu disemak dan disiasat terlebih dahulu.

Seterusnya saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk mengadakan kursus ataupun syarat-syarat supaya pemohon-pemohon ini memahami, mengetahui mengenai budaya di Malaysia. Saya rasa boleh dibangunkan modul khas untuk pemohon bahawa pentingnya mematuhi dan memahami undang-undang di negara kita. Kerajaan perlu memastikan siapa sahaja yang berhasrat menjadi warganegara perlulah bersedia untuk mendukung dan mempertahankan Rukun Negara sebagai satu cara hidup kita bukan hanya

mengangkat sumpah, tetapi tidak memahami isi kandungannya. Ini penting sebagai manifestasi kepentingan kesetiaan dan taat setia mendaulatkan negara kita.

Kita- semua maklum bahawa tahun hadapan Khidmat Negara akan disambung semula dan Penjawat Awam kini giat menjalani proses kursus kenegaraan. Saya berpandangan bolehkah modul khas ini meliputi dalam Kursus Kenegaraan tersebut. Saya juga berpandangan biarlah ketat agar tidak menimbulkan masalah atau isu pada masa depan.

Seterusnya untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu Perkara 18(1A), *"Mana-mana orang di bawah umur 18 memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran untuk mengangkat sumpah selepas mencapai umur 18 tahun dan perlu mengangkat sumpah dalam tempoh 48 bulan. Jika tidak, ia akan terhenti menjadi warganegara."* Saya ingin bertanya bagaimana pula dengan kes sekiranya seseorang itu melanggar undang-undang atau terlibat dengan kegiatan jenayah ataupun sedang dalam proses mahkamah? Adakah proses tersebut akan ditangguhkan atau dibatalkan permohonannya?

Datuk Yang di-Pertua, kita berbangga dan sepatutnya menjadi rakyat Malaysia juga harus berbangga kerana negara kita dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa. Ini semua terhasil daripada sumbangan dan kebijaksanaan kepimpinan terdahulu yang berjaya membawa Malaysia sebagai negara yang disanjung di mata dunia. Sebagai bukti, pasport yang kita pegang ini membenarkan kita masuk tanpa visa ke-124 buah negara dan global *passport index* menunjukkan ranking Malaysia pada ranking yang kesepuluh.

Bermakna Warganegara Malaysia diterima pergi ke mana-mana pun dan tidak lupa juga negara kita Malaysia menyaksikan peningkatan tahap kebahagiaan dalam kalangan rakyat yang mantap bagi tempoh 2020 hingga 2023 melepasi tahap global tahun ini. Berdasarkan Indeks Kebahagiaan mengikut negara, Malaysia berada pada tahap 77 peratus lebih tinggi daripada purata 30 buah negara yang mencatat tahap 71 peratus.

Akhir kata, saya berharap dengan pindaan yang dibawa ini akan melahirkan dan memperoleh Warganegara Malaysia yang taat setia kepada Raja dan undang-undang negara dan menerima dengan seadanya budaya dan bahasa seperti yang termaktub dalam Perlembagaan dan yang paling utama Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Islam sebagai Agama Persekutuan.

Maka dengan ini Datuk Yang di-Pertua saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datin Ros. Saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dah puas hati kan berbahas pada hari ini dan *insya-Allah* akan menyokonglah rang undang-undang ini.

Saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri ada kesulitan masa juga. Jadi, kalau saya bagi Yang Berhormat Menteri 45 untuk menjawab, cukup ya?... *[Merujuk kepada YB Menteri Dalam Negeri]*

Baik, terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk mula menjawab.

5.05 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: Baik. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat al-Quran]*
Datuk Yang di-Pertua, terima kasih peluang yang diberikan pada saya untuk menggulung perbahasan di kalangan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di bawah tajuk Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 berhubung dengan kewarganegaraan.

Hendak jadi warganegara ada tiga jalan. Pertama, automatik atau kuat kuasa undang-undang. Mudah faham macam yang Tan Sri Fatmi sebut tadi, mak ayah rakyat Malaysia, anak warga Malaysia.

Jalan yang kedua- pendaftaran. Pasangan yang berkahwin lama tidak ada rezeki, tidak ada zuriat, diambil anak di pusat jagaan misalnya atau diambil anak angkat. Itu bukan automatik, dia mesti mohon. Itu pendaftaran.

Ketiga, naturalisasi. Itu adalah tiga jalan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Asal kita uruskan isu warganegara ini mengikut lunas dan tiga jalur itu, kita selamat dari sudut Perlembagaan, maknanya kita patuh.

Kedua, dari sudut perundangan yang memandu isu warganegara ini ia ada Perlembagaan Persekutuan, ia ada akta ibu sekurang-kurangnya ia ada 14 Akta Ibu. Kemudian dituruti dengan kaedah dan peraturan ya- *Citizenship Rules 1964* misalnya. Itu satu contoh- Akta Pendaftaran Kelahiran, itu contoh. Jadi, Perlembagaan, akta, kaedah peraturan juga adalah acuan yang memandu kerajaan khususnya KDN dalam menguruskan isu kewarganegaraan. Baik.

Kerajaan Perpaduan membuat satu keputusan politik berasaskan kepada tekad politik yang jelas. Kita hendak lakukan benda yang betul. Kita tahu isu warganegara ini sudah lama berlegar. Apa yang kita dengar di luar sana mereka tidak tahu macam mana hendak mohon warganegara. *Where shall I begin?*

Satu. Kalau dah mohon sebahagian besar Yang Berhormat kata tadi pengalaman menguruskannya- ada yang tunggu lima tahun, tujuh tahun, 10 tahun hanya untuk diberitahu- "Dukacita permohonan gagal..." tanpa tahu sebab musabab. Itu realiti yang berlaku.

Akibat daripadanya, anak-anak yang tidak ada status warganegara susah hendak belajar sebab tidak ada dokumen atau kalau sakit demam pergi hospital bilnya mahal. Itu secebis kisah sebenar yang dihadapi oleh rakyat. Dalam suasana inilah kebetulan satu gerakan *Family Frontiers* yang memperjuangkan *single issue*. Mereka mendukung satu hasrat bahawa anak yang lahir di luar negara daripada ibunya warganegara, kalau Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 kata, lelaki wanita sama taraf, kenapakah anak yang dilahirkan di luar

oleh ibu warganegara mesti mengikut warganegara bapa? Kenapa tidak dapat pada ibu secara automatik. Jadi, kita ada sekatan undang-undang di situ.

Jadi, *Family Frontiers* tampil membawa kes ke mahkamah dan menang di peringkat Mahkamah Tinggi, Hakim kata Perkara 14(1) maknanya "bapa" itu termasuklah "ibu bapa" itu maknanya "ibu" Tentulah nampak aneh, tetapi kita faham keputusan Mahkamah Tinggi mahu melihat bahawa kalau tidak dipinda maka prinsip melihat bahawa lelaki perempuan sama taraf tidak dapat diterjemahkan. Kerajaan pada ketika itu membuat rayuan dan Mahkamah Rayuan memenangkan Kerajaan Persekutuan. Jadi, tertangguh di situ.

Ketika inilah Kementerian Dalam Negeri memasukkan permohonan supaya Kabinet bersetuju dengan keputusan dasar. Apakah dia? Kita hendak meminda Perlembagaan khusus untuk isu anak lahir luar negara asalnya, tetapi setelah kita tubuhkan pasukan penyelidik dan mengkaji, pertama amalan baik isu warganegara ini daripada negara-negara luar sama ada negara Komanwel atau bukan Komanwel, kajian-kajian terhadap hampir kesemua akta yang ada dalam negara kita.

■1710

Maka, kita pun kemukakan bahawa ini adalah hasrat menuju ke arah tindakan yang betul. Di sana, Perlembagaan Persekutuan kata kalau nak meminda Perlembagaan, ia mestilah mematuhi Perkara 159(5). Maksudnya apa? Kena bentang pada Majlis Raja-Raja. Mesti diberi perkenan. Juga menurut Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan, maksudnya kena juga diberi persetujuan oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak. Dia tak sebut Kerajaan Johor. Tak sebut Kerajaan Terengganu. Tak sebut. Dalam Perlembagaan Persekutuan, kelulusan persetujuan Kerajaan Sabah, Sarawak disebut. Baik.

Oleh itu, KDN mempersembahkan. Bukan sekali, bukan dua kali, berkali-kali pada Majlis Raja-Raja. Sehingga lumat sebelum kemudiannya Majlis Raja-Raja menyusul dengan minit bahawa Majlis Raja-Raja memberi perkenan sepenuhnya kepada cadangan pindaan. Begitu juga hitam putih kami dapat daripada Kerajaan Sabah, Sarawak. Jadi, kita lepas semua prasyarat itu.

Berikutnya adalah sesi libat urus. Yang paling penting 222 di Dewan Rakyat dan sejumlah sekarang ini 56 di Dewan Negara. Kita juga dah lepas. 206 menyokong, 14 tak hadir, 1 menentang. Di sini menjadi hasrat kami. Kalau ada titik temu kita dalam perkara ini, biarlah hari ini kita mendapat sokongan bulat. Kita mulakan dulu langkah pertama. Di Dewan Rakyat, *alhamdulillah*, kesemua *bloc engagement* yang kita buat itu menyeluruh.

Di luar sana, pakar-pakar atau *distinguished individuals*, pakar-pakar Perlembagaan, aktivis kemanusiaan, badan bukan kerajaan, masyarakat sivil. Semua sekali dan menjadi pendekatan kami di KDN, Dato' Yang di-Pertua, yang paling tajam mengkritik, itulah yang paling kerap kami panggil untuk berdialog ya. Termasuk *engagement* saya dengan beberapa

kali juga dengan blok pembangkang dan *alhamdulillah*, kita dah berjaya selesai situ. Kita ada satu lagi iaitu melepasi di peringkat Dewan Negara pada hari ini. Mudah-mudahan tercapai.

Baik. Apakah niat akhir kita? Mudah-mudahan ya. Tujuannya adalah sebahagian besar daripada perbahasan Ahli Yang Berhormat, menyentuh pelbagai perkara, tetapi berlegar di atas paksi yang sama.

Pertama, retrospektif atau prospektif...?

Seorang Ahli: Ha.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: *[Ketawa]* Tengok itu. Dia sebut dah. Bunyi dah. Pelucutan isteri yang setelah dua tahun dapat warganegara, bercerai, lucut, contoh ya. Kemudian, soal umur 18, 21. Kemudian, soal Orang Asli, Orang Sabah, Sarawak ya. Kemudian, soal SOP. Saya akan menyentuh perkara-perkara ini. Biar sebelum Yang di-Pertua minta untuk kita mengundi, biar ada kepuasan. Tidak ada sekelumit pun lagi keraguan. Baik.

Sebelum itu, biar angka berbicara. Di Dewan Rakyat, saya menyebut bahawa. Saya masuk pejabat 5 Disember. Bermula 22 Disember sampai sekarang, saya telah pun menandatangani keputusan sebanyak 32,408 permohonan warganegara. Di bawah pelbagai perkara. Semua sekali... *[Tepuk]* 14, 15, 16. Perkara 19. Perkara 30 Perlembagaan. 30 ini waham. Kalau permohonan itu ada keraguan misalnya, namanya Encik Hussin bin Ismail. *Spelling*-nya “C-H-E” koma hilang. Dialah orangnya tapi kerana hilang satu koma, jadi itu kes waham. Itu pun ada dalam Perlembagaan kita. Baik.

Saya telah membuat keputusan pada 32,408 ketika saya meletakkan KPI kepada pegawai-pegawai saya. Tahun lepas, saya mesti luluskan atau buat keputusan pada 17,000. Saya melepasi angka itu hampir sekali ganda. Bila saya teliti, perkara paling banyak yang saya buat keputusan adalah perkara membabitkan anak angkat, anak tidak sah taraf dan anak jagaan. Sebab yang ini sahaja sebenarnya sebahagian besar permohonan warganegara. Selesai bab ini, 80 persen masalah warganegara selesai. Angkanya begitu. Baik.

Perkara 15A adalah pendaftaran. Maknanya, kalau anak angkat, anak tak sah taraf, anak jagaan, permohonannya kita proses mengikut 15A. Inilah yang paling banyak saya buat keputusan. Paling banyak. Ini. Bayangkan, sekarang ini hampir 19,567 yang saya buat keputusan ini memberikan kelegaan kepada 19,567 anak-anak kita. Saya menerima ratusan ucapan terima kasih kerana mereka tunggu tujuh tahun, lapan tahun, 10 tahun dan kerana hari ini kita melihat bahawa tajuk ini sudah berada dalam *mainstream* perbahasan.

Jadi, kita rasa satu sahaja pilihan yang kita ada. Teruskan kalau kita yakin bahawa ini adalah saham kita untuk melakukan perkara yang betul. Perkara yang betul, perkara yang menggembirakan rakyat di luar sana. Kita jadi orang yang boleh memberi manfaat kepada orang lain. Kalau itu dapat kita buat, kita adalah sebaik-baik umat. Nabi kata... *[Membaca sepotong hadis]* Sebaik-baik manusia ialah bila dia beri manfaat kepada orang lain.

Saya nak bukan saya saja, bukan Dato' Yang di-Pertua saja, saya nak semua Ahli-ahli Dewan yang ada ini ikut sama masuk dalam kategori yang disebut "umat terbaik", kerana undi kita itu akan memberi manfaat kepada sebahagian besar lagi yang ada di luar sana... *[Tepuk]* Baik.

Oleh kerana paling banyak sekali adalah Perkara 15A diikuti Perkara 19(1) naturalisasi, maka saya minta pegawai-pegawai saya untuk dua jalur ini 15A dan 19(1), sediakan SOP yang jelas. Seperti mana kehendak sebahagian besar Ahli Yang Berhormat. Hari ini, SOP untuk 15A dan 19(1) sudah tersedia. Ini menjadi panduan penting. Kami ikat juga, saya minta pegawai-pegawai saya, tahu urusan sebelum itu lima tahun, tujuh tahun. Sebenar-benarnya kalau kita ikuti dengan cermat, ikut tertib tanpa *compromise* isu keselamatan. Tanpa ketepikan soal pertimbangan kemanusiaan. Kita nak selesaikan masalah. Sejujurnya berapa lama kita perlu ambil masa? Sebab dia ada dua Bahagian. Satu, Bahagian Pendaftaran. Satu lagi, Jabatan Pendaftaran. Itu yang bidang kuasa di bawahnya. Tak termasuk bidang kuasa bawah saya. Mereka kata bahawa Datuk bagi 12 bulan tempoh munasabah.

Jadi, yang pertama kita dah siapkan SOP. Kedua, kita ikat asal namanya "Permohonan Warganegara", jangan melampaui tempoh 12 bulan. Itu, kita anggap sebagai komitmen yang mengikat. Ini di *Hansard*-kan ini? *Why in Hansard*? Ini digunakan dalam pertarungan isu warganegara yang berlaku sekarang di peringkat Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah Tinggi. Banyak kes dibawa. Jadi, leganya kerana sebahagian besar pada kes itu, peguam kerajaan akan bagi tahu bahawa terhadap permohonan ini, sudah pun dibuat keputusan. Itu dia. Kesan.

Datuk Lim Pay Hen: Mohon mencelah, boleh?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih ,Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata permohonan mengambil masa lima tahun, tujuh tahun. Boleh tak Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini, kenapa masa begitu panjang untuk meluluskan satu permohonan dan juga pengalaman saya, saya pernah pergi ke Putrajaya dan pegawai beritahu saya, kita tengah uruskan permohonan 10 tahun yang sebelum ini. Jadi, adakah benda ini akan berlaku dan juga komitmen satu tahun untuk luluskan permohonan? Boleh betul-betul dilaksanakan kah tidak? Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Yang Berhormat, sekarang yang saya ini adalah kitab baharu. Kita mula kitab baharu.

Datuk Lim Pay Hen: Ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Okey. Yang Berhormat bangkit itu adalah kitab lama. Tujuh tahun, 10 tahun- itu kitab lama. Permohonan itu yang sekarang sedang saya buat keputusan. Misalnya, permohonan untuk anak lahir di luar negara, belum pun kita

kuatkuasakan pindaan ini iaitu anak akan dapat warganegara secara automatik. Semua permohonan yang sebelum ini di bawah kategori anak lahir luar negara, jumlahnya 3,198 sudah pun saya buat keputusan semuanya. Tak ada lagi. Semua dah buat keputusan. Dulu, mereka itu menunggu lama sebab angka ini 3,198. Saya dah buat keputusan semua sekali.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Boleh mencelah?

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Mencelah. Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Kejap, kejap, kejap, kejap.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Okey, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi Menteri.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Cuma nak kepastian. Bila membuat keputusan. Dia asyik minta kelulusan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: YB, YB.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Kelulusan atau tidak? *Yes*.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi Menteri jawab dulu, baharu kita mencelah... *[Ketawa]* Kalau saya bagi mencelah sekarang, nanti Menteri dia punya *flow* dia terganggu. Jadi, biar dia terangkan. Kita kumpul semua sekali. Bila dah nak dekat habis, baharu kita tanya soalan. Boleh tak?

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Mohon maaf, Tuan Speaker.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Maaf.

■1720

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Speaker atas memandu perjalanan ini.

Baik,saya sebut biar kita jelas sebelum kita meminda 14(1)(b) ini anak lahir luar negara timbunan permohonan yang belum buat keputusan. Sedang kita uruskan di peringkat Dewan Rakyat dan di sini, belum lagi kita wartakan untuk kuat kuasa undang-undang secara automatik yang lama itu 3,198 itu sudah pun kita buat keputusan. Soalannya, keputusan itu lulus ataupun tidak? Itu isu dia. Okey baik.

Kalau dokumen dia dokumen palsu, contohlah, memang berlaku. Yang Berhormat bagi panduan pada, saya nak lulus kah tidak?...

Beberapa Ahli: Tidak.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Tidak. Baik. Maksudnya keputusan telah dibuat untuk itu- tolak.

Baik, ada juga elemen tapisan keselamatan. Tadi disebut banyak kita nak seimbangkan kemanusiaan, kedaulatan undang-undang, keselamatan negara. Sebab itu dalam Perlembagaan Persekutuan ini selain daripada Perlembagaan, selain daripada Akta Ibu selain daripada kaedah dan juga peraturan, ada satu keperluan- semakan keselamatan. Kita tak boleh *do away* dengan kaedah itu terutama negara terbuka macam negara kita. Okey,

kita hadapi pelbagai ancaman. Tiba-tiba tercetus Ulu Tiram. Tiba-tiba berlaku yang menyertai Daesh dan semua itu balik ke negara kita, banyak masalah.

Jadi, menentukan taraf warganegara ini kena ada Tapisan Keselamatan. Kalaulah pihak berkuasa dalam Tapisan Keselamatan mengesyorkan- ada keraguan, tentulah tangan saya tidak akan buat tandatangan untuk itu, maknanya- tak lulus. Baik.

Begitu juga kalau umpamanya keberadaan dia, dia mohon, tapi tak pernah satu saat pun pijak kaki ke dalam negara ini. Ini isu kesetiaan, tapi berada di mana? Orlando, di Alaska- tak bolehlah, tapi kalau- Yang Berhormat jangan risau SOP kita jelas. Kalau kesemuanya itu kita uruskan dengan baik Yang Berhormat, peratusan yang berjaya itu jauh lebih besar berbanding peratusan kita tolak. Kalau kita tolak, pasti ada sebab-sebabnya.

Baik, hari ini dengan SOP yang kita buat pemohon itu setelah pegawai kita semak nanti- ini SOP baharu. Dia akan semak. Kalau ternyata tak lengkap dan sebagainya masa itu juga dia kata, *"Minta maaf encik. Permohonan encik kami tak akan proses sebab tak comply dengan SOP baharu."* Dia akan tahu seawal dia kemukakan permohonan, dia tak payah tunggu lama-lama supaya berlaku adil kepada dia. Bila kita kata, kalau nak masuk juga permohonan risikonya adalah kami akan proses, tapi dia akan berakhir dengan- tidak berjaya. Kerana kami akan terang ini SOP baharu yang kita masukkan. Baik, itu soal anak di luar negara.

Baik, SOP dah siap 15A, 19(1). Kenapakah dua ini saja? Ini yang paling banyak. Selesai dua ini, selesailah- macam selesai Tambak Johor dengan KLIA- kesesakan. Selesailah isu kesesakan pintu masuk- macam itulah bagi warganegara.

Baik. Kemahiran Bahasa Melayu. Saya ucap terima kasih. Kemahiran Bahasa Melayu ini asal Perlembagaan Perkara 19(1) memang syarat bahasa ada- 16, iaitu dia berada dalam negara kita nun sebelum daripada merdeka. Mereka ini umur 80, 90. Satu lagi kita baharu masuk 15(1) isteri warga asing. Dulu tak ada.

Baik, kenapa syarat bahasa? Yang Berhormat tahu, Perlembagaan Persekutuan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi, bahasa lain boleh dipelajari dan dipertuturkan, tapi ada empat perkara kita tak payah beza:

(i) Islam Agama Persekutuan, agama lain boleh dianuti;
(ii) peranan institusi Raja-Raja Melayu;
(iii) bahasa; dan
(iv) Perkara 153.

Itu kita tak payah beza pendapat- dah selesai.

Jadi, kalau dalam perlembagaan menyebut tentang kedudukan bahasa itu sendiri, apa sangatlah dalam Perlembagaan ini soal warganegara kita masukkan dan ini memang menjadi amalan banyak negara-negara luar- Kanada, Amerika Syarikat, semua masuk- Perancis,

Jerman, nak jadi warganegara kena mahir bahasa itu bahasa Jerman antara bahasa dunia yang paling susah dipelajari dan kita dah masuk sebenarnya dalam syarat bahasa ini, dalam *Citizenship Rules 1964,* dengan izin, perkara ini dah masuk menguasai Bahasa Melayu.

Apa ayat dia yang dia gunakan? Dia gunakan ialah *adequate knowledge,* terjemahan kita adalah "pengetahuan yang mencukupi."

Ada juga dalam Perkara 16 yang saya sebut tadi pengetahuan asas *elementary knowledge,* 19 *adequate knowledge*- 19 ini maknanya, suami warga asing kahwin dengan perempuan Malaysia. Dia kena bahasanya adalah *adequate knowledge,* tetapi dalam Perkara 16 yang tadi umurnya 90, umur dulu lagi dia ini *elementary knowledge*. Jadi, dia bila kita buat *interview* kita bukan tanya, *"Bolehkah Puan nyatakan latar belakang Puan?"* Tak ada, tak ada. Dia datang berumur 80, 90 Melayu, Cina, India. Saya hadir sendiri sesi temu bual itu. Dahlah *setting* dia itu pun dah macam- *interview* kita. Kalau nak pergi *interview* kerja pun gemuruh, apa lagi makcik-makcik ini.

Jadi, saya minta pegawai-pegawai saya yang ini syaratnya *elementary*- dia faham. Faham apa? Faham budaya kita. Kalau kita tengok dia, *"Kenal tak gambar ini KLCC?"* Dia kata, *"Kenal" "Di mana ini" "Kuala Lumpur" Yes,* dia tahu- satu.

Kita tunjuk dia sate kah, apa semua, *"Ini makanan apa?" "Banyak dimakan masa bila?"* dia boleh sebut.

Tunjuk lampu perayaan Deepavali kah, dia faham. Makna dia tahu.

Ingat saya nak sebut kategori Perkara 16 ini adalah kategori umur yang sudah lama. Saya tanya, *"Kenapa makcik nak minta IC Biru?" "Senang dapat permohonan Jabatan Kebajikan minta bantuan."* Ini realiti mereka, di bawah.

Jadi, saya fikir arahan saya kepada pegawai-pegawai saya senang. Permudahkan sebab syarat dia disebut *elementary knowledge.* Ada juga yang disebut *sufficient knowledge* iaitu pengetahuan yang mencukupi juga *adequate and sufficient,* tapi yang *elementary* Perkara 16D adalah pengetahuan asas.

Jadi, apa yang kita buat dengan kerjasama Universiti Putra, kemudian JPN kita. Kita bangunkan modul baharu Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu- ada modul itu ada. Kita dah buat dah. Sekarang dah bangunkan. Jadi, kita guna pakailah yang itu sebagai ukuran ujian bahasa. Jadi dah ada. Bila Ahli Yang Berhormat banyak dan mendukung, saya rasa lega. Cabaran sekarang adalah bagaimana kita nak memperkemaskan, sesuaikan. Itu daripada hal bahasa.

Baik. Anak kepada pemastautin tetap. Mak IC Biru, ayah IC Biru. Perlembagaan sebelum ini sebelum kita pinda, anaknya itu automatik warganegara. Baik, kita tengok IC Merah ini, dia ada dua kategori. Satu yang *local born,* mereka lahir di sini. Sebelum 1957 dulu, 1948 Jabatan Pendaftaran Negara mula wujud dan membuat pendaftaran penduduk. Okey, pada yang ada dokumen pada masa itu, dia daftar dalam buku lejarlah, tapi kalau yang kosong

terus, tapi mereka lahir di sini. Jadi, dasar pada waktu itu bagi dia IC Merah. Dasar pada waktu itu. Jadi, bila masa berlalu, hari ini kategori yang *local born* asal tak ada dokumen sebelum 1957 dulu dan sebelum 63 mereka ini jumlahlah dalam 30,000 ribu.

Okey baik. Kategori yang kedua, mereka adalah warga asing sepenuhnya, tapi mereka berada di Malaysia lama- mereka dapat IC Merah. Jadi, kalau Perlembagaan Persekutuan kekal dengan peruntukan sebelum ini, dia mungkin Indonesia, isteri dia dari Thailand, duduk di Kepong lahir anak di sini automatik warganegara dan jumlah ini lebih besar- lebih 200,000.

Jadi, apa langkah yang betul patut kita buat kalau dia ini warga Indonesia tinggal di sini dan jadi PR, IC Merah dia masih Warganegara Indonesia? Kalau anak dia lahir di sini, anak dia itu kena daftar di Kedutaan Indonesia dan anak dia dianggap ikut bapalah. Dia ada warganegara jadi tak timbul isu *stateless*, tak ada, tapi kalau kita bagi dia automatik warganegara bermaksud dia warganegara ikut bapa, dia juga Warganegara Malaysia- dua *citizenship*.

Perlembagaan tak iktiraf dua *citizenship,* sebab itu kita pinda minta Yang Berhormat memberikan pertimbangan- menyokong kita, nak *address* isu ini. Kita kena ada proses lain untuk 30,000 lagi yang *local born.* Ini *another* SOP akan kita bangunkan bagi keutamaan kepada mereka supaya berlaku adil, tetapi tidak boleh tunggu semua kerana jumlah 200,000 ini terlalu besar untuk kita bagi kerakyatan automatik kepada anak- anak.

■1730

Yang ini saya bercalar balar kena serang oleh NGO di luar. *Cruel Minister!* Segala macamlah. Tak apalah. Kita sabar. Yang penting dalam Dewan ini boleh terima kerana saya berkongsi sepenuhnya data-data yang sebelum ini tak pernah kita tahu. Bayangkan tiga puluhan ribu IC Merah-IC Merah berbanding dengan 210,000 IC Merah, tapi semuanya warga asing. Anak lahir, automatik. Jadi kita betulkan dulu.

Mereka anak lahir sini, masih boleh mohon, tapi mohon- pendaftaran bukan automatik. Adapun yang *local born* kita akan bangunkan, sedang bangunkan SOP yang lebih jelas. Dia mesti ada berbeza daripada segi mengurus perkara ini. Ya baik, itu anak pemastautin tetap.

Saya bergerak...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh celah sikit, takut terlupa nanti. Berapa lama tempoh dia untuk yang duduk dah lama yang warga asing tadi pemegang IC Merah itu untuk anak dia ada hak untuk memohon, tempoh dia?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sebelum kita pinda, anak dia automatik dapat warganegara Yang Berhormat Haji Hussin, sebelum kita pinda. Bermula pindaan ini, kemudian kita pinda Akta Ibu kita wartakan dengan perkenan Kebawah Duli, anak yang lahir di sini selepas itu tidak lagi automatik warganegara. Sebab mak pak dia IC Merah. Pindaan ini kita perlu buat supaya tutup *flood gate* dia itu. Jadi, jangan dia tohmah nanti sebahagian

besar di luar sebagai tak berperikemanusiaan. Dia masih boleh, cuma dia mohon secara jalur pendaftaran.

Okey, berbanding sebelum ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya cadangkan kepada YB semua kumpul soalan, biar Menteri jawab.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan Menteri ini sudah jelas sejelas-jelasnya dan saya rasa saya pun dah hampir puas. Nak sampai ke kemuncak dah. Jadi, kita biar YB Menteri habiskan jawapannya, baharu kita tanya soalan tambahan, soalan mencelah.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sebahagian besarnya Yang Berhormat juga ada timbullah, kalau tidak di sini, sepintas lalu pun, di luar dia timbul. Tentang Orang Asli tadi Yang Berhormat Wan Martina Wan Yusoff.

Soal ada ditemui anak Orang Asli tak ada dokumen. Anak Orang Asli ini, anak peribumi Sabah Sarawak, dia kuat kuasa undang-undang automatik warganegara, tetapi kalau dia tak ada, cerita dia daftar lewat. Lahir, tetapi tak daftar. Dalam Akta Pendaftaran Kelahiran menjadi tanggungjawab seseorang yang mengetahui tentang satu kelahiran segera membuat pendaftaran. Di Semenanjung 60 hari, di Sabah Sarawak 42 hari. Saya kelebihan ya dah bergelumang dengan tajuk ini setahun lebih, saya hafal setiap akta dan seksyen mana, jadi hafal saya.

Jadi, kes Orang Asli ini kalau bertemu lagi, sah itu pendaftaran lewat. Bila pendaftaran lewat, memang tak adalah okey. Jadi kita betulkan baliklah. Pendaftaran lewat boleh dibuat oleh JPN.

Baik, timbul tadi, sebahagian besar timbul tadi mereka tinggal di kawasan pendalaman, yang itu pun kita menggerakkan satu inisiatif baharu iaitu Menyemai Kasih Rakyat singkatannya MEKAR. Tujuannya apa? Saya bagi tahu Pegawai JPN, jangan tunggu di pejabat 8 pagi hingga 5 petang, pergi cari rakyat yang ada masalah. Pergi cari.

Jadi kami pergi ke mana? Rumah jagaan orang tua, kami pergi. Kami pergi juga- baharu ini GISB. Kita tahan lima, enam ratus, kita semak sebahagiannya tak ada dokumen langsung. Kami pergi kawasan perkampungan Sabah, Sarawak kawasan pendalaman- Premier Sarawak- saya minta rakam dari sini, penghargaan kami- bagi sokongan logistik, helikopter, *four-wheel drive*, bot untuk kami ke kawasan rumah panjang. Pegawai-pegawai saya- saya kata, masa untuk tunggu di pejabat, tunggu rakyat untuk selesaikan boleh, tapi lebihkan *outreach programme.* Itu yang kami buat sekarang.

Saya baharu balik dari Pulau Mabul, Pulau Mabul nun sana. Itu lebih unik. Kami temui kes anak yang dah sekolah, tetapi tidak ada dokumen sebab perkahwinan tak teratur. Mak bapa belum sah berkahwin, anak lahir dulu, tak teratur. Jadi kami nasihatkan mak bapa

pergilah Daftar Perkahwinan. Buat perkara yang betul dahulu. Kemudian anak itu kita proses, itu cara kita buat.

Saya selesaikan kes satu NGO buat *TikTok* dan sebagainya menarik perhatian Tengku Intan Safinaz- keluar anak angkat, umur 10 tahun tak ada- saya pergi, kita selesaikan masa itu juga. Saya tanya mak angkat itu, flat Sentul. “Kakak masih berhubung dengan maknya?” “Masih” Dia bagi nama. Saya pergi cari ibu itu, dia di Chow Kit, lahir anak bagi orang, lahir anak, bagi orang. Mak- ibu ini kita bagi IC dengan sendirinya anak-anak dia adalah warganegara. Itu cara kerajaan buat. Kita tak masuk *TikTok* lah. Nanti lepas ini tolong bagi tahu. NGO dia *carry single issue*, dia bising yang ini.

Saya selesaikan tujuh, lapan beradik dengan hanya bagi IC kepada maknya yang memang orang Malaysia. Banyaklah dalam setahun lebih ini bila saya uruskan perkara ini, saya kata dalam bab Orang Asli, jelas Perkara 160(2) itu kuat kuasa undang-undang.

Peribumi Sabah Sarawak 161A (6)(a), 161A (6)(b) juga secara kuat kuasa undang-undang Peribumi Sabah Sarawak. Kalau ada lagi NGO yang kata Sabah, Sarawak, isunya adalah lambat daftar, itu isu, tetapi dari segi undang-undang, jelas mereka adalah warganegara secara kuat kuasa undang-undang.

Baik. Had umur 18. Ada kebimbangan kalau dia dah mohon lama, masa dia mohon umur 16, lima, enam tahun mohon, umurnya melepasi 21. Jadi, bagaimana...? Arahan saya pada pegawai-pegawai adalah kira pada *moment* dia memasukkan permohonan 18. Bukan salah dia, dia melepasi umur 21 tak dapat keputusan. Jadi itu jelas, sekarang amalan yang akan dipakai adalah, kita kira pada umur 18. Baik.

Satu lagi ialah bila anak luar negara dapat kerakyatan secara automatik- bila kita pinda, dia ada dua warganegara. Satu ikut bapa dia, kalau Australia, Australia lah, kalau UK, UK lah. Bila kita pinda, anak itu juga dapat automatik warganegara, maknanya dia ada dua warganegara.

Perlembagaan ini kita pinda bermaksud pada umur berapa anak itu patut pilih satu- umur 18 lah. Kenapa 18...? Akta Kanak-kanak kata 18, itu dia. Jadi, kita kata pada had umur itu dia mesti buat pilihan, dia ada tiga tahun untuk buat pilihan, pilih satu sahaja. Sebab apa..? Sebab Perlembagaan tidak iktiraf dua warganegara. Jadi, itu dari sudut isu 18.

MyKAS atau Kad Hijau. Apakah maksud Kad Hijau? Seorang yang tak ada dokumen pengenalan pasal tak tahu keluargalah, latar belakang dia siapa, mak siapa, anak, sedangkan dia hendak bersekolah, dia hendak buka akaun segala macam, kita bagi daripada segi undang-undang. Membolehkan JPN keluarkan dia IC Hijau. Lima tahun dia kena *renew*, maksimum 10 tahun. Bagi peluang kepada dia cuba kesan keluarga dia- jejak kasih.

Selepas satu tempoh 10 tahun, tak jumpa juga, tahun yang ke-11 dia boleh mohon untuk dapat IC Merah dan kemudian dia boleh mohon untuk dapat IC warganegara. Itu maksud IC Hijau. Maksudnya satu dokumen yang diiktiraf dari segi Perlembagaan undang-

undang untuk membolehkan pemegangnya cari ibu bapa dia, usaha dulu. Setelah satu tempoh 10 tahun, tak jumpa, dia datang buat permohonan kita beri dia IC Merah dan setelah dia pegang, 12 tahun dia boleh mohon, tetapi undang-undang juga kata melainkan kalau ada sorang bagi pengecualian tempoh 12 tahun iaitu Menteri Dalam Negeri, maka dia boleh. Itu prosesnya, mudah Yang Berhormat bila bantu rakyat- terangkan kaedah itu.

Angkat sumpah dan pemilikan dwi kewarganegaraan- saya dah sebut. Angkat sumpah ini benda baharulah kita masuk. Cikgu Hussin tadi saya dengar, saya walaupun tak duduk sini Cikgu, saya dengar dari bilik saya tadi. Kesetiaanlah segala macam. Inilah, kita baharu masukkan ya bab ini. Baik.

Angkat sumpah taat setia kita ikut Jadual sebagai satu mekanisme kawalan bagi melaksanakan peruntukan baharu Perkara 18 (1A). Yang menghendaki mana-mana orang yang bawah umur 18 yang memperoleh warganegara melalui pendaftaran, angkat sumpah taat setia- kita masuk. Kegagalan macam yang disebut tadi, dia- orang itu terhenti menjadi warganegara.

Tatacara angkat sumpah dan teks dia segala macam, kita masukkan supaya naratif skrip itu menzahirkan bahawa menjadi satu tuntutan untuk dia sebelum menjadi warganegara adalah satu proses angkat sumpah bagi menzahirkan isu sentimen ketaatsetiaan. Cikgu Hussin- Saifuddin masih Saifuddin yang sama Cikgu Hussin kenal 20, 30 tahun yang dulu... *[Tepuk]* Masih sama. Baik, itu soal angkat sumpah.

Baik, saya hendak berganjak, dah tak banyak dah. Retrospektif atau prospektif. Okey ya. Saya sebut tadi, kan. Hasrat hendak pinda- pinda, tetapi kita kena melepasi Kerajaan Sabah, Sarawak dan Majlis Raja-Raja. Ya Raja-Raja *the custodians of the Malays and Islam*.

■1740

Kita kena sampaikan, mereka bagi pandangan mereka. Nasihat mereka kepada kita adalah jangan sampai buka *floodgates*, jangan dipermudahkan. Isu kemanusiaan kena *addressed*, jangan zalimi orang. Kalau dia berhak, bagi, permudahkan, tapi kena ambil. Jadi kita kena cari keseimbangan.

Kita berdepan dengan realiti orang yang kosong dokumen, susah hidup dia. Itu aspek kemanusiaan.

Kita ada peruntukan undang-undang yang juga kita kena patuh.

Kita ada Institusi Raja-Raja yang menjaga institusi penting dalam negara. Kesemua kena ambil kira.

Jadi pemakaian secara ke belakang, *retro* atau ke depan secara *prospective*, kita kaji amalan baik negara-negara bila ada pindaan macam kita buat pemakaiannya itu beragam.

Singapura misalnya, dia pakai ke depan. Ada contoh negara jiran kita. Dia pakai ke depan. Jadi kita ada Senarai, bila kita buat perbandingan kita bentang pada Majlis Raja-Raja.

Akhirnya keputusan yang munasabah sesuai dengan iklim dan acuan kita ialah pemakaian secara ke depan.

Sebab itu, saya segerakan dulu 3198 itu, saya selesaikan dulu. Tak ada tangguh. Sekiranya tidak, kalau kita nak pakai cara ke belakang, sampai bila- generasi ke berapa, tapi *of course* dalam peraturan kita, kita masukkan apakah mereka hilang langsung peluang untuk jadi warganegara sekalipun pemakaian cara ke depan? Jawapannya tidak. Bezanya ke depan, kuat kuasa undang-undang. Kalau mereka mohon secara ke belakang, itu cara pendaftaran. Itu sahaja beza dia. Jadi, *retro* dan *prospective.*

Saya nak beralih kepada isu pelucutan. Isteri warga asing, berkahwin- jodohnya lelaki tempatan. Perlembagaan sebelum kita pinda dia sebut, “Jika berlaku penceraian setelah dua tahun berkahwin, jika bercerai dia boleh ditarik, dilucut warganegara.” Ingat ayat asal pindaan sebelum ini. Jika dia bercerai, dua tahun selepas perkahwinan. Berkahwin, dua tahun kahwin, cerai. Ayat asal Perlembagaan adalah- kerajaan boleh lucut warganegara dia. Hakikat sebenarnya, hal itu tak berlaku. Isteri warga asing tak dapat warganegara dalam tempoh dua tahun, tak.

Dalam Akta Imigresen, Ketua Pengarah Imigresen, *practice* sekarang, tahun depan saya mungkin semak balik. Akta Imigresen membolehkan Ketua Pengarah Imigresen untuk membuat peraturan. Peraturan sekarang, melainkan saya pinda. Saya *qualify*. Saya ada juga pandangan selepas ini, saya nak *go* lebih *robust*. Dia kata, isteri warga asing kahwin lelaki tempatan. Lima tahun pertama dia pegang *Spouse Visa*, tahun yang keenam dia boleh mohon Permit Masuk kemudian dia boleh mohon IC Merah.

Suami warga asing, berkahwin isteri tempatan, lima tahun pertama *Spouse Visa*. Tahun yang keenam dia boleh mohon Permit Masuk, tapi dia kena pegang selamat 12 tahun.

Kalau isteri warga asing, pegang dua tahun sahaja sebelum dia boleh mohon IC Merah dan IC, okey. Itu peraturan.

Saya sebut tadi, Perlembagaan, akta, kaedah, peraturan. Ini peraturan. Peraturan boleh saja kita pinda. Mungkin sesuai waktu itu, mungkin tidak ke depan nanti.

Baik. Pelucutan kepada isteri warga asing, kalau dua tahun setelah bercerai perkahwinannya, maka warganegara boleh ditarik balik.

Data di JPN menunjukkan tak ada yang dapat warganegara selepas dua tahun berkahwin. Sebab dia pegang *Spouse Visa* lima tahun. Jadi, kita pinda dengan mengatakan dua tahun setelah dia mendapat warganegara jika berlaku perceraian. Timbul pejuang-pejuang wanita bagi tahu saya macam dia sebut tadi, macam mana kalau rumah tangga dia dah keganasan kan. Ceritanya begini. Baik. Biar seksyen dan undang-undang yang kita guna pakai. Okey.

Yang pertama, isteri warga asing berkahwin lelaki tempatan. Katalah dia orang Thailand, dia kahwin bertemu jodoh orang Selangor. Dia duduk, dia masih tak *give up*

warganegara. Dia masih orang Thailand. Okey, tapi setelah dia lima tahun *Spouse Visa* kemudian pegang Permit Masuk kemudian dapat IC Merah ini, dia mohon warganegara-dapat. Dia ada dua warganegara. Memang kita kena suruh dia buang satu. Maknanya dia ada warganegara tak? Ada. Kalau dia buang Thailand, dia Warganegara Malaysialah. Tak timbul. Baik.

Yang kedua ialah dia Warganegara Thailand dan dia berkahwin- berlaku penceraian. Kemudian Perlembagaan yang kita pinda ini mengatakan dua tahun selepas mendapat warganegara. Baik. Perlembagaan Persekutuan juga mengatakan, jika dengan akibat dilucutkan warganegara membawa kepada isteri itu tidak ada sebarang warganegara, maka pelucutan itu tidak boleh dilakukan. Perlembagaan juga. Itu dia dalam Perlembagaan Persekutuan. Manakah naskhah dia? Perlembagaan Persekutuan yang kita dibekalkan itu. Dengan sebab pelucutan itu, dia menjadi *stateless*. Maka pelucutan tidak boleh dibuat.

Perkara pelucutan Datuk Yang di-Pertua, ada dua cara. Pertama, dia sendiri memilih untuk melepaskan. Ada. Saya jumpa banyak kes masa umur 30-an, dia lucut warganegara. Umur 70 tahun dia balik semula. “Datuk, sebenarnya taat setia saya, setelah ini saya nak menumpahkan.” Bila kita semak, dia pernah lepaskan warganegara 40 tahun dulu. Warganegara bukan macam salin baju. *For whatever reason*, dia nak patah balik. *So*, kita kena ada elemen siasat dan kawalan. Satu.

Yang kedua, ada Panel Pelucutan dengan mengambil kira semua perkara. Sebab itu, tadi disebut- apakah dimudahkan ada prosedur? *Yes*. Sekarang, kalau dia ada *pending cases* di Mahkamah atau dia tak lunaskan Cukai Lembaga Hasil, kita *hold* sampai dia *clear* dahulu baharu kita lepaskan. Ini elemen kawalan. Itu berkenaan pelucutan.

Baik. Ada juga yang *marriage of convenience*, ada. Isteri umur 21, suami umur 83. Ada. Bila dia kahwin, dapat warganegara, dia cerai. *Marriage of convenience*-lah itu.

Dia jarang berlaku yang isteri umur 68, suami umur 25. Tak ada.

Beberapa Ahli: Ada...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ada? Okey. Ada. Saya tarik balik. Tak ada masalah. Jadi, *marriage of convenience* tak boleh. Dia tak boleh bagi ruang macam itu. Sebab itu perkara tentang pelucutan warganegara harus dilihat dalam konteks itu. Okey. Itu definisi dia.

Baik. Status keputusan ke atas permohonan warganegara. Baik. Terdapat pelbagai cadangan *way forward* dan sebagainya. Saya bersungguh-sungguhlah nak melihat dan memudahkan perkara-perkara ini tanpa kita korbankan prinsip keadilan, kemanusiaan daripada segi tanggungjawab menjaga kedaulatan negara ini. Kita lebih baik tak usah beza pendapatlah dalam bab-bab ini.

Okey. Sebahagian kita tadi sebut *foundling baby*, anak terdampar. Kita pinda. Dulu anak terdampar hendaklah dianggap lahirkan ditempatkan di mana dia ditemui dan hendaklah

dianggap ibunya seorang Pemastautin Tetap. Tadi sebutkan kalau lahirnya watak Negro kah, segala macam kan? Baik, kita kata bahawa supaya berlaku adil, *foundling baby* kita pakai secara seragam. Kita kata hendaklah dia dianggap lahir di tempat di mana ditemui yang ibunya adalah seorang warganegara. Kita *start* situ. Jadi kita selesai masalah anak ini punya. Ada *clarity* daripada segi itu.

Baik. Saya juga Datuk Yang di-Pertua memilih untuk menyentuh juga di kalangan Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal antaranya adalah soal mengetatkan peraturan. Dia ada dua bila saya dengar perbahasan tadi kan. Satu kata, kena ketatkan. Kalau boleh bagi masa tempoh yang itu. Satu lagi kata, tolonglah percepatkan. Jadi, *unbalance*. Nampak dah. Satu kata kenapalah mereka mesti tunggu lama. Satu kata, lama itu adalah satu tempoh di mana kita akan menilai dia. Duduk situ dulu, saya dengar tadi.

Untuk itu, kita kena terima *that we can never satisfy everyone. It's impossible,* tapi selama kita- bahawa kita nak buat perkara yang betul, *we want to do the right thing- the right thing to do is to speed up the process. Give justice to those who are entitled*.

Akhir sekali, institusi perkahwinan. Ini penamat saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, sebelum YB Menteri nak tamatkan, ada tak Ahli-ahli yang nak mencelah...?

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Ada.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada juga eh. Tak puas lagi?

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: Puas. Puas.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, YB Zurainah.

Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa: *Credit must be given where credit is due.* Tahniah Yang Berhormat Menteri, *you spoke from your heart*. *Alhamdulillah.* Syukur. Nampak daripada air muka nya.

■1750

Untuk Datuk Yang di-Pertua, kita tak adil sebab beliau dahulu seorang Timbalan Menteri KDN. *So, he knows the cases like the back of his hands. So,* kami ini banyak soalan nak tanya.

SOP baharu ini Datuk Yang di-Pertua, boleh tak kongsikan SOP baharu ini dengan kami? Sebagai Ahli Dewan Negara ini, kita nak tahu. Jadi, boleh kita beri pandangan dan juga boleh kita pun memainkan peranan dalam pembentukan dan aplikasi SOP ini. Itu satu.

Kedua, Panel Perlucutan ini. Boleh tak kita ada wakil daripada NGO, wakil daripada Dewan Negara atau *outsiders as well*? Boleh bagi *fresh input*, dengan izin kepada *verdicts* yang akan disampaikan.

Ketiga dan terakhir Datuk Yang di-Pertua ialah anak kepada ibu bapa IC Merah ini, berapa lama kah anak ini akan mendapat PR? Fasal dilahirkan, mak bapa PR. *So, what's*

going to happen to the child? Adakah anak ini kena melalui proses permohonan? Adakah mendapat PR kah, warganegara? Itu persoalannya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. *Assalamualaikum*.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Mak dan ayah IC Merah, bila kita pinda nanti, bila anak dia lahir, dia daftar di Jabatan Pendaftaran. Dia status- dia kena- Sijil Lahir dia kena ada lah sebab Pendaftaran Kelahiran. Kemudian bila sampai satu had umur dia- saya sebut tadi kan, dua *treatment* yang kita kena bezakan. Yang *local born- local born* ini kita bagi keutamaan. SOP akan dibangunkan. Kita akan bagi keutamaan berbanding yang 210,000 tadi. Itu beza. Jadi, prosesnya adalah dia akan dapat Memohon Secara Pendaftaran untuk jadi warganegara. Okey, itu jaminan.

Baik, soal SOP. Boleh tak kita hebahkan? Kalau klik ke laman web JPN sebenarnya panduan itu dah ada. Boleh *share*. Itu pun dah memadai sebenarnya, tetapi kalau soal SOP itu melibatkan Tapisan Keselamatan, yang itu kita kena pertimbangkan cadangan Yang Berhormat sama ada ia boleh sampai ke tahap itulah. Kita pun setuju bahawa soal warganegara ini tak boleh kita beri dengan mudah. Istilahnya anugerah tertinggi dan tapisan kita itu melibatkan pelbagai perkara. Jadi, apakah dengan mudah kita nak berikan panduan itu? Biar dia kekal sebagai- sebab saya bentang kepada Jemaah Menteri. Bila kita bentang kepada Jemaah Menteri maknanya dia berstatus 'Rahsia' Kerajaan dan sebagainyalah. Kecualilah kita *declassify* dan sebagainya.

Memadai saya sebut ini bahawa keutamaan kita sekarang apa? Nak selesaikan isu kewarganegaraan. Saya jelas ada berapa lagi jumlah yang kita nak buat keputusan. Secara purata sekarang ini Yang Berhormat, yang lahir luar negara masuk permohonan, sebulan kita ini lebih kurang 1,000 tahu. Banyak. Wanita Malaysia ini jodohnya seantero dunia. Satu-*worldwide*. Banyak... *[Ketawa]* Segala macam. Saya bila buat majlis, buat penyerahan itu boleh tengok. Tanya di mana. Yaman. Lahir mana, UK. Itu biasalah. Seluruh pelosok negara.

Saya pernah jumpa seorang ibu dari Johor. Datuk Wee Ka Siong bawa pada saya. Belajar di TAR College, pelajar pandai. Dia hantar belajar ke Jerman. Bertemu jodoh. Suaminya Indonesia. Anak pertama lahir di sana. Jadi, isu warganegara tak jelas. Anak kedua, masa COVID-19 sekatan perjalanan, dia lindungi *pregnancy* dia. Dia terbang balik untuk lahir di Johor dan dia aktivis *Family Frontier* sekarang.

Saya *salute* Family Frontier walaupun calar balar juga saya kena, tetapi saya bagi tahu pegawai-pegawai saya, KDN sampai sekarang kita *engage Family Frontier* untuk selesaikan kes ini. Kami tak pisah... *[Tepuk]* Kerjasama cukup baik. Walaupun kritik mereka masih tajam, tetapi saya raikan. Tak apa. Saya tahu mereka membela satu isu yang dekat di hati mereka. Saya tak ada masalah bab itu.

Okey, jadi penutup saya. Yang Berhormat Abun nak tanya apa Yang Berhormat Abun? Habis dah...

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, saya nak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar, sebentar.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Okey.

Tuan Abun Sui Anyit: Saya ada nak tanya satu soalan yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa orang nak mencelah ini? YB Abun, Dato' Salehuddin bangun dahulu.

Tuan Abun Sui Anyit: Tetapi saya ada bukti ini... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, tak, tak. Berapa orang yang nak mencelah ini? Nak tanya. YB Menteri ada masalah masa sikit ini. Nak tahu berapa ramai? Dato' Salehuddin, YB Abun. Lagi siapa lagi? Tiada ya. *So*, dua orang sahaja yang akan mencelah ya. Okey, baik. Saya bagi Dato' Salehuddin dahulu pasal tadi Dato' Salehuddin bangun awal tadi. Lepas itu, YB Abun. Lepas itu, Menteri boleh gulung. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya kagum dengan Yang Berhormat Menteri. Dalam tempoh yang singkat, setahun sahaja dia dah mahir undang-undang itu seolah-olah dia seorang Peguam pun. Syabas kepada Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]*

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Kebanyakan persoalan yang saya bangkitkan pagi tadi juga telah dijawab dengan jelas dan nyata ya YB Menteri. Cuma, ada dua perkara yang saya minta supaya dapat dipertimbangkan.

Pertama, berkaitan dengan SOP. Yang Berhormat Menteri telah menggariskan SOP yang begitu menarik sekali. Tempoh satu tahun kena bagi jawapan. Setuju, lulus ataupun tidak, dengan alasannya.

Persoalan saya, kita takut satu hari nanti Yang Berhormat Menteri bukan lagi jadi Menteri Dalam Negeri- bukan selama-lamanya dan SOP ini adalah bentuk pentadbiran. Apa kata kalau SOP ini kita terjemahkan ke dalam *Citizenship Rules* 1964? Baharulah ada *force of law*. Bermakna, andai kata seseorang tidak mematuhi ataupun tadbir pihak yang melaksanakan urusan pendaftaran yang tidak melaksanakan dalam tempoh satu tahun, kita boleh ambil tindakan undang-undang. Jadi, ia ada kesan undang-undang yang lebih baik berbandingkan dengan SOP yang dicadangkan. Itu yang pertama.

Kedua, daripada segi *retrospective effect* dan juga *prospective effect*. Memang betul kebanyakan undang-undang bila kita gubal, kita pinda, ia berbentuk *prospective effect*. Cuma soalan saya, tidakkah boleh hanya satu peruntukan yang berkaitan dengan Perkara 14 itu? Perkara 14 yang berkait dengan Jadual Kedua berkaitan dengan suami isteri seorang warganegara yang anaknya lahir di luar negara. Kita jadikan itu sebagai *retrospective effect,*

kesan ke belakang sebab kesannya besar. Banyak mereka yang buat permohonan, tetapi lima, enam tahun tak dapat lagi jawapannya.

Kalau Yang Berhormat kata satu tahun selepas ini SOP-nya, bermakna mereka yang sebelum pindaan ini, mereka boleh buat permohonan di bawah Perkara 15. Adakah mereka juga akan tertakluk kepada satu tahun itu ataupun adakah ia lebih sesuai untuk kita adakan sebagai satu kesan ke belakang hanya khusus kepada Artikel 14? Itu sahaja penjelasan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Speaker sebelum saya, ada bagi dia ruang.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sudah, okey. Terima kasih. Dato' Speaker pun sahabat lama.

Tuan Yang di-Pertua: Dia yang terakhir ya. YB Abun.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Ya, boleh.

Tuan Abun Sui Anyit: Okey. Saya soal dahulu. Terima kasih.

Saya ada dua situasi dengan saya di sini. Satu lebih muda. Satu lebih berusia sikit. Orang ini, ada IC Hijau... *[Menunjukkan sekeping kertas]* Ini saya rasa dia muda... *[Menunjukkan sekeping kertas]* Saya terus kepada yang lebih berusialah. Umur dia ini sekarang adalah 59 tahun. Kalau Hijau tadi, 10 tahun. Kalau dia bertukar jadi Merah, dia akan 12 tahun. Maknanya 22. Campur dengan 59, hanya dijangkalah 81 tahun baharu dia akan jadi warganegara. Ini Orang Asal ini. Orang macam saya.

Jadi, apakah kaedah untuk mempercepatkan keadaan mereka ini? Ini soalan saya sebab yang muda ini pun juga akan menghadapi masalah yang sama, tetapi saya lebih tumpu kepada yang berusia ini, 59 tahun. Jadi, tambah 22 tahun baharu dia akan jadi warganegara kalau ikut matematiknya. Jadi, terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Baik. Supaya berlaku adil kepada saya dan sekalian, kalau ada kes spesifik, saya ingat lebih baik terus rujuk pada saya. Maknanya *quite unfair for you to raise up a specific matter and expecting me to response accordingly. So,* saya fikir dengan izin, saya akan terus minta Senator Abun berurusan begitu.

Yang Berhormat Dato' Salehuddin, ada dua cadangan yang menarik, ya Dato'. Namanya Prosedur Pengendalian Standard. Ini baharu contoh 19(1), ini contohnya... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Jadi, statusnya adalah macam pentadbiranlah ya. Baik.

Tadi Yang Berhormat mengemukakan cadangan supaya ia dinaikkan taraf sikit, mengikat dan *binding*. Maknanya, dimasukkan dalam *Citizenship Rules 1974*. Saya tak ada masalah untuk menimbang cadangan itu kerana premis Yang Berhormat bagi tahu adalah- ya kalau sekarang Saifuddin, okey lah. Dia kata. *What if* kalau tukar yang lain, tetapi tukar lain naik pula Yang Berhormat Dato' Salehuddin, lagi legalah kita. Contohlah, tetapi kalau ada ketidakpastian begitu, maka ia mesti diikat. Biar ada *clarity*. Okey ya.

■1800

Saya, pegawai-pegawai saya termasuk Penasihat Undang-undang semua berada di belakang. Yang di-Pertua tahu, dia pun seorang pengamal undang-undang. Empat penggal, lima penggal jadi ADUN. Sahabat lama saya, Exco PBB zaman Celestine Ujang dulu. Hari ini, jumpa balik sebagai Speaker. Saya tak ada masalah bab itu yang untuk menerima, tapi saya nak tunjuk bahawa hal ini sangat memandu kami, daripada tak ada jadi ada. Baik.

Perkara kedua yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, apakah boleh Perkara 14(1B) itu dirujuk khusus pemakaian retro itu kepada elemen sekarang? Sebab itu, saya tegaskan bahawa kesemua permohonan sebelum ini, tak ada lagi atas meja saya. Semua keputusan telah dibuat. Jumlah, 3,198. Baik.

Dalam tempoh sementara kita berbahas ke arah meluluskan, kemudian diberi perkenan dan diwartakan. Maka, permohonan masih masuk. Kita akan urus mengikut proses lama, peraturan lama. Okey. Jadi, ke depan, apakah kita nak gunakan khusus untuk itu? Itu yang saya sebut tadi bahawa dalam sesi libat urus kami dengan Majlis Raja-Raja misalnya, ini antara perkara yang mereka minta sungguh-sungguh diberikan pertimbangan dan dibuat keputusan secara berhati-hati.

Saya punya pengalaman menghadap dengan Raja-Raja. Jadi, itu yang memandu saya dalam membuat keputusan retro ataupun secara perspektif. Sebab itu, saya kata arahan saya kepada pegawai-pegawai adalah tengok amalan baik negara-negara, supaya kita dapat mengangkat syor.

Jadi, itu yang saya katakan, keseimbangan itu adalah tak semua yang kita- pada pendapat kita, boleh memberi penambahbaikan yang lebih besar impaknya, dapat kita penuhi. Jadi, prinsipnya adalah- kalau tak dapat semua, jangan tinggal semua. Itu usul kaedah fiqah nya begitu. Kalau tak dapat semua, jangan tinggal semua. Kita bermula di situ lagi.

Sebab itu, saya tak mahu bermain kata-kata. Hal yang saya rasa *doable*, munasabah, saya komited untuk melaksanakannya. Saya *salute* dan saya hargai pandangan Ahli Yang Berhormat. Speaker, saya mohon untuk mengakhiri penggulungan saya. Terima kasih. *Assalamualaikum... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut Perkara 159, Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini memerlukan sokongan pada Bacaan Kali Yang Kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga, daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, yang hadirlah.

Maka, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1810

Ahli Bersetuju :

1. Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed
2. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail
3. Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir
4. Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar
5. Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
6. Puan Dr. Hajah Fuziah bint Salleh
7. Puan Saraswathy a/p Kandasami
8. Dr. Zulkifli bin Hasan
9. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
10. Tuan Manolan bin Mohamad
11. Puan Susan Chemerai Anding
12. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
13. Tuan Robert Lau Hui Yew
14. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
15. Datin Ros Suryati binti Alang
16. Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa
17. Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
18. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
19. Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
20. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
21. Dato' Sivaraj a/l Chandran
22. Tuan Mohd Hasbie bin Muda
23. Tuan Abun Sui Anyit
24. Tuan Roderick Wong Siew Lead
25. Puan Noorita binti Sual
26. Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
27. Datuk Nelson W Angang
28. Tuan Pele Peter Tinggom
29. Dato’ Setia Salehuddin bin Saidin
30. Dato’ Haji Hussin bin Ismail
31. Tuan Che Alias bin Hamid
32. Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad

33. Tuan Azahar bin Hassan
34. Dato’ Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair
35. Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah
36. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff
37. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
38. Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris
39. Tuan Musoddak bin Ahmad
40. Datuk Lim Pay Hen
41. Dato’ Abdul Halim bin Suleiman
42. Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan
43. Datuk Noraini binti Idris
44. Datuk Wira Koh Nai Kwong
45. Datuk Haji Mustafa bin Musa
46. Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam
47. Tuan Amir bin Md Ghazali
48. Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim
49. Tuan Michael Mujah Lihan
50. Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman

Ahli Tidak Bersetuju :

-Tiada-

Ahli Tidak Hadir
(semasa Undi Belah Bahagian) **:**

1. Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
2. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
3. Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar
4. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz
5. Tuan Isaiah a/l D Jacob

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat setelah selesai undian dibuat dan dikira, sekarang dikemukakan keputusan undian iaitu seramai 50 Ahli yang bersetuju... *[Tepuk]* Tiada yang tidak bersetuju... *[Dewan riuh]* Lima tidak hadir.

Oleh itu rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Silakan Setiausaha.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

***[Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan oleh sebab mengikut Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 ini sekali lagi memerlukan sokongan pada Bacaan Kali Yang Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua per tiga daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(4) saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

[Dewan belah bahagian]

[Pengundian dijalankan]

Ahli Bersetuju :

1. Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed
2. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail
3. Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir
4. Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar
5. Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
6. Puan Dr. Hajah Fuziah bint Salleh
7. Puan Saraswathy a/p Kandasami
8. Dr. Zulkifli bin Hasan
9. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
10. Tuan Manolan bin Mohamad
11. Puan Susan Chemerai Anding
12. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
13. Tuan Robert Lau Hui Yew

14. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
15. Datin Ros Suryati binti Alang
16. Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa
17. Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
18. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
19. Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
20. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
21. Dato' Sivaraj a/l Chandran
22. Tuan Mohd Hasbie bin Muda
23. Tuan Abun Sui Anyit
24. Tuan Roderick Wong Siew Lead
25. Puan Noorita binti Sual
26. Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
27. Datuk Nelson W Angang
28. Tuan Pele Peter Tinggom
29. Dato’ Setia Salehuddin bin Saidin
30. Dato’ Haji Hussin bin Ismail
31. Tuan Che Alias bin Hamid
32. Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad
33. Tuan Azahar bin Hassan
34. Dato’ Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair
35. Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah
36. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff
37. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
38. Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris
39. Tuan Musoddak bin Ahmad
40. Datuk Lim Pay Hen
41. Dato’ Abdul Halim bin Suleiman
42. Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan
43. Datuk Noraini binti Idris
44. Datuk Wira Koh Nai Kwong
45. Datuk Haji Mustafa bin Musa
46. Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam
47. Tuan Amir bin Md Ghazali
48. Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim
49. Tuan Michael Mujah Lihan
50. Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman

Ahli Tidak Bersetuju :

-Tiada-

Ahli Tidak Hadir
(semasa Undi Belah Bahagian) **:**

1. Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
2. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
3. Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar
4. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz
5. Tuan Isaiah a/l D Jacob

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat setelah selesai undian dibuat dan dikira sekarang dikemukakan keputusan undian iaitu seramai 50 Ahli yang bersetuju... *[Tepuk]* Tiada Ahli yang tidak bersetuju... *[Tepuk]* Lima tidak hadir.

Oleh itu rang undang-undang ini disetujukan dan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini telah selesai dan akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 4 Disember 2024.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.22 petang]